



®

MALAYSIAN INSTITUTE
OF ACCOUNTANTS


LAPORAN TAHUNAN BERSEPADU

2022

MENGAWAL SELIA



Institut Akauntan Malaysia (MIA) merupakan sebuah badan berkanun yang diberi mandat untuk mengawal selia dan membangunkan profesion perakaunan ke arah pembangunan negara.



DALAM LAPORAN INI



Untuk maklumat lanjut mengenai MIA, sila imbas Kod QR ini untuk melayari laman sesawang kami.

01

GAMBARAN KESELURUHAN

02 Sekilas Pandang Mengenai MIA

02

REFLEKSI DARIPADA PENGURUSAN TERTINGGI

04 Perutusan Presiden

06 Kenyataan Ketua Pegawai Eksekutif

08 Ulasan Pihak Pengurusan

03

FOKUS

12 Fokus Khas: Profesion yang Relevan pada Masa Depan

16 Kajian Kes: Membanteras Akauntan Tidak Berdaftar

MENGENAI LAPORAN INI

1

INSTITUT
AKAUNTAN
MALAYSIA

Laporan Tahunan
Bersepadu
2022

Laporan ini memberikan penilaian yang ringkas dan padat mengenai aktiviti penciptaan nilai dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang bagi tahun kewangan 2021/2022, yang disediakan selaras dengan Rangka Kerja Pelaporan Bersepadu Yayasan IFRS.

SKOP DAN SEMPADAN PELAPORAN

Laporan ini berhasrat untuk memenuhi keperluan maklumat pihak berkepentingan kami dengan meliputi fungsi utama Institut untuk mengawal selia dan membangunkan profesion perakaunan di Malaysia, ke arah pembangunan negara. Kami akan menunjukkan proses pemikiran bersepadu dan penciptaan nilai kami di dalam keseluruhan laporan ini yang dipetakan kepada kesan kemampanan kami.

Setiap tahun, kami menghasilkan dan menerbitkan Laporan Tahunan Bersepadu di dalam bentuk bercetak dan secara maya untuk menyediakan maklumat material yang menerangkan:

- Tujuan, visi dan nilai
- Model penciptaan nilai
- Enam modal
- Persekitaran operasi dan prospek pasaran, untuk institut dan profesion perakaunan
- Hal-hal material dan risiko utama
- Keterlibatan pihak berkepentingan dan kepentingan
- Prestasi seperti yang diukur terhadap empat objektif strategik kami, dan
- Proses dan penyeliaan tadbir urus mengikut Akta Akauntan 1967

Kami telah memasukkan peristiwa penting selepas 30 Jun 2022 sehingga tarikh kelulusan Majlis pada 30 Ogos 2022. Kami secara berterusan menyemak pelan strategik dan operasi serta garis panduan kami sebagai maklum balas kepada risiko utama kepada Institut dan profesion. Kami juga berusaha untuk menangani maklum balas yang dibangkitkan oleh Yayasan Pelaporan Nilai (yang telah digabungkan ke dalam Yayasan IFRS) dalam semakan analisis jurang Laporan Tahunan Bersepadu kelima MIA bagi mempertingkatkan pendedahan.

Melalui Laporan Tahunan Bersepadu ini, pembaca akan memahami tujuan, strategi, sasaran operasi dan hasil penciptaan nilai MIA yang dijangkakan bagi jangka pendek, sederhana dan panjang yang terutamanya bukan bersifat kewangan memandangkan status MIA sebagai badan berkanun bagi profesion perakaunan di Malaysia di bawah Akta Akauntan 1967.

Bagi memastikan ketepatan laporan ini, ia telah disemak oleh Jabatan Audit Dalam MIA. Selain itu, Majlis telah menjalankan penyeliaan secara bersama dan memantau proses penyediaan dan pembentangan laporan. Pihak Majlis berpendapat bahawa laporan ini telah dibentangkan selaras dengan Rangka Kerja Pelaporan Bersepadu Yayasan IFRS.

04

PENCIPTAAN NILAI

- 18 Warga Kami
- 20 Model Penciptaan Nilai Kami
- 22 Keterlibatan Pihak Berkepentingan
- 32 Prospek Pasaran dan Trend Utama
- 34 Perkara Material
- 38 Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kami
- 39 Risiko Utama Kami
- 41 Prestasi mengikut Objektif Strategik
- 46 Modal Kami
- 48 Agenda Kemampanan
- 51 Ringkasan Kewangan

05

TADBIR URUS

- 52 Rangka Kerja Tadbir Urus dan Fungsi-fungsi
- 53 Ahli Majlis
- 58 Laporan Majlis
- 62 Komposisi Majlis
- 64 Lembaga/Jawatankuasa

06

KEWANGAN

- 65 Penyata Kewangan

07

LAMPIRAN

- 107 Akronim

SEKILAS PANDANG MENGENAI MIA

MIA ialah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Akauntan 1967 dengan mandat untuk mengawal selia dan membangunkan profesion perakaunan di Malaysia.

TUJUAN

Untuk mengawal selia dan membangun profesion perakaunan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara.

VISI

Untuk diiktiraf sebagai Organisasi Perakaunan Profesional (PAO) di peringkat global dalam mengawal selia dan membangunkan profesion untuk pembangunan negara.

NILAI



Integriti



Saling Mempercayai
dan Menghormati



Profesionalisme



Akauntabiliti



Komitmen




Kerjasama



Kemampanan

Aktiviti pengawalseliaan dan pembangunan yang kami sasarkan telah diterapkan dalam nilai kami, berpandukan empat Objektif Strategik kami dan dipacu oleh enam modal kami

Matlamat utama kami adalah untuk mencapai kerelevanan profesion pada masa depan bagi melindungi kepentingan awam dan menyokong pembangunan negara yang mampan.



Perutusan
PresidenKenyataan Ketua
Pegawai EksekutifUlasan Pihak
Pengurusan

Fokus

Penciptaan
Nilai

Tadbir Urus

Kewangan

Lampiran

PERUTUSAN
PRESIDENMEMANFAATKAN
PELUANG BAHARU

Bagi pihak Majlis, saya berbesar hati untuk berkongsi ulasan tentang usaha MIA untuk mengukuhkan kerelevanan profesion perakaunan pada masa depan dalam menyokong pembangunan negara yang mampan, bagi tahun kewangan dalam liputan dan tahun-tahun yang mendatang.

SOROTAN UTAMA

Walaupun Malaysia sudah mula beralih kepada fasa endemik COVID-19, ekonomi masih mudah terjejas kepada pelbagai risiko daripada cabaran geopolitik, bakat, buruh dan kesihatan kepada gangguan rantaian bekalan dan inflasi yang semakin meningkat. Dalam persekitaran yang tidak menentu ini, Institut terus berusaha membantu ahli dan pihak berkepentingan dalam meningkatkan tadbir urus yang baik, kesinambungan perniagaan dan kesejahteraan secara keseluruhan.

Keutamaan kami adalah usaha berterusan dan intensif Institut untuk mengukuhkan pengawalseliaan. MIA meningkatkan keterlibatan kami dengan Kementerian Kewangan (MOF) hal-hal berkaitan pembaharuan Akta Akauntan dan pelaksanaannya untuk memperkasa Institut sebagai pengawal selia dan membangun profesion perakaunan. MIA turut menekankan penguatkuasaan dan pengawalseliaan proaktif terhadap penyediaan perkhidmatan perakaunan dengan kerjasama pengawal selia bersama seperti Suruhanjaya Sekuriti (SC), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Bursa Malaysia untuk meningkatkan tadbir urus yang baik dan melindungi kepentingan awam.

Kesejahteraan ahli juga merupakan satu keutamaan kerana kekangan yang dicetuskan oleh pandemik dua tahun lalu telah mempengaruhi prestasi dan kesinambungan perniagaan serta kewangan, emosi dan kesihatan psikologi. Di samping menyediakan rangkaian perkhidmatan sokongan dan sumber yang komprehensif, MIA mengutamakan usaha untuk meningkatkan kesejahteraan holistik ahli kami, melalui inisiatif seperti Program Bantuan Ahli MIA (MMAP) termasuk MIA Careline.

Memandangkan tekanan ke atas Kerajaan dan perniagaan untuk menyepadukan hal-hal Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir urus (ESG) ke dalam pengurusan dan tadbir urus semakin meningkat, MIA telah langkah aktif dalam menyokong ESG. Dengan bantuan kepakaran profesion dalam pengukuran dan pendedahan, MIA menggalakkan perniagaan untuk menerima pakai pendekatan perakaunan, kewangan dan pelaporan yang direka untuk membantu peralihan ke masa depan yang lebih mampan. Oleh itu, MIA menumpukan kepada peningkatan kemahiran akauntan mengenai rangka kerja pelaporan kewangan dan bukan kewangan kompleks yang sedang diselaraskan secara global, bagi memastikan kerelevanan ahli pada masa depan dalam persekitaran yang berorientasikan ESG.

Datuk Bazlan Osman
Presiden



Menambah kemahiran akauntan sebagai pemimpin kemampanan dan penasihat pakar

dalam strategi dan pelaksanaan ESG, penekanan pada perubahan iklim dan pelaporan dan pendedahan kemampanan untuk menambahbaik pembuatan keputusan dan hasil organisasi

Bagi menyokong pembangunan negara mampan, MIA juga menyokong tadbir urus percukaian yang lebih kukuh sebagai komponen utama 'G' dalam ESG. Contoh pendekatan kerjasama strategik Institut yang paling ketara adalah antara MIA dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) yang telah bekerjasama untuk menerbitkan Panduan Tadbir Urus Cukai yang baharu untuk menyokong ketelusan cukai dan amalan pelaporan yang baik dalam kalangan penerbit tersenarai.

PROSPEK

Apa yang boleh diharapkan daripada MIA pada tahun 2023 dan dalam jangka masa panjang?

MIA akan terus berusaha untuk mencapai sasaran kami secara mampan dengan memanfaatkan kerjasama strategik kami, keterlibatan proaktif, dan hubungan teguh dengan pelbagai pihak berkepentingan kami.

Untuk meningkatkan nilai profesion dan membina pengiktirafan, MIA akan terus bekerjasama dengan badan global dan menyelaras inisiatif kami dengan agenda profesion perakaunan global secara keseluruhannya sepertimana yang disokong oleh Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC), Persekutuan Akauntan ASEAN (AFA), Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (IASB), Lembaga Piawaian Kemampanan Antarabangsa (ISSB) yang baharu, Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan Antarabangsa (IAASB), Lembaga Piawaian Pendidikan Perakaunan Antarabangsa (IAESB), dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan (IESBA). Ini membolehkan profesion di Malaysia dan ahli MIA mengikuti perkembangan dan amalan terbaik global, dan mematuhi piawaian antarabangsa dalam memenuhi permintaan pasaran. Selain itu, MIA akan terus menyokong badan profesional dalam agenda sokongan dan usaha mereka dan pada masa yang sama meminimumkan duplikasi untuk meningkatkan kompetensi dan menggunakan sumber kami dengan berkesan.

Antara keutamaan kami seterusnya adalah mengekalkan kerjasama erat dengan pihak berkepentingan dalam sektor awam dan swasta. Ini akan membolehkan MIA mengukuhkan pengawalseliaan dan perkembangan pembangunan profesion agar relevan pada masa depan untuk menyokong kesinambungan dan kemampanan perniagaan.

Bagi menambahbaik pengawalseliaan, MIA akan meningkatkan keterlibatan kami dengan Kementerian Kewangan mengenai cadangan Akta Akauntan yang baharu dan pelaksanaannya. MIA juga akan terus bekerjasama dengan pengawalselia bersama kami dalam bidang penguatkuasaan proaktif demi tadbir urus yang baik dan kepentingan awam.

Memandangkan risiko kemampanan dijangka kekal sebagai risiko perniagaan yang utama, MIA akan meningkatkan sokongan ESG untuk membantu memacu kesinambungan dan kemampanan perniagaan.

Laporan Risiko Global Forum Ekonomi Dunia 2022 terbaharu memberi amaran bahawa tiga risiko global teratas dalam tempoh sepuluh tahun akan datang adalah tiada tindakan menangani perubahan iklim, cuaca melampau dan kehilangan biodiversiti. Pihak Berkuasa Antara Kerajaan Mengenai Perubahan Iklim (IPCC) juga telah memberi amaran bahawa waktu ini adalah masanya untuk mengehadkan pemanasan global kepada 1.5 darjah Celsius. J atau risikonya dunia tidak lagi dapat didiami. Malaysia juga sedang melaksanakan komitmen pelepasan karbonnya untuk mencapai pengurangan pelepasan gas rumah hijau (GHG) yang didasarkan dan mencapai sifar bersih menjelang 2050. Sebagai respons, MIA akan memberi tumpuan kepada peningkatan kemahiran akauntan sebagai pemimpin kemampanan dan penasihat pakar dalam strategi dan pelaksanaan ESG, penekanan pada perubahan iklim dan pelaporan dan pendedahan kemampanan untuk menambah baik proses membuat keputusan dan hasil organisasi.

Institut juga akan meningkatkan sokongan terhadap tadbir urus cukai. MIA merancang untuk bekerjasama dengan Bursa Malaysia untuk mendidik dan memberi panduan kepada pengarah penerbit tersenarai dalam melaporkan pengurusan hal-hal cukai yang melibatkan syarikat dalam laporan tahunan mereka, selaras dengan perkembangan antarabangsa. Penambahbaikan dalam ketelusan cukai akan menggalakkan kepercayaan dan kredibiliti dalam amalan cukai penerbit tersenarai dan membolehkan pelabur dan pihak berkepentingan membuat keputusan yang termaklum.

Walaupun tempoh paling getir krisis COVID-19 belum berakhir, MIA akan terus menggalakkan ahlinya mengukuhkan kesinambungan perniagaan dan menjaga kesejahteraan sosial dan mental mereka. Ini melibatkan penumpuan pada CPE untuk meningkatkan kemahiran ahli bagi fasa endemik COVID-19 dan mempersiapkan profesion untuk mengharungi risiko iklim, geopolitik dan inflasi yang semakin meningkat serta gangguan rantaian bekalan yang mengancam keadaan ekonomi global yang rapuh.

PENGHARGAAN

Usaha MIA untuk mempersiapkan profesion perakaunan untuk masa depan bergantung pada kerjasama dan sumbangan pelbagai pihak berkepentingan.

Bagi pihak Majlis, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Kewangan dan pejabat Akauntan Negara dan Ketua Audit Negara atas sokongan mereka yang membolehkan MIA melaksanakan mandatnya untuk mengawal selia dan membangunkan profesion. MIA juga ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada semua Kementerian, agensi sektor awam dan organisasi sektor swasta yang telah menyokong inisiatif kami.

Seterusnya, saya ingin berterima kasih kepada ahli Majlis di atas pandangan yang diberikan dan penyeliaan mereka terhadap Institut. Majlis ingin merakamkan penghargaan kepada Mantan Presiden Terbaharu, Dr. Veerinderjeet Singh, yang menamatkan tempoh kepimpinannya pada 28 Mei 2022. Beliau meninggalkan legasi kepimpinan serba boleh, idea-idea yang berharga, kepakaran strategik dan merangsang inisiatif dan kerjasama yang menjadi satu asas yang kukuh untuk MIA terus maju.

Ahli Lembaga/Jawatankuasa MIA memainkan peranan besar dalam membentuk kapasiti dan kecekapan Institut dan profesion. Oleh itu, saya ingin berterima kasih kepada Ahli Lembaga/Jawatankuasa MIA atas sumbangan mereka dalam menyelia, membimbing, dan memacu inisiatif Institut. Saya juga berbesar hati untuk mengalu-alukan pengerusi baharu di dalam pelbagai Lembaga/Jawatankuasa di Institut yang akan menyuntik idea baharu dan kepimpinan yang bersemangat tinggi.

Majlis juga ingin berterima kasih kepada pengurusan dan kakitangan MIA atas profesionalisme dan dedikasi mereka dalam melaksanakan strategi dan pelan operasi Institut bagi mempersiapkan profesion untuk masa depan. Sehubungan itu, saya ingin mengalu-alukan Ketua Pegawai Eksekutif MIA yang baharu, Dr. Wan Ahmad Rudiman Wan Razak yang menyertai Institut pada 28 Mac 2022 dan berterima kasih kepada mantan Ketua Pegawai Eksekutif, Dr. Nurmazilah Dato' Mahzan dan pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Muhammad Redzuan Abdullah atas jasa mereka kepada Institut.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua ahli kami atas sokongan dan komitmen berterusan anda kepada MIA dan profesion. Ketika kita mengorak langkah ke hadapan, MIA akan terus melibatkan ahli untuk lebih memahami isu dan cabaran, sekali gus menyediakan sokongan dan perkhidmatan yang diperlukan. Ahli diingatkan supaya berpegang teguh pada profesionalisme dan kod etika yang membezakan profesion sebagai penjaga kepentingan awam.

Dengan memanfaatkan kerjasama strategik kami dengan pihak berkepentingan, Institut yakin bahawa profesion dan ahli MIA akan lebih tangkas, berdaya tahan dan relevan dalam landskap yang kompleks dan tidak menentu yang berorientasikan ke arah kemampanan.



Rujuk halaman 22
bagi perbincangan
keseluruhan
Keterlibatan Pihak
Berkepentingan

KENYATAAN KETUA
PEGAWAI EKSEKUTIFMEMPERSIAPKAN
PROFESION UNTUK
MASA DEPANPerutusan
PresidenKenyataan Ketua
Pegawai EksekutifUlasan Pihak
Pengurusan

Fokus

Penciptaan
Nilai

Tadbir Urus

Kewangan

Lampiran

Dr. Wan Ahmad Rudirman
Wan Razak


Ketua Pegawai Eksekutif

Bagi pihak pengurusan, saya berbesar hati untuk berkongsi sorotan utama prestasi operasi Institut bermula dari Julai 2021 sehingga Jun 2022 dan tinjauan yang diunjurkan dari Julai 2022 dan ke hadapan.

Secara keseluruhannya, prestasi Institut bagi tahun kewangan adalah memuaskan, walaupun tertakluk kepada sekatan tertentu ekoran pendirian berhemat negara dalam menguruskan krisis COVID-19. Sekatan ini menghasilkan cabaran utama terutamanya dalam bidang bakat dan Pendidikan Profesional Berterusan (CPE), yang berjaya diuruskan oleh MIA dengan melaksanakan pelbagai pelan tindakan dalam mengadaptasi norma baharu, seperti bertukar kepada CPE dalam talian.

Melalui pengurusan yang tangkas, Institut dapat memenuhi empat objektif strategiknya iaitu membangunkan kecekapan, meningkatkan etika, mengukuhkan pengawalseliaan, dan meningkatkan proposisi nilai profesion untuk menjadikan akauntan relevan pada masa depan. Secara ringkasnya, MIA mencapai sasaran strategik dan operasinya sebanyak 93%, di mana 23% melebihi sasaran manakala 70% mencapai sasaran atau kekal sama.

**MIA mencapai
sasaran
strategik dan
operasi bagi
tahun ini**



SOROTAN UTAMA

Berikut adalah beberapa sorotan utama dalam tahun semakan.

Bagi mengukuhkan pengawalseliaan untuk tadbir urus yang baik, Institut menekankan penguatkuasaan proaktif dan pembangunan kompetensi. Penekanan diberikan terhadap peningkatan kualiti audit dan pelaporan pembiayaan untuk kepentingan awam melalui beberapa inisiatif, termasuk penerbitan dan penyebaran Laporan Tahunan Semakan Amalan (PR) 2021 dan Laporan Tahunan Semakan Penyata Kewangan (FSR) 2021.

Institut memberi tumpuan pada peningkatan profesional dan pembangunan kompetensi ketika cabaran dan kekangan krisis COVID-19, dengan menjalankan 895 program CPE MIA untuk mencapai profesion perakaunan yang relevan pada masa depan. Selaras dengan sokongan ESG Institut yang semakin berkembang, Persidangan Akauntan Antarabangsa MIA 2022 yang bertemakan 'Leading ESG, Charting Sustainability' telah dianjurkan secara maya untuk tahun kedua dan berjaya mengumpulkan 2,630 delegasi, 73 penceramah dan 30 penaja. Bagi menerapkan kemampanan dalam minda kakitangan, Institut menyusun program pembangunan profesional baharu yang menyepadukan agenda ESG, seperti kursus tujuh siri memfokuskan ESG yang dianjurkan bersama The Business Council for Sustainable Development (BCSD) Malaysia khusus kepada akauntan dan profesional kewangan.

Kami berusaha untuk menambahkan perkhidmatan ahli dan proposisi nilai profesion untuk meningkatkan bekalan tenaga mahir dan menyokong keperluan negara untuk bakat kewangan dan perniagaan profesional. Mengakui kesan mental dan psikologi akibat krisis COVID-19, Institut melancarkan MMAP untuk semua ahli, dengan tujuan untuk menjaga kesejahteraan ahli dengan menyediakan sumber, alatan dan akses kepada bantuan profesional, jika diperlukan.

Institut berpandangan bahawa meningkatkan profesionalisme ahli dan menerapkan tingkah laku beretika untuk melindungi kepentingan awam dengan lebih baik adalah sama penting. Oleh itu, Institut memberi tumpuan kepada usaha untuk mendidik ahli dan memupuk etika melalui pelbagai aktiviti seperti Webinar Etika, Kuiz Etika dan Video mengenai kod dan budaya etika.

Transformasi digital kekal sebagai keutamaan untuk mempersiapkan akauntan yang relevan pada masa depan. Untuk memacu penggunaan teknologi digital oleh profesion perakaunan, Institut mencipta halaman Ekonomi Digital di laman sesawang MIA, melancarkan Bulan Digital MIA, menjalankan kaji selidik ketiga mengenai penggunaan teknologi dan menerbitkan Laporan Kajian Penerapan Teknologi Baru Muncul dalam Program Perakaunan oleh Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia.

Menaik taraf platform komunikasi untuk meningkatkan keterlibatan dan pendidikan juga adalah keutamaan kami. Institut sedang membina laman sesawang korporat baharu yang menarik untuk memberikan pengalaman yang lebih memuaskan kepada pengguna dan mengukuhkan jenama dan pengiktirafan global. Majalah digital *e-Accountants Today* (e-AT) juga diberi wajah baru dan dipertingkatkan agar ia selari dengan matlamat Masa Depan yang Relevan kami. Kedua-duanya dijangka dilancarkan pada bulan Ogos 2022.

Akhir kata, sebagai sebuah organisasi sendiri, Institut dengan sukacitanya melaporkan bahawa ia kekal mampan dari segi kewangan dan mampu membiayai aktiviti pengawalseliaan dan pembangunan yang telah dirancang untuk masa hadapan.

PROSPEK

Bagi tahun kewangan yang akan datang dari Julai 2022 hingga Jun 2023, Institut optimis namun berhati-hati tentang prospek kerana pertumbuhan global mungkin boleh terjejas akibat risiko iklim,

cabaran kesihatan, risiko inflasi dan gangguan rantai bekalan yang timbul daripada cabaran dan ketidaktentuan geopolitik. Namun begitu, peralihan negara kepada fasa endemik COVID-19 diunjurkan bagi menyokong pemulihan ekonomi negara dalam tempoh 12 bulan akan datang.

Berlatarbelakangkan senario tersebut, MIA akan terus mengutamakan pembinaan kapasiti dan kompetensi Institut untuk melaksanakan mandat pengawalseliaan dan pembangunan dengan berkesan yang termaktub di bawah Akta Akauntan 1967.

Keutamaan kami adalah untuk mengukuhkan kuasa pengawalseliaan, memupuk kapasiti dan kompetensi bakat, dan menyokong kepimpinan ESG profesion untuk terus memberi manfaat kepada lebih daripada 37,500 ahli MIA.

Bagi mengukuhkan pengawalseliaan, MIA akan meneruskan keterlibatan dengan Kementerian Kewangan mengenai pemansuhan Akta Akauntan dan pelaksanaan Akta baharu yang dicadangkan untuk meningkatkan kuasa MIA sebagai pengawal selia profesion. Kami turut mempertimbangkan untuk menyemak semula proses dan peraturan Semakan Amalan untuk meningkatkan pematuan dan kualiti audit. MIA juga akan meneruskan tindakan terhadap ahli yang dikaitkan dengan akauntan tidak berdaftar untuk menghapuskan perkhidmatan amalan awam yang tidak dibenarkan di pasaran, untuk tadbir urus yang baik dan kepentingan awam.

Perkara yang sama penting adalah untuk meningkatkan pengekalan bakat dalaman dan pembinaan kompetensi Institut untuk mengawal selia dan membangunkan profesion dengan berkesan. Memandangkan MIA berfungsi sebagai sumber rujukan bagi sektor perakaunan, Institut mestilah menjadi pusat kecemerlangan dan kepakaran dalam semua perkara yang berkaitan dengan pengawalseliaan dan pembangunan profesion.

MIA juga akan mengutamakan sokongan ESG yang ditujukan khusus kepada kemahiran dan kepakaran profesion, sebagai tindak balas kepada tekanan yang semakin meningkat daripada pihak berkepentingan yang mahukan perniagaan menyepadukan hal-hal kemampanan dalam strategi dan operasi mereka.

1



MIA menyokong akauntan menerajui agenda ESG

dalam organisasi mereka untuk kemampanan perniagaan.

2



MIA menerajui penerimaan pakai pelaporan kemampanan dan pendedahan perubahan iklim

untuk membuat keputusan dan hasil perniagaan yang lebih baik dalam menyokong Matlamat Pembangunan Mampan UN (UNSDG).

PENGHARGAAN

Kini adalah masa yang sesuai untuk menjadi sebahagian daripada MIA kerana profesion ini berpeluang untuk lebih maju. Ia merupakan satu penghormatan bagi saya kerana diberi peluang untuk menerajui Institut dalam tempoh yang seterusnya, ketika ia mengharungi landskap yang berpotensi tinggi namun kompleks dan tidak menentu.

Sehubungan itu, saya ingin mengucapkan penghargaan kepada mantan Ketua Pegawai Eksekutif, Dr. Nurmazilah Dato' Mahzan yang memainkan peranan penting dalam memangkin transformasi berterusan Institut dan profesion perakaunan. Saya juga ingin mengucapkan penghargaan kepada Pengarah Eksekutif, Pengawasan dan Penguatkuasaan MIA, Dato' Muhammad Redzuan Abdullah atas jasa beliau sebagai pemangku Ketua Pegawai Eksekutif dari awal bulan Februari hingga akhir Mac 2022.

Bagi pihak pengurusan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Mantan Presiden Terbaharu, Dr. Veerinderjeet Singh, Presiden terkini, Datuk Bazlan Osman dan Majlis atas bimbingan dan penyeliaan mereka.

MIA dan pihak pengurusan juga ingin menyampaikan penghargaan kepada semua ahli, Lembaga/Jawatankuasa, pihak berkepentingan, rakan kongsi, rakan kerjasama dan kakitangan atas sumbangan dan sokongan yang berterusan.

Melangkah ke hadapan, MIA komited untuk membangun di atas asas yang kukuh untuk mengutamakan dan memperkukuhkan aktiviti pengawalseliaan, penguatkuasaan dan pembangunan berasaskan nilai, agar dapat mempersiapkan profesion untuk masa depan, melindungi kepentingan awam dan menyokong pembinaan negara yang mampan.



Imbas untuk
Laporan Kajian
Penerapan
Teknologi
Memuncul
dalam Program
Perakaunan
oleh Institusi
Pengajian
Tinggi di
Malaysia.



Lihat Kajian
Kes mengenai
Tindakan
terhadap
Akauntan Tidak
Berdaftar di
Mukasurat 16

ULASAN PIHAK PENGURUSAN

KENALI PASUKAN KAMI

Pasukan pengurusan MIA komited untuk menerajui budaya kerjasama berprestasi tinggi yang akan mengukuhkan pengawalseliaan, pembangunan dan kemajuan optimum Institut dan profesion.



**Dr. Wan Ahmad Rudirman
Wan Razak**

Ketua Pegawai Eksekutif



**Dato' Muhammad Redzuan
Abdullah**

*Pengarah Eksekutif Pengawasan &
Penguatkuasaan*



G. Shanmugam

*Pengarah Eksekutif Strategi &
Pembangunan*

CIRI BUDAYA PENGURUSAN MIA



KEPELBAGAIAN PENGALAMAN

Nama/Sektor	Audit dan Amalan Awam	Perundangan Kehakiman & Kawal Selia
Dr. Wan Ahmad Rudirman Wan Razak		
Dato' Muhammad Redzuan Abdullah		
G. Shanmugam		
Simon Tay Pit Eu		
Siti Rohana Haji Mohamed Amin		
Rasmimi Ramli		

ULASAN PIHAK PENGURUSAN

9

INSTITUT
AKAUNTAN
MALAYSIA

Laporan Tahunan
Bersepadu
2022

Secara kolektif, pasukan pengurusan bekerjasama untuk memacu pelaksanaan objektif strategik MIA untuk menyokong profesion perakaunan yang relevan pada masa depan dan menyokong pembangunan negara mampan.

Dalam halaman seterusnya, pasukan pengurusan MIA berkongsi ulasan mengenai pencapaian utama Institut dan prospek bagi tahun yang akan datang.



Simon Tay Pit Eu
Pengarah Eksekutif Amalan
Profesional & Teknikal



**Siti Rohana Haji
Mohamed Amin**
Pengarah Eksekutif Keahlian,
Teknologi & Operasi



Rasmimi Ramli
Pengarah Eksekutif Ekonomi Digital,
Pelaporan & Risiko

Piawaian dan Pematuhan	Teknologi	Kerajaan	Perakaunan dan Kewangan	GLC/MNC	Pendidikan dan Latihan
		✓		✓	
✓		✓			
			✓	✓	✓
✓			✓		✓
	✓	✓		✓	✓
✓		✓			

ULASAN PIHAK PENGURUSAN



**Dato' Muhammad
Redzuan Abdullah**

*Pengarah Eksekutif
Pengawasan & Penguatkuasaan*

Sebagai pengawal selia profesion perakaunan seperti yang dimandatkan di bawah Akta Akauntan 1967, Institut komited untuk mengukuhkan pengawalseliaan dan penguatkuasaan bagi melindungi kepentingan awam.

Bagi tahun kewangan 2021/2022, Institut memberi penekanan terhadap pembasmian aktiviti akauntan tidak berdaftar di sekitar Lembah Klang terutamanya dalam kawalan undang-undang, dan melalui kerjasama khas dengan pengawal selia bersama.

Pada masa yang sama, kami meletakkan keutamaan untuk menyelesaikan proses kes-kes berprofil tinggi di Jawatankuasa Tatatertib dan Lembaga Rayuan Tatatertib dan kes-kes di Mahkamah Sivil untuk memberi kelegaan kepada orang awam dan mempamerkan integriti mekanisme penguatkuasaan Institut.

Bagi tahun kewangan 2022/2023, Institut menjangka bahawa kelulusan Akta Akauntan masih ditangguhkan kerana ketidaktentuan politik dan faktor lain. Oleh itu, untuk mendukung pengawalseliaan dan tadbir urus yang kukuh, Institut akan terus menumpukan kepada penyelesaian baki kes berkepentingan awam dan bekerjasama dengan pengawal selia bersama dalam penguatkuasaan proaktif terhadap akauntan tidak berdaftar. Institut juga akan terus menyokong Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai pengawal selia kewangan dalam memacu pematuhan terhadap pencegahan pengubahan wang haram.

Memandangkan MIA masih dianggap sebagai organisasi kawal selia sendiri, kami akan terus menyediakan program pendidikan dan kesedaran kepada semua ahli, terutamanya kepada ahli yang bertanggungjawab bagi keperluan di bawah kawalan aktiviti pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan.



G. Shanmugam

Pengarah Eksekutif Strategi & Pembangunan

Di tengah-tengah cabaran berterusan pandemik COVID-19 semasa tahun kewangan 2021/2022, Institut dapat mengekalkan dan mengembangkan program CPE kami untuk meningkatkan kemahiran dan membangunkan profesional perakaunan, menganjurkan 895 program yang memanfaatkan 31,007 peserta dan menyumbang kepada lebihan kewangan bersih untuk Institut. Kami juga berjaya mengharungi cabaran untuk berkomunikasi secara berkesan dengan ahli dan pihak berkepentingan ketika pandemik melalui pelbagai saluran keterlibatan Institut, termasuk majalah digital e-AT dan laporan tahunan bersepadu.

Bagi menyokong pelaksanaan strategi dan pengurusan perubahan organisasi, Institut berjaya melengkapkan Panduan operasi yang akan membolehkan pematuan dalaman selaras dengan amalan terbaik Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 bagi kecekapan dan produktiviti yang lebih tinggi. Kami menjangka pelaksanaan panduan tersebut akan mengoptimalkan budaya kerja dan meningkatkan operasi Institut ke tahap yang lebih tinggi.

Bagi tahun kewangan yang akan datang, Institut berhasrat untuk menangani jurang kecekapan dalam profesion perakaunan dengan menggabungkan kemahiran yang muncul dan memberi tumpuan kepada kemahiran insaniah untuk meningkatkan penawaran program CPE. Apabila automasi dalam profesion semakin pantas,

kerja-kerja yang dilakukan berulang kali akan dikendalikan oleh mesin manakala profesional perakaunan perlu melakukan anjakan paradigma kepada peranan yang menambah nilai dan kemahiran analitik yang lebih tinggi.

Di samping memberi tumpuan kepada kemahiran analitik bagi akauntan, program CPE kami akan menumpukan kepada kemahiran kepimpinan, kemahiran manusia, kemahiran perhubungan, kemahiran komunikasi, kreativiti dan kepintaran perniagaan untuk mempersiapkan profesional perakaunan secara holistik bagi peranan pengurusan, penasihat dan lembaga yang menuntut penglibatan signifikan pihak berkepentingan. Kami juga meramalkan peluang yang besar untuk menghimpunkan kursus teknologi dengan kursus peningkatan kemahiran perniagaan dalam program latihan tersuai untuk profesional perakaunan dan organisasi sektor awam dan swasta.

Seterusnya, Institut bercadang untuk meningkatkan pembangunan kompetensi dan keterlibatan pihak berkepentingan melalui laman sesawang korporat baharu kami dan majalah digital e-AT yang dipertingkatkan dan dijadualkan untuk dilancarkan pada Ogos 2022. Sudah tentu, Laporan tahunan bersepadu akan terus menjadi mekanisme utama komunikasi kami yang terus boleh diakses oleh pihak berkepentingan.



Simon Tay Pit Eu
Pengarah Eksekutif Amalan
Profesional & Teknikal

Dalam tahun liputan, Institut telah mencapai kejayaan pertama yang signifikan dalam pembangunan kompetensi bagi profesion yang relevan pada masa depan. Etika adalah keutamaan kami dan Institut meningkatkan keterlibatan ahli dan pendidikan tentang kod etika, menganjurkan kuiz interaktif buat kali pertama bersama dengan 2 webinar dan video mengenai etika.

Selain daripada menggalakkan ahli menyemak dan menerapkan kod etika profesion, Institut menyampaikan implikasi etika semasa pandemik dari perspektif pengawalseliaan dan perakaunan. Bidang keutamaan lain adalah membina kesedaran melalui sesi keterlibatan dan rencana mengenai *Less Complex Entities Standard (LCE)*, mendukung Piawaian Pengurusan Kualiti (QMS) melalui penciptaan laman sesawang khusus dan webinar percuma, dan memberi respons kepada pelbagai pihak berkepentingan melalui surat komentar.

Institut telah mengemukakan tujuh surat komen kepada Bursa Malaysia, termasuk satu

mengenai Cadangan Panduan Tadbir Urus Korporat (Edisi ke-4) dan yang lain berkaitan dengan amalan dan pelaporan kemampunan.

Seterusnya, sebagai tambahan kepada keterlibatan berterusan dengan firma mengenai Piawaian Pengurusan Kualiti, Institut akan mengutamakan pembangunan kecekapan akauntan profesional dalam pemiagaan dan amalan awam khususnya berkaitan dengan piawaian yang muncul daripada ISSB dan menangani isu yang berkaitan dengan pelaksanaannya dan meningkatkan kualiti pelaporan korporat.

Kertas Putih Audit Syariah yang sedang disiapkan, lanjutan daripada meja bulat syariah anjuran Institut, akan menjadi titik penting dalam pembangunan inisiatif untuk meningkatkan kecekapan dan kualiti audit syariah untuk memperkukuh kepercayaan orang ramai. Ia akan mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai pemimpin dalam kewangan Islam ke arah pembangunan negara mampan.



**Siti Rohana Haji
Mohamed Amin**
Pengarah Eksekutif Keahlian,
Teknologi & Operasi

Transformasi digital Institut yang sedang dilaksanakan membolehkan inovasi dan kejayaan penting dicapai walaupun ketika menghadapi cabaran pandemik. Kesalinghubungan dan kerjasama maya telah memajukan usaha keterlibatan pihak berkepentingan Institut, termasuk penganjuran Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Institut secara dalam talian yang pertama dan meningkatkan penglibatan lebih ramai ahli iaitu 71% berbanding AGM fizikal.

Satu lagi kejayaan julung ialah Program Bantuan Ahli MIA (MMAP) yang menyediakan bantuan untuk kesejahteraan umum ahli, meletakkan kebajikan ahli sebagai sebahagian daripada fokus utama Institut. 49 sesi keterlibatan telah diadakan di seluruh negara dengan 3 Sesi Dialog Awam MIA diadakan untuk manfaat ahli. Bagi menyokong agenda pembangunan negara, Institut melepasi sasarannya dengan mencapai pertumbuhan 4.34% dalam kemasukan keahlian baharu serta 98.38% pengekalan keahlian.

Dalam landskap pendidikan, MIA memanfaatkan teknologi untuk membangunkan rangka kerja semakan sendiri pertama yang boleh dijalankan dari jarak jauh dengan interaksi fizikal yang minimum untuk menyokong universiti yang diiktiraf di bawah Bahagian 1 Jadual Pertama Akta Akauntan 1967. Institut meneruskan pelaksanaan pelan transformasi IT secara dalaman untuk mengoptimalkan kos dan kecekapan kerja dan keterlibatan secara dalam talian serta mengkaji untuk memperkukuh infrastruktur keselamatan IT Institut untuk meningkatkan keselamatan siber dan privasi data.

Institut akan memberi tumpuan kepada pembangunan *Relevant Practical Experience (RPE)* baharu berdasarkan Piawaian Pendidikan Antarabangsa IFAC terkini untuk memupuk bakat sedia pasaran pada tahun kewangan akan datang. Inisiatif utama lain adalah memajukan pelan transformasi IT kami dengan menerima analitik data dan menuju ke arah organisasi yang dipacu data, serta menubuhkan pusat data sekunder.



Rasmimi Ramli
Pengarah Eksekutif Ekonomi Digital,
Pelaporan & Risiko

Institut mencatatkan pencapaian signifikan dalam kemajuan ekonomi digital pada tahun liputan. Pencapaian utama bagi sokongan digital kami adalah penerbitan Laporan Kajian Penerimaan Pakai Teknologi Baru Muncul dalam Program Perakaunan oleh Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia yang akan membantu meningkatkan kerelevanan dan kesediaan bakat perakaunan bagi Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0).

Institut juga menerbitkan Kaji Selidik Penerimaan Pakai Teknologi oleh Profesion Perakaunan di Malaysia 2022 untuk menilai tahap penerimaan pakai digital dalam kalangan ahli, dan menganjurkan Bulan Digital MIA yang julung kali diadakan untuk menggalakkan aspirasi digital profesion.

Penekanan turut diberikan kepada agenda sokongan bagi tadbir urus cukai, pengurusan kewangan sektor awam dan keutamaan penyelidikan penyelidikan perakaunan. Bagi tahun kewangan 2021/2022, Institut

memberi banyak input dan ulasan kepada pihak berkuasa cukai dan Lembaga Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSASB), dan menerbitkan Panduan Tadbir Urus Cukai bersama MICPA untuk menyokong ketelusan cukai. Institut juga meneruskan penyelidikan perakaunan melalui kerjasama kami dalam penyelidikan keutamaan dengan Yayasan Penyelidikan Perakaunan dan Pendidikan Malaysia (MAREF) dan berjaya menerbitkan empat laporan pendek penyelidikan MIA-MAREF.

Pada tahun kewangan akan datang, Institut akan menumpukan kepada pelan operasi ekonomi digital seterusnya yang merangkumi transformasi digital bagi program pengamal kecil dan sederhana, anugerah penerimaan pakai teknologi digital, garis panduan etika mengenai penggunaan teknologi dan sokongan untuk menyediakan bakat bagi IR4.0. Institut juga akan meneruskan sokongan untuk percukaian dan pelaporan.

**Fokus Khas:
Profesion yang
Relevan pada
Masa Depan**Kajian Kes:
Membanteras
Akauntan Tidak
Berdaftar

FOKUS KHAS: PROFESION YANG RELEVAN PADA MASA DEPAN

Profesion perakaunan kini berhadapan dengan pelbagai punca gangguan kepada kehidupan dan pekerjaan. Peralihan teknologi, peningkatan automasi dan pendigitalan pekerjaan dan peranan, kebimbangan kesihatan dan kesejahteraan, perubahan iklim dan fenomena cuaca melampau, pengaturan kerja jarak jauh dan hibrid serta pengawalseliaan dinamik adalah antara faktor penting yang telah dan akan terus memberi impak yang sangat besar kepada akauntan.

Oleh itu, akauntan dan profesion dinasihatkan untuk membina ketangkasan, kebolehsesuaian dan daya tahan untuk mempersiapkan diri dan organisasi mereka untuk masa depan dalam landskap baharu yang kompleks, tidak stabil dan tidak menentu ini.

Untuk menyokong akauntan melalui peralihan ini dan mengatasi kebimbangan tentang keusangan kerja yang timbul daripada gangguan teknologi, Institut mencipta dan masih melaksanakan strategi bagi profesion yang relevan pada masa depan. Strategi pelbagai aspek ini bertujuan untuk memupuk keupayaan dan kecekapan akauntan sambil memantau suasana bagi risiko yang muncul dan menyesuaikan strategi profesion yang relevan pada masa depan untuk mengurangkan risiko ini.

Asas strategi ini ialah untuk mempersiapkan akauntan untuk pekerjaan dan peranan dalam IR4.0 yang telah dikenal pasti sebagai pemacu utama perubahan dalam profesion. Transformasi tenaga kerja bukan lagi aspek untuk masa depan dan akan terus berlaku dalam jangka masa terdekat.

Transformasi terbesar bagi akauntan ialah integrasi dinamik kerja manusia-mesin yang sedang dijalankan di mana akauntan memainkan peranan yang lebih kritikal dan menambah nilai seperti membuat pertimbangan dan keputusan, perundingan dan pembangunan, khidmat nasihat dan pengurusan, komunikasi dan pentadbiran manakala mesin pula mengambil alih aspek yang lebih rutin dalam kerja perakaunan dan kewangan.

Untuk menghadapi gelombang transformasi ini, Institut amat menggalakkan akauntan di seluruh ekosistem perniagaan dan bakat mendapatkan alat dan set kemahiran yang betul untuk melakukan perkara yang berbeza. Oleh itu, Institut telah menggabungkan kecekapan Kepintaran Digital, Kepintaran Perniagaan, Kecekapan Tingkah Laku, Komunikasi, Soal siasat Data, Sintesis dan Analisis ke dalam modul CPE dan pembangunan profesional kami untuk mempersiapkan profesion dan akauntan untuk masa depan, memastikan kerelevanan, daya tahan dan memenuhi jangkaan dalam ekonomi digital. Hal ini sejajar dengan hasil Laporan Masa Depan Pekerjaan Forum Ekonomi Dunia (WEF) 2020, di mana majikan melaporkan pemikiran kritis, analisis dan penyelesaian masalah sebagai kemahiran teratas dan kumpulan kemahiran yang semakin penting menjelang 2025.

PEMACU IR4.0 BERKAIT DENGAN PROFESION PERAKAUANAN

Pemacu Teknologi bagi IR4.0



KEMAHIRAN YANG DIPERLUKAN OLEH AKAUNTAN UNTUK MEMANFAATKAN TEKNOLOGI

Kemahiran teknologi & kebolehan untuk mengendalikan alat digital



Komunikasi, fasih berbahasa Inggeris & keupayaan menzahirkan idea dengan jelas



Pemikiran kritis, set kemahiran kreatif, strategik & analitis, & minda berorientasikan hasil



Keupayaan untuk memanfaatkan perubahan & memahami trend



FOKUS KHAS: PROFESION YANG RELEVAN PADA MASA DEPAN

13

INSTITUT
AKAUNTAN
MALAYSIA

AKAUNTAN PADA MASA LALU, KINI DAN AKAN DATANG

Sejak sekian lama, profesion perakaunan telah berkembang pesat sehingga hari ini. Profesion akauntan bermula sebagai penyimpan kira-kira sebelum berkembang menjadi penasihat perniagaan dan penganalisis data hibrid, pemimpin perniagaan strategik dan pencipta nilai dalam era IR4.0. Untuk menguruskan teknologi yang merupakan pengubah terbesar kepada profesion, akauntan hendaklah meningkatkan kemahiran digital, memperoleh kecekapan dalam teknologi yang berbeza seperti automasi dan kecerdasan buatan (AI), rangkaian blok, pengkomputeran dan penyimpanan awan, analitik data dan automasi proses robotik (RPA). Selain itu, akauntan dalam empat kategori keahlian MIA, iaitu pengamal awam, akauntan profesional dalam perniagaan, profesional kewangan sektor awam dan ahli akademik mesti memperoleh kemahiran

husus tambahan untuk melaksanakan peranan mereka dengan berkesan.


Untuk mengukur penerimaan pakai teknologi merentas seluruh profesion, MIA telah menjalankan tiga kaji selidik. Kaji Selidik Penerimaan Pakai Teknologi oleh Profesion Perakaunan 2022 yang terkini mendedahkan bahawa profesion berkembang dengan baik dengan penerimaan pakai teknologi, di mana 97% responden menyatakan bahawa mereka berada pada pelbagai peringkat penerimaan pakai teknologi dengan 72% responden berada pada status penerimaan pakai 30% atau lebih. Kaji selidik tersebut juga memberi penerangan mengenai kesan pandemik terhadap penerimaan pakai digital profesion perakaunan dan akan membantu MIA mengenal pasti inisiatif seterusnya untuk memajukan profesion.

Laporan Tahunan
Bersepadu
2022



Imbas untuk
Kaji Selidik
Penerimaan
Pakai Teknologi
oleh Profesion
Perakaunan
2022

EVOLUSI PROFESION PERAKAUNAN



REVOLUSI PROFESION

Peralihan kepada peranan yang lebih strategik sebagai penasihat perniagaan dan menggalakkan penerimaan pakai teknologi digital dalam fungsi kewangan

cth.
Penganalisis Data/
Penasihat Strategik

Mengekalkan, mewujudkan semula, dan menginovasi amalan dan perkhidmatan

cth.
Perkhidmatan Jaminan
Risiko (Teknologi Maklumat
& Data)

Melengkapkan saluran bakat mahir perakaunan dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk memahami dan memanfaatkan ekosistem ekonomi digital global

cth.
Menerima pakai analisis data dalam kurikulum

Memanfaatkan teknologi digital untuk mencapai pengurusan kewangan awam yang cekap dan berkesan

cth.
Memodenkan pelaksanaan dasar pengurusan kewangan awam

**Akauntan
Bertauliah MIA**

Perdagangan & Industri

Amalan Awam

Ahli Akademik

Sektor Awam



Menerajui
Transformasi
Digital
Profesion
Perakaunan di
Malaysia



Imbas untuk
Rangka
Tindakan
Teknologi
Digital MIA


Fokus Khas:
Profesion yang
Relevan pada
Masa Depan

Kajian Kes:
Membanteras
Akauntan Tidak
Berdaftar

FOKUS KHAS: PROFESION YANG RELEVAN PADA MASA DEPAN

MENDUKUNG KOD ETIKA PROFESION

INTEGRITI, AKAUNTABILITI & KEPERCAYAAN



Walaupun persekitaran perniagaan berkembang, akauntan harus mendukung nilai teras integriti, akauntabiliti dan kepercayaan yang membezakan profesion ini daripada profesion yang lain dan menyokong kerelevanan sebagai penjaga kepentingan awam. Kod etika profesion adalah penting untuk melindungi kepentingan awam dan memastikan pembangunan negara yang mampan dan saksama.

Kepercayaan kepada Institusi adalah kunci utama dalam mengukuhkan kerelevanan dan kewibawaan profesion. Kaji Selidik Kepercayaan dan Jenama MIA yang dijalankan pada 2021 mendapati MIA memperoleh purata skor 70 daripada 100, responden mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap organisasi. Populasi dalam bahagian 'Kepercayaan yang Tinggi' lebih daripada populasi dalam bahagian 'Kepercayaan yang Rendah' manakala baki populasi memilih pendirian berkecuali. Langkah seterusnya, MIA komited untuk memanfaatkan keputusan ini untuk meningkatkan lagi kepercayaan dalam kalangan pihak berkepentingan kami dan mendorong agenda sokongan kami untuk profesion yang relevan pada masa depan.

Institut berpendapat bahawa penerapan dan pengukuhan asas etika profesion perlu untuk memupuk kepercayaan. Lembaga Piawaian Etika MIA telah memudahkan ahli memahami tingkah laku beretika yang sesuai melalui webinar dan video interaktif, termasuk mempromosikan video yang dihasilkan oleh IESBA. Di samping itu, 2 kuiz etika yang dianjurkan pada Disember 2021 dan Mei 2022 merupakan satu lagi platform untuk menilai pemahaman ahli tentang konsep dan aplikasi prinsip etika dalam pelbagai situasi.

FOKUS KHAS: PROFESION YANG RELEVAN PADA MASA DEPAN


15

INSTITUT
AKAUNTAN
MALAYSIA

KETERLIBATAN PIHAK BERKEPENTINGAN UNTUK PROFESION YANG RELEVAN PADA MASA DEPAN

Laporan Tahunan
Bersepadu
2022

Menyatakan proposisi nilai profesion dengan jelas dan mewujudkan kesedaran tentang sumbangan akauntan kepada ekonomi dan masyarakat adalah penting untuk mencapai profesion yang relevan pada masa depan. Institut terlibat secara aktif dengan pihak berkepentingannya dalam sektor awam dan swasta untuk memaklumkan peranan penting akauntan dalam memacu dan memberi nasihat mengenai perniagaan dan tadbir urus.



Imbas untuk
mengakses
video
Kerelevanan
Pada Masa
Depan kami

Sorotan aktiviti kami dalam hal ini ialah keterlibatan Institut dengan Talent Corporation mengenai Senarai Pekerjaan Kritikal (COL) setiap tahun, keterlibatan dengan Menteri Sumber Manusia mengenai profesion yang relevan pada masa depan pada 2019, keterlibatan dengan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) setiap tahun, dan keterlibatan berterusan dengan media, pengamal PR dan pihak berkepentingan utama untuk mendukung profesion yang relevan pada masa depan dalam ekonomi IR4.0. Kemasukan akauntan dalam senarai profesion yang kritikal kepada pembinaan negara dan disenaraikan sebagai 20 pekerjaan paling dicari di Malaysia merupakan pencapaian utama yang berjaya dihasilkan.



KAJIAN KES: MEMBANTERAS AKAUNTAN TIDAK BERDAFTAR

Bagi mengukuhkan pengawalseliaan dan menguatkuasakan tadbir urus yang baik demi kepentingan awam, Institut mengetatkan kawalan terhadap akauntan tidak berdaftar iaitu penipu yang tidak mempunyai lesen untuk mengamalkan perakaunan tetapi menawarkan perkhidmatan perakaunan tidak berdaftar di pasaran.

Menurut Undang-Undang di Malaysia, hanya Akauntan yang bertauliah atau Akauntan yang memiliki lesen yang sah dibenarkan untuk mengamalkan perakaunan.

Mengikut Seksyen 2 Akta Akauntan 1967 (Akta) dan Peraturan 2 Kaedah-Kaedah Institut Akauntan Malaysia (Keanggotaan dan Majlis) 2001 (Peraturan Keanggotaan) yang dibaca bersama dengan Peraturan 9(1) Kaedah-Kaedah Keanggotaan, Akauntan Bertauliah atau Akauntan Berlesen ditakrifkan seperti berikut:

- Berkelayakan seperti ditetapkan dalam Akta;
- Mesti berdaftar sebagai ahli Institut;
- Menjalankan perniagaan secara sebagai pemilik tunggal atau perkongsian;
- Menyediakan atau terlibat dalam perkhidmatan amalan awam untuk mendapatkan bayaran atau ganjaran bagi perkhidmatan tersebut; dan
- Memiliki sijil amalan sah yang dikeluarkan oleh Institut.

Individu yang tidak memiliki dan memenuhi semua kriteria di atas, tetapi masih menjalankan kerja akauntan dipanggil sebagai Akauntan Tidak Berdaftar, kerana individu berkenaan tidak memiliki prasyarat undang-undang untuk mengamalkan kerja akauntan malah individu berkenaan juga mengaku kepada orang ramai bahawa ia layak untuk menjalankan profesion yang dikawal selia ini. Akauntan tidak berdaftar ini pada asasnya menyediakan perkhidmatan amalan awam secara tidak sah dan menimbulkan ancaman kepada profesion, perniagaan dan orang awam secara amnya.

Dalam kebanyakan kes, Institut dapat mengenal pasti bahawa aktiviti haram ini telah dipermudahkan melalui kerjasama sulit antara MIA dengan akauntan tidak berdaftar. Kebiasaannya akauntan tidak berdaftar tersebut menubuhkan syarikat atau perniagaan dengan individu tidak berkelayakan dan bukan ahli yang menjalankan kerja perakaunan dan/atau audit, tetapi akaun tersebut akan ditandatangani oleh juruaudit bertauliah dan diserahkan kepada SSM melalui firma mereka. Ini bermakna ahli tersebut telah menandatangani akaun yang tidak disemak, palsu, dan haram, yang boleh menjejaskan amalan profesional mereka. Sebelum ini, ahli-ahli yang melakukan kesalahan sedemikian telah dihadapkan ke Jawatankuasa Tatatertib Institut untuk tindakan tatatertib.

RISIKO KEPADA KEPENTINGAN AWAM, PROFESION DAN PERNIAGAAN



Mengapakah aktiviti akauntan tidak berdaftar dan ahli yang bersubhat dengan mereka ini sangat mengancam kepentingan awam, profesion dan perniagaan?

- Akauntan tidak berdaftar mengaut keuntungan secara haram, tidak diambil kira dan dikompromi, dan merugikan negara dari segi pembayaran cukai.
- Akauntan tidak berdaftar yang tidak memiliki kelayakan yang diperlukan memalsukan akaun dan memberikan maklumat palsu kepada pelanggan yang telah mengupah mereka. Perbuatan ini mencemar piawai perakaunan/audit dan orang ramai dan pihak berkepentinganlah yang paling terkesan. Amalan ini juga boleh merosakkan persepsi masyarakat terhadap profesion dan pelanggan yang ditipu.
- Mereka mengenakan yuran yang lebih rendah daripada yuran ahli profesion yang layak, menjejaskan kemampunan dan kesinambungan perniagaan penyedia perkhidmatan yang sah dan merosakkan persepsi bahawa akauntan dan profesion perakaunan boleh dipercayai, beretika dan mendukung integriti.
- Akta ini membenarkan ahli yang berkelayakan untuk mengendalikan firma/cawangan tanpa had untuk memberikan perkhidmatan profesional mereka. Jika ahli berpakat dengan akauntan tidak berdaftar untuk mengendalikan firma/cawangan tersebut, ini menyebabkan akauntan tidak berdaftar menembusi profesion dengan cara yang menyalahi undang-undang dan melalui penipuan, dan tindakan mereka tidak mudah dikesan.

MEMPERKASA PENGAWALSALIAAN TERHADAP AKAUNTAN TIDAK BERDAFTAR

Bagi membanteras amalan yang menyalahi undang-undang ini, Institut telah mencadangkan dalam pindaan kepada Akta Akauntan baharu untuk kuasa pengawalseliaan yang lebih menyeluruh yang merangkumi bidang kuasa untuk mengawal selia dan menghukum individu bukan ahli yang ingkar.

Sebagai badan perakaunan negara yang mengawal selia, membangun, menyokong dan meningkatkan integriti profesion perakaunan di Malaysia, Institut akan terus mendukung undang-undang yang mengawal selia ahlinya. Kami komited untuk memastikan para ahli mendukung profesionalisme, integriti dan kepercayaan untuk menjamin kredibiliti dan reputasi profesion perakaunan demi kepentingan awam.

Walaupun amalan akauntan tidak berdaftar ini berleluasa pada tahun-tahun sebelum ini, Institut berjaya mengekang amalan ini dengan berkesan hasil penguatkuasaan proaktif oleh pasukan Pegawai dan Penguatkuasaan.

KAJIAN KES: MEMBANTERAS AKAUNTAN TIDAK BERDAFTAR

17

INSTITUT
AKAUNTAN
MALAYSIA

Laporan Tahunan
Bersepadu
2022

CARA MIA MENGAMBIL TINDAKAN



Jika terdapat undang-undang berkanun yang mengawal selia akauntan, bagaimanakah akauntan tidak berdaftar ini boleh beroperasi?

Kelemahan utama Akta Akauntan 1967 ialah Institut tidak mempunyai bidang kuasa ke atas individu yang melakukan penipuan dan bukan ahli MIA. Akauntan tidak berdaftar menyedari perkara ini dan mereka berani untuk meneruskan amalan haram mereka.

- Kurangnya perancangan penggantian boleh mengganggu aktiviti organisasi dan menjejaskan hala tuju strategik

LANGKAH MITIGASI

- Formalisasi proses perancangan penggantian
- Program mentor untuk melatih pengganti
- Program latihan dalaman dan luaran disediakan untuk pengganti

Warga Kami
Model Penciptaan Nilai Kami
Keterlibatan Pihak Berkepentingan
Prospek Pasaran dan Trend Utama
Perkara Material
Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kami
Risiko Utama Kami
Prestasi mengikut Objektif Strategik
Modal Kami
Agenda Kemampanan
Ringkasan Kewangan

PRESTASI MENGIKUT OBJEKTIF STRATEGIK


41

INSTITUT
AKAUNTAN
MALAYSIA

Laporan Tahunan
Bersepadu
2022

Aktiviti penciptaan nilai MIA dalam jangka pendek, sederhana dan panjang dipacu oleh empat objektif strategik. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan sasaran kemudiannya ditetapkan untuk memacu output dan hasil yang ditetapkan bagi setiap objektif strategik.

Berikut ialah semakan sorotan prestasi Institut bagi tempoh Julai 2021 hingga Jun 2022. Secara kolektif, semua inisiatif dan aktiviti Institut telah dilaksanakan mengikut Pelan Operasi Institut untuk mengawal selia dan membangunkan profesion ke arah pembangunan negara. Prestasi MIA telah bertambah baik selaras dengan pemulihan sosial dan ekonomi terutama apabila Malaysia beralih kepada fasa endemik COVID-19. Hanya 5 daripada 80 output yang sebahagiannya mencapai sasaran disebabkan oleh kekangan COVID-19.



SO1

OBJEKTIF STRATEGIK 1 - MEMBANGUN DAN MENINGKATKAN KECEKAPAN PROFESIONAL PERAKAUNAN UNTUK KEKAL RELEVAN DENGAN PERNIAGAAN DAN PASARAN

Menganjurkan **895 acara CPE**, termasuk **79 acara khas** dan **persidangan mini (mencapai 100.5% sasaran tahunan)** yang memanfaatkan **31,007 ahli dan bukan ahli (mencapai 94% sasaran tahunan)**

CPE memberi tumpuan kepada topik-topik teknikal dan bukan teknikal yang relevan, kemahiran baharu dan relevan pada masa hadapan, dan hal-hal berkaitan pandemik COVID-19

Persidangan MIA 2022 menerima **2,630 delegasi (mencapai 91% sasaran)**, **73 penceramah** dan **30 penaja**

Mengadakan **7 program e-pembelajaran CPE proprietari MIA**

NILAI YANG DIWUJUDKAN

- Meningkatkan kemahiran akauntan secara berterusan selaras dengan piawaian antarabangsa dan trend pasaran
- Memacu kerelevanan masa depan profesion perakaunan
- Menjana pendapatan untuk kemampunan kewangan MIA

IMPAK

Modal:



UNSDG:



Sasaran: **DALAM SASARAN / TERCAPAI**

PRESTASI MENGIKUT OBJEKTIF STRATEGIK

Mengemukakan **37 surat ulasan/cadangan** kepada:

IFRS Foundation - **1** MOE - **1**
SC - **1** AG (Jawatankuasa Pengawas) - **2**
Bursa Malaysia - **7** IASB - **1**
SSM - **2** IFAC (IAASB) - **1**
Pihak Berkuasa Cukai - **14** IFAC (IESBA) - **1**
MOHR - **1** IPSASB - **5**

NILAI DIWUJUDKAN

- MIA diiktiraf sebagai suara bagi profesion perakaunan
- Pandangan MIA dipertimbangkan dalam perbincangan, kerangka dan pembuatan dasar

IMPAK

Modal:



UNSDG:



Sasaran: **DALAM SASARAN / TERCAPAI**


Mewujudkan laman sesawang khusus Piawaian Pengurusan Kualiti

NILAI DIWUJUDKAN

- Meningkatkan kualiti pengurusan amalan

IMPAK

Modal:



UNSDG:



Sasaran: **DALAM SASARAN / TERCAPAI**


Menganjurkan **5** tahap Pengenalan,
4 latihan tahap Penyedia dan
2 sesi pembelajaran khusus dianjurkan mengenai Pelaporan Bersepadu dan Perkembangan Terkini mengenai Pelaporan Korporat
Menghasilkan **3** video memaparkan pengguna awal Pelaporan Bersepadu

NILAI DIWUJUDKAN

- MIA terkenal sebagai penggalak di peringkat serantau dan negara dan pelatih Pelaporan Bersepadu yang bertauliah oleh Yayasan IFRS
- Memacu sokongan dan momentum penerimaan pakai Pelaporan Bersepadu
- Meningkatkan kualiti pendedahan selaras dengan kerangka global

IMPAK

Modal:



UNSDG:



Sasaran: **DALAM SASARAN / TERCAPAI**


Menghasilkan **3** video Penilaian Perniagaan

NILAI DIWUJUDKAN

- Menggalakkan amalan terbaik dalam penilaian perniagaan selaras dengan piawaian global

IMPAK

Modal:



UNSDG:



Sasaran: **DALAM SASARAN / TERCAPAI**

Menghasilkan **10** penerbitan, **18** rencana dan **9** video mengenai perkara berkaitan teknikal dan amalan

NILAI DIWUJUDKAN

- Menguukuhkan pengetahuan teknikal ahli bagi meningkatkan kualiti pematuhan dan kualiti perkhidmatan

IMPAK

Modal:



UNSDG:



Sasaran: **DALAM SASARAN / TERCAPAI**

Menganjurkan **29** program jangkauan

NILAI DIWUJUDKAN

- Mengemas kini ahli mengenai perkembangan dan amalan terkini

IMPAK

Modal:



UNSDG:



Sasaran: **TERCAPAI**

Menerbitkan **3** buletin *MIA Digital Economy and Reporting Insights* setiap suku tahunan

NILAI DIWUJUDKAN

- Mengemas kini mengenai ekonomi digital, pelaporan kewangan dan percubaan pada setiap suku tahun

IMPAK

Modal:



UNSDG:



Sasaran: **TERCAPAI**

Menganjurkan **4** acara *CFO Circle*

NILAI DIWUJUDKAN

- Meningkatkan kemahiran professional dalam perdagangan dan industri untuk prestasi perniagaan yang lebih baik

IMPAK

Modal:



UNSDG:



Sasaran: **TERCAPAI**

Menerbitkan **3** templat bagi pengurusan kewangan dengan kerjasama AKPK

NILAI DIWUJUDKAN

- Menggalakkan pengurusan kewangan yang baik di Malaysia

IMPAK

Modal:



UNSDG:



Sasaran: **TERCAPAI**

Menganjurkan **5** sesi *Train the Trainers* mengenai topik teknikal yang memanfaatkan **713 ahli akademik** dari universiti awam dan swasta **(Mencapai 125% daripada sasaran tahunan)**

Menganjurkan **82** aktiviti jangkaun termasuk ceramah kerjaya, Kesedaran CARE dan acara-acara yang memanfaatkan **7,389** pelajar **(Mencapai 148% daripada sasaran tahunan)**

Berkolaborasi menjalankan **8** inisiatif pendidikan perakaunan bersama Kementerian Pendidikan Tinggi, Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti dan Universiti **(Mencapai 267% daripada sasaran tahunan)**

Membangunkan garis panduan *Relevant Practical Experience (RPE)* yang baharu berdasarkan Piawaian Pendidikan Antarabangsa IFAC terkini dan telah diluluskan oleh Lembaga Pendidikan

Membangunkan rangka kerja semakan sendiri baharu bagi universiti yang diiktiraf di bawah Bahagian 1 Jadual Pertama Akta Akauntan 1967

Menerbitkan **1** video teknikal berasaskan program *Train the Trainers*


Menerbitkan **1** rencana mengenai inisiatif pembangunan kapasiti dalam e-AT

NILAI DIWUJUDKAN

- Meningkatkan kualiti pendidikan perakaunan
- Memaklumkan prospek kerja dan laluan kerjaya perakaunan
- Menarik bakat kepada perakaunan dan memenuhi keperluan pembangunan negara
- Memastikan kualiti ahli-ahli baharu yang menyertai MIA

IMPAK

Modal:



UNSDG:



Sasaran: **MELEBIHI SASARAN**

Mewujudkan laman Ekonomi Digital yang baharu di laman sesawang MIA

Melancarkan Laporan mengenai Kajian Pemakaian Teknologi Baru Muncul dalam Program Perakaunan oleh Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia

Melancarkan Kaji Selidik Penerimaan Pakai Teknologi oleh Profesion Perakaunan di Malaysia 2022

Menganjurkan Bulan Digital MIA 2022

Mengkonsepsikan Rangka Kerja Anugerah Penerimaan Pakai Teknologi Digital

3 video mengenai teknologi digital

NILAI DIWUJUDKAN

- Memacu matlamat penerimaan pakai digital MIA bagi profesion sejajar dengan Rangka Tindakan Teknologi Digital MIA
- Menyediakan ahli-ahli untuk masa depan bagi ekonomi digital

IMPAK

Modal:



UNSDG:



Sasaran: **DALAM SASARAN / TERCAPAI**

PRESTASI MENGIKUT OBJEKTIF STRATEGIK

Semakan draf ketiga Kertas Putih Audit Syariah
(85% siap)

NILAI DIWUJUDKAN

- Membina kecekapan dalam audit syariah untuk menyokong kepimpinan Malaysia dalam kewangan Islam global

IMPAK

Modal:



UNSDG:



Sasaran: SEBAHAGIAN TERCAPAI

SO2 OBJEKTIF STRATEGIK 2 - MEMUPUK NILAI DAN ETIKA PROFESIONAL AHLI UNTUK MENDUKUNG PROFESION PERAKAUNAN YANG KUKUH

Mengadakan 2 kuiz etika, 2 webinar etika dan 1 video mengenai kepentingan kod dan budaya beretika bagi profesion


Menjalankan 3 kemas kini etika

NILAI DIWUJUDKAN

- Mendidik ahli-ahli mengenai etika
- Memupuk tatalaku beretika bagi tadbir urus yang baik

IMPAK

Modal:



UNSDG:



Sasaran: DALAM SASARAN / TERCAPAI

SO3 OBJEKTIF STRATEGIK 3 - MENGAWAL SELIA DAN MEMBANGUNKAN AMALAN PROFESION PERAKAUNAN YANG SELARAS DENGAN PIAWAIAN GLOBAL DAN AMALAN TERBAIK

75 kes disiasat dan diselesaikan oleh Jawatankuasa Penyiasatan

NILAI DIWUJUDKAN

- Penyelesaian kes yang cepat memastikan keadilan ditegakkan

IMPAK

Modal:



UNSDG:



Sasaran: DALAM SASARAN / TERCAPAI

Menerbitkan Laporan Tahunan PR 2021 dan 1 rencana mengenai Penemuan Utama PR mengenai Pemantauan Elemen ISQC 1

NILAI DIWUJUDKAN

- Menguatkan kualiti audit dan kualiti pengurusan amalan

IMPAK

Modal:



UNSDG:



Sasaran: DALAM SASARAN / TERCAPAI

Sesi libat urus bersama JAKIM mengenai pindaan kepada Enakmen Peguam Muslim mengenai isu berkaitan juruaudit

NILAI DIWUJUDKAN

- Menguatkan dan mengekalkan status MIA sebagai pengawal selia perakaunan negara

IMPAK

Modal:



UNSDG:



Sasaran: DALAM SASARAN / TERCAPAI

Menerbitkan Laporan Tahunan FSR 2021

NILAI DIWUJUDKAN

- Meningkatkan kualiti penyata kewangan untuk menyokong pelabur dan keyakinan pasaran

IMPAK

Modal:



UNSDG:



Sasaran: DALAM SASARAN / TERCAPAI

Menerbitkan 1 rencana mengenai Inisiatif Penguatkuasaan

NILAI DIWUJUDKAN

- Mendidik ahli-ahli dan meningkatkan kepercayaan awam terhadap mekanisme penguatkuasaan dan kawal selia MIA

IMPAK

Modal:



UNSDG:



Sasaran: DALAM SASARAN / TERCAPAI

Penguatkuasaan proaktif terhadap **20** ahli dan **13** bukan ahli

NILAI DIWUJUDKAN

- Membanteras perkhidmatan perakaunan tidak berdaftar
- Melindungi profesion dan kepentingan awam

IMPAK

Modal:



UNSDG:


Sasaran: **DALAM SASARAN / TERCAPAI**


OBJEKTIF STRATEGIK 4 - MENGALAKKAN PROPOSISI NILAI DARIPADA PROFESION PERAKAUNAN DAN MENINGKATKAN PENGIKTIRAFAN GLOBAL SECARA BERTERUSAN

4.34% pertumbuhan dalam kemasukan ahli baharu
(mencapai **106%** sasaran tahunan)

Merekrut **1,541** Akautan Bertauliah (CA) baharu
(mencapai **104%** sasaran tahunan)

NILAI DIWUJUDKAN

- Meningkatkan kumpulan bakat perakaunan bagi menyokong pembangunan ekonomi

IMPAK

Modal:



UNSDG:


Sasaran: **MELEBIHI SASARAN**

Menjalankan **49** aktiviti sesi libat urus
(mencapai **306%** sasaran tahunan)

Menjalankan **3** sesi *Town Hall* bersama ahli-ahli di seluruh negara

NILAI DIWUJUDKAN

- Mengumpul maklum balas mengenai kebimbangan ahli
- Memaklumkan aktiviti, pencapaian dan sokongan MIA

IMPAK

Modal:



UNSDG:


Sasaran: **MELEBIHI SASARAN**

19% pertumbuhan dalam manfaat & keistimewaan ahli
(mencapai **190%** sasaran tahunan)

NILAI DIWUJUDKAN

- Mengukuhkan nilai proposisi profesion perakaunan

IMPAK

Modal:



UNSDG:


Sasaran: **MELEBIHI SASARAN**

Melancarkan MMAP

NILAI DIWUJUDKAN

- Memberi kesejahteraan umum kepada semua ahli dengan menyediakan sumber, alat dan akses kepada bantuan profesional, sekiranya diperlukan

IMPAK

Modal:



UNSDG:


Sasaran: **DALAM SASARAN / TERCAPAI**

27 video *Thought Leadership* dan pendidikan
143 Sebutan Media
14 siaran akhbar/rencana
78,641 pengikut media sosial
193,516 paparan laman e-AT

Menjalankan Soal Selidik Jenama & Kepercayaan

NILAI DIWUJUDKAN

- Meningkatkan kebolehlihatan dan pengiktirafan jenama MIA
- Mewujudkan kesedaran dan mendidik mengenai aktiviti dan sokongan MIA

IMPAK

Modal:



UNSDG:


Sasaran: **DALAM SASARAN / TERCAPAI**

Warga Kami
Model Penciptaan Nilai Kami
Keterlibatan Pihak Berkepentingan
Prospek Pasaran dan Trend Utama
Perkara Material
Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kami
Risiko Utama Kami
Prestasi mengikut Objektif Strategik
Modal Kami
Agenda Kemampanan
Ringkasan Kewangan

MODAL KAMI

MIA bergantung kepada enam modal yang khusus dan relevan kepada Institut dan profesion perakaunan dalam proses penciptaan nilai. Modal ini akan bertambah atau berkurang mengikut operasi dan aktiviti kami.

I INTELEKTUAL

Ini merujuk kepada repositori kolektif pengetahuan profesional dan kepakaran teknikal Institut, seperti Program CPE, majalah digital e-AT, Piawaian Teknikal dan Panduan Pekeliling, Garis Panduan dan Surat Komentari, Rangka Kerja Kompetensi, Program Semakan Amalan, Laporan dan Penerbitan dan sumber Teknologi Digital, ESG, SMP dan COVID-19.

Dalam kitaran yang baik, pengeluaran modal intelektual menggunakan modal insan, modal sosial dan perhubungan serta modal kewangan untuk mencipta stok tambahan modal intelektual dan mengukuhkan jenama Institut sebagai pusat rujukan berwibawa bagi

kepakaran perakaunan dan perniagaan.

Untuk tahun hadapan, Institut akan menumpukan kepada pembangunan dan pengukuhan penawaran CPE kami yang akan beralih kepada gabungan program hibrid, dalam talian dan fizikal serta membangunkan dan menyebarkan e-pembelajaran yang disesuaikan pembelajaran campuran dan tambahan sumber ESG dan teknologi digital. Institut juga dalam proses menyiapkan laman sesawang korporat baharu dan menambah baik majalah digital e-AT untuk memacu keterlihatan jenama, hubungan pihak berkepentingan dan perkongsian pengetahuan.

PERGERAKAN DALAM MODAL

- Pengeluaran **I** menyusutkan **F**, **H** dan **SR**. tambahan **I** kemudian meningkatkan **H** dan **SR**.
- Dengan pengecualian CPE sebagai sumber utama hasil Institut, **I** mengurangkan **F**.

SR SOSIAL DAN HUBUNGAN

Ini diperkaya melalui amalan kerjasama strategik dan kepimpinan Institut untuk memajukan matlamat kami untuk mengawal selia dan membangunkan profesion. Usaha kerjasama pihak berkepentingan kami yang berterusan telah mewujudkan stok

modal sosial dan perhubungan yang sangat besar yang penting kepada visi kami untuk mempersiapkan profesion perakaunan dan negara untuk masa depan (*Lihat halaman 22 untuk perbincangan komprehensif mengenai Keterlibatan Pihak Berkepentingan*).

PERGERAKAN DALAM MODAL

- Pengeluaran **SR** menyusutkan **F** dan **H** tetapi meningkatkan **I**.
- Pengecualian adalah Perkongsian Bernilai, Penajaan dan Keahlian yang meningkatkan **F**.
- Sumbangan Ahli Lembaga, Jawatankuasa dan Pasukan Petugas kami meningkatkan **H** dan juga **I**.

MI MODAL INSAN

Ini merujuk kepada kumpulan bakat dalam iaitu kakitangan MIA. Institut akan terus menambah baik dan mengutamakan pengekalan bakat dalam dan pembinaan kecekapan untuk mengawal selia dan membangunkan profesion dengan berkesan. Memandangkan MIA adalah pusat rujukan bagi sektor perakaunan, Institut mesti meningkatkan kecekapan

dalamannya untuk menyampaikan perkhidmatan yang dipertingkatkan dan memenuhi permintaan industri mengenai semua perkara yang berkaitan dengan peraturan dan pembangunan profesion (*Lihat halaman 18 untuk gambaran keseluruhan mengenai Kakitangan dan aktiviti modal insan Institut*).

PERGERAKAN DALAM MODAL

- Peningkatan dalam **H** mengukuhkan **I** dan **SR** tetapi menyusutkan **F**.

Bahagian berikut menggambarkan pergerakan penting modal kami dan menjelaskan bagaimana kami berhasrat untuk mengembangkan stok modal ini atau meminimumkan penyusutan pada masa hadapan.

K KEWANGAN

Ini merujuk kepada dana sedia ada yang membolehkan MIA menguruskan aktiviti pengawalseliaan dan pembangunan berkanun kami dan membiayai agenda sokongan kami untuk kemampanan dan pembangunan negara. Pendapatan dari keahlian dan pendidikan merupakan penyumbang utama kepada modal kewangan. Bersama-sama dengan langkah-langkah pengoptimuman kos, MIA

akan terus memberi tumpuan untuk mempelbagaikan dan mengekalkan aliran pendapatan, mempertingkatkan CPE dan memulakan e-pembelajaran yang disesuaikan untuk mengukuhkan modal kewangan pada masa hadapan. Institut juga mengutamakan transformasi fungsi kewangan MIA agar lebih cekap, melibatkan pembangunan dan pelaksanaan pelan transformasi kewangan.

PERGERAKAN MODAL DALAM MODAL

- Pengeluaran dan penyelenggaraan **I**, **H**, **SR**, **M** dan **N** menyusutkan **F**.
- Pembangunan dan penyampaian CPE, program e-pembelajaran tersuai, penajaan, keahlian dan pulangan ke atas pelaburan MIA meningkatkan **F**.

B BUATAN

Ini merujuk kepada sumber fizikal dan aset yang menyokong penyediaan perkhidmatan Institut, seperti sistem dan peralatan IT, premis pejabat, bangunan dan peralatan pejabat yang lain. Untuk

masa hadapan, Institut berhasrat untuk melabur lagi dalam pusat data sekunder bagi perlindungan data dan pendigitalan proses dan fungsi untuk memacu peningkatan produktiviti dan prestasi.

PERGERAKAN DALAM MODAL

- Mengoptimumkan penyelenggaraan dan kos **M** meningkatkan **F**.
- Pelaburan dalam aset IT dan pendigitalan meningkatkan **M**, **H** dan **SR** tetapi menyusutkan **F**.

S SEMULA JADI

Ini merujuk kepada sumber asli yang digunakan dan kesan alam sekitar yang berlaku semasa Institut beroperasi, iaitu tenaga, pelepasan karbon, plastik sekali guna, kertas dan air. Sepanjang ekonomi pandemik dua tahun yang lalu, MIA beralih kepada aturan kerja jarak jauh untuk mematuhi protokol COVID-19 dan menganjurkan webinar serta acara secara dalam talian untuk membolehkan CPE dilaksanakan secara berterusan. Pelaksanaan kerja jarak jauh dan webinar membolehkan penjimatan yang besar dalam penggunaan kertas, air, tenaga, plastik pakai buang dan sisa makanan yang ditanggung untuk mengekalkan operasi secara fizikal di pejabat dan menganjurkan acara fizikal.

Walau bagaimanapun, apabila MIA beralih kepada aturan kerja secara hibrid dan menganjur acara dengan menggabungkan kaedah dalam talian dan fizikal dalam ekonomi endemik, penggunaan sumber asli dijangka meningkat. Beralih kepada pendigitalan akan membolehkan peningkatan produktiviti kakitangan dan meningkatkan komunikasi dan keterlibatan pihak berkepentingan, namun dijangka meningkatkan penggunaan tenaga dan jejak pelepasan MIA. Sebagai sebuah organisasi yang berorientasikan kemampanan, MIA kekal komited untuk mengurus jejak alam sekitar kami dalam menyokong visi negara bagi pelepasan sifar bersih dan pembangunan mampan (*lihat halaman 48 mengenai Agenda Kemampanan kami untuk statistik Institut mengenai penggunaan sumber asli*).

PERGERAKAN DALAM MODAL

- Komitmen terhadap penghijauan menyokong **N**.
- Simpanan **N** meningkatkan **F**.
- Peralihan kepada CPE fizikal menyusutkan **N**.

Warga Kami
Model Penciptaan Nilai Kami
Keterlibatan Pihak Berkepentingan
Prospek Pasaran dan Trend Utama
Perkara Material
Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kami
Risiko Utama Kami
Prestasi mengikut Objektif Strategik
Modal Kami
Agenda Kemampuan
Ringkasan Kewangan

AGENDA KEMAMPAHAN

Usaha kemampuan Institut adalah serampang dua mata. Pertama, untuk melaksanakan hal-hal berkaitan ESG ke dalam strategi dan operasi organisasi untuk menyokong pelepasan sifar dan sasaran tindakan perubahan iklim negara ke arah kemampuan jangka panjang. Kedua, untuk mengukuhkan seruan profesion global untuk tanggungjawab iklim dan kepimpinan yang seterusnya memacu kerelevanan dan mempersiapkan akauntan di seluruh dunia untuk masa depan.



MATLAMAT 3 (KESIHATAN YANG BAIK DAN KESEJAHTERAAN)

Krisis COVID-19 telah memberi kesan mental dan psikologi yang besar kepada semua, termasuk profesion perakaunan. Institut telah melancarkan MMAP untuk semua ahli, dengan tujuan untuk menjaga kesejahteraan

ahli dengan menyediakan sumber, alatan dan akses kepada bantuan profesional, jika diperlukan. Ahli boleh mengakses faedah kesihatan dan kecergasan melalui Kad Keistimewaan Keahlian Digital MIA.



MATLAMAT 4 (KUALITI PENDIDIKAN)

Pencapaian matlamat ini secara langsung memberi kesan kepada mandat Institut untuk membangunkan profesion perakaunan. Bagi meningkatkan kemahiran ahli kami dan meningkatkan kerelevanan mereka di masa hadapan, MIA mereka bentuk dan menganjurkan 895 program CPE pada tahun semakan. Institut juga telah mewujudkan Rangka Kerja Kompetensi yang akan membina keupayaan dan kecekapan ahli selaras dengan kecekapan asas yang ditakrifkan oleh piawaian antarabangsa, di samping mencipta dan mengedarkan pelbagai penerbitan dan sumber untuk memartabatkan akauntan.

Usaha kami dirancang untuk mengukuhkan keseluruhan ekosistem bakat perakaunan dari hujung ke hujung. Institut bekerjasama secara strategik dengan pihak berkepentingan untuk menaik taraf pendidikan perakaunan dan mengukuhkan saluran bakat perakaunan untuk memenuhi jangkaan majikan dan permintaan tenaga kerja. Institut turut menganggap transformasi digital penting bagi pendidikan perakaunan. Kami bekerjasama dengan pihak berkepentingan industri dalam Laporan Kajian Penerimaan Pakai Teknologi Baru Muncul dalam Program Perakaunan oleh Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia untuk membimbing hala tuju masa depan pendidikan perakaunan.



MATLAMAT 5 (KESAKSAMAAN GENDER)

Profesion perakaunan di Malaysia menarik minat golongan wanita yang membentuk 54% daripada keahlian MIA. MIA menyediakan tempat bekerja yang selesa bagi bakat

kami yang terdiri daripada 119 wanita daripada keseluruhan tenaga kerja berjumlah 155 orang. Majlis MIA pula dianggotai oleh 30% wanita, selaras dengan dukungan kami terhadap 30% Club



MATLAMAT 8 (PEKERJAAN YANG SESUAI DAN PERTUMBUHAN EKONOMI)

MIA komited untuk meningkatkan proposisi nilai profesion perakaunan. Kunci utama usaha ini ialah memetakan peranan akauntan pada masa depan dan meningkatkan nilai tambah dan persepsi pekerjaan perakaunan dalam ekonomi digital dan berorientasikan kemampuan untuk menangani risiko keusangan pekerjaan.

Institut telah memulakan pelan komprehensif untuk memacu Profesion Perakaunan yang Relevan pada Masa Depan sejajar dengan pendirian IFAC dan CSAP Kerajaan (*Lihat halaman 12 untuk Fokus Khas: Profesion yang Relevan pada Masa Depan*).

Dalam konteks aktiviti penciptaan nilai Institut, Matlamat 3 (Kesihatan yang baik dan Kesejahteraan), Matlamat 4 (Kualiti Pendidikan), Matlamat 5 (Kesaksamaan Gender), Matlamat 8 (Pekerjaan yang sesuai dan Pertumbuhan Ekonomi), Matlamat 13 (Tindakan Iklim), Matlamat 16 (Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Teguh) dan Matlamat 17 (Kerjasama Demi Matlamat) adalah yang paling relevan dengan tujuan kami sebagai pengawal selia dan membangunkan profesion perakaunan.

MATLAMAT 13 (TINDAKAN IKLIM)

MIA kekal komited untuk menguruskan jejak alam sekitar kami untuk menyokong visi negara bagi pelepasan sifar bersih dan pembangunan mampan ke arah mencapai 13 Tindakan Iklim UNSDG. Sepanjang pandemik dua tahun yang lalu, MIA mengubah kepada CPE dan acara dalam talian serta bekerja jarak jauh yang membolehkan penjimatan yang banyak dalam penggunaan kertas, air, tenaga, plastik pakai buang dan sisa makanan.

Pada masa yang sama, MIA telah memulakan agenda sokongan ESG, iaitu memperjuangkan pengukuran kemampuan, pendedahan dan jaminan untuk menambah baik proses membuat keputusan dan hasil perniagaan yang mampan.

PENJIMATAN HIJAU	TK2021/2022	TK2020/2021
 Penjimatan Kertas	4,742,298 helai	4,575,360 helai
 Penjimatan Tenaga	14%	13%
 Tuala Kertas	Pengurangan 48%	Pengurangan 39%

MATLAMAT 16 (KEAMANAN, KEADILAN DAN INSTITUSI TEGUH)

Institut telah mencadangkan Akta Akauntan baharu yang bakal mengukuhkan kuasa kawal selia dan pembangunan MIA untuk mengawalselia pasaran bagi perkhidmatan perakaunan yang ditadbir dengan baik dan meningkatkan perlindungan kepentingan awam.

Sementara menunggu kelulusan Akta baharu tersebut, Institut bekerjasama dalam penguatkuasaan proaktif dengan pengawal selia bersamanya untuk mengawasi,

menyiasat dan mendisiplinkan tindakan tidak patuh dan menghapuskan perkhidmatan yang tidak dibenarkan yang mengancam kepentingan awam. Usaha untuk mengukuhkan etika juga dilaksanakan untuk mencapai Matlamat 16, di mana MIA menganjurkan webinar dan kemas kini teknikal serta menghasilkan kuiz etika dan video untuk mengukuhkan kod etika profesion dalam kalangan ahli dan membentuk kelakuan beretika.

MATLAMAT 17 (KERJASAMA DEMI MATLAMAT)

Kerjasama antara sektor awam dan swasta yang teguh adalah penting untuk mencapai Matlamat 17. Institut memanfaatkan kerjasama strategik dan kepimpinannya dengan rangkaian pihak berkepentingan yang luas untuk mencapai matlamat

bersama iaitu tadbir urus yang baik, perlindungan kepentingan awam, dan pembangunan mampan untuk pembangunan negara (*Lihat halaman 22 untuk perbincangan komprehensif mengenai Keterlibatan Pihak Berkepentingan*).

AGENDA
KEMAMPAHAN

MENYOKONG SDG3 KESIHATAN YANG BAIK DAN KESEJAHTERAAN MELALUI PROGRAM BANTUAN AHLI MIA

Pada tahun semakan, MIA sebagai pengawal selia dan membangunkan profesion perakaunan mula mengutamakan kesihatan mental sebagai sebahagian daripada perjalanan Institut dan profesion ke arah kemampunan. Seperti yang dinyatakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), “Tidak akan ada kesihatan atau pembangunan mampan tanpa kesihatan mental”.

Pada masa ini, masih terdapat jurang sistemik untuk menyepadukan kesihatan mental ke dalam sistem penjagaan kesihatan nasional dan Kerajaan, mengakibatkan kekurangan akses kepada diagnosis, rawatan dan penjagaan susulan bagi mereka yang mungkin mengalami keadaan seperti kemurungan dan keletihan.

Untuk merapatkan jurang ini bagi ahlinya, MIA melancarkan MMAP dalam dua fasa untuk menyokong dan meningkatkan kesejahteraan pekerja dan pihak berkepentingan.



MIA CARELINE

Agenda
KemampunanRingkasan
Kewangan

Menyediakan khidmat kaunseling untuk hal profesional, peribadi dan psikologi

Merupakan talian khusus 24/7 secara eksklusif untuk ahli yang memerlukan sokongan segera

Menghubungkan ahli dengan mudah kepada Pakar Psikologi Klinikal Naluri dan kaunselor berdaftar

Melengkapkan alatan berstruktur lain yang disediakan oleh MIA dan Naluri Hidup seperti Aplikasi Kesihatan Digital

Menawarkan laman sesawang khusus yang memberikan ahli MIA sokongan kesejahteraan mental dan sumber untuk dilihat, dibaca dan diteroka

Mengesahkan bahawa semua panggilan ke MIA Careline adalah sulit dan tiada perbincangan antara ahli dan kaunselor profesional akan didedahkan kepada MIA atau mana-mana pihak lain

Dengan menyediakan perkhidmatan ini, MIA berharap dapat membantu menghapuskan stigma krisis kesihatan mental supaya mereka yang terkesan boleh mendapatkan kaunseling, terapi dan bimbingan yang diperlukan untuk merawat keadaan mereka dengan mudah dan kembali sihat.

RINGKASAN

MIA mencatatkan lebih sebelum cukai sebanyak RM2.37 juta bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022 berbanding RM2.85 juta bagi tahun kewangan sebelum, mempamerkan daya tahan yang berterusan walaupun berdepan cabaran daripada pandemik COVID-19. Institut berupaya melibatkan diri dengan ahlinya dan pihak berkepentingan lain secara maya dengan memanfaatkan transformasi operasi dalam mengharungi normal baharu. Pada tahun kewangan, Institut mencatatkan pendapatan operasi yang lebih tinggi daripada aktiviti pembangunan profesional, keahlian dan pendidikan. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan keseluruhan dalam lebih sebelum cukai hasil daripada kos operasi yang lebih tinggi dan pendapatan geran CMDP yang lebih rendah.

DANA TERKUMPUL

Pada 30 Jun 2022, MIA kekal berada pada kedudukan kewangan yang kukuh, dengan dana terkumpul berjumlah RM51.80 juta, peningkatan sebanyak 4% berbanding akhir tahun kewangan sebelumnya. Ini mencerminkan secara positif penggunaan modal kewangan dan penggunaan modal MIA yang lain dalam melaksanakan operasinya ke arah kemampunan kewangan bagi mencapai matlamat pembangunan negara. MIA terus mempertingkatkan ketangkasan dan daya tahannya melalui inisiatif transformasi digital dan operasi yang berterusan dan masa hadapan serta pelbagai rancangan lain yang selaras dengan objektif strategiknya termasuk jangkaan pelaksanaan Akta Akauntan baharu.



PENDAPATAN

RM36.43 juta

2021: RM34.96 juta

LEBIHAN SEBELUM CUKAI

RM2.37 juta

2021: RM2.85 juta

DANA TERKUMPUL

RM51.80 juta

2021: RM49.59 juta

RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN LIMA TAHUN

(dalam RM Juta)


	2022	2021	2020	2019	2018
Hasil daripada kontrak dengan pelanggan	35.04	32.93	39.80	43.56	44.10
Pendapatan lain	1.39	2.03	1.39	1.65	9.56
Lebih sebelum laba atas pelupusan tanah dan bangunan	2.37	2.85	2.01	0.37	1.31
Laba atas pelupusan tanah dan bangunan	-	-	-	-	7.48
Lebih sebelum cukai	2.37	2.85	2.01	0.37	8.79
Percukaian	(0.16)	-	(0.23)	0.04	(0.20)
Lebih selepas cukai	2.21	2.85	1.78	0.41	8.59
Dana terkumpul	51.80	49.59	46.73	44.95	44.54
Hartanah, loji dan peralatan	23.71	24.98	25.83	26.60	27.38
Aset tak ketara	1.57	1.78	1.02	1.16	0.49
Pelaburan pada kos terlunas	6.50	2.00	-	-	-
Pelaburan dalam saham tidak disebut harga	0.01	0.01	0.01	0.01	0.01
Aset cukai tertunda	-	-	-	0.23	0.19
Jumlah aset bukan semasa	31.79	28.77	26.86	28.00	28.07
Aset semasa	33.44	30.65	28.57	30.53	31.74
Liabiliti semasa	13.39	9.70	8.48	13.46	15.27
Aset semasa bersih	20.05	20.95	20.09	17.07	16.47
Liabiliti bukan semasa	0.04	0.13	0.22	0.12	-
Aset bersih	51.80	49.59	46.73	44.95	44.54
Nisbah semasa	2.50	3.16	3.37	2.27	2.08

**Rangka Kerja
Tadbir Urus dan
Fungsi-fungsi**Ahli
MajlisLaporan
MajlisKomposisi
MajlisLembaga/
Jawatankuasa

Kewangan

Lampiran

RANGKA KERJA TADBIR URUS DAN FUNGSI-FUNGSI



PIAGAM MAJLIS MIA

Objektif Piagam Majlis ini adalah untuk memastikan semua Ahli Majlis Institut maklum akan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai ahli Majlis dan pelbagai undang-undang dan peraturan yang memberi kesan ke atas tingkah laku mereka dan bahawa prinsip dan amalan Tadbir Urus yang baik terpakai dalam setiap urusan berkaitan dengan mereka, berkaitan dengan dan bagi pihak Institut.

Piagam Majlis membentangkan komposisi, peranan dan tanggungjawab, proses dan prosedur mesyuarat Majlis menurut Akta Akauntan 1967. Walaupun Piagam ini bertujuan untuk dijadikan sebagai panduan yang berstruktur, ia tidak dihasratkan atau seharusnya dianggap sebagai panduan yang lengkap.

TADBIR URUS DAN PENYATA KAWALAN DALAMAN INSTITUT



Laporan berikut menggariskan cara Institut menggunakan prinsip utama dan amalan terbaik seperti yang ditetapkan dalam kod tadbir urus korporat yang berkaitan untuk melaksanakan tugasnya dan mengoptimalkan jaminan, kebebasan dan pengawasan. Penyata ini juga menerangkan bagaimana pengurusan, kawalan dan pengurusan risiko amalan disusun untuk meminimumkan risiko dan mengoptimalkan prestasi.

MEMPERTINGKATKAN TADBIR URUS, PENERAPAN ESG

Institut ditadbir urus oleh Majlis yang dianggotai oleh ahli dari pelbagai latar belakang yang mewakili pihak berkepentingan MIA.

Untuk meningkatkan tadbir urus Institut dan membolehkan MIA membangunkan dan mengawal selia profesion perakaunan demi kepentingan awam, Majlis menyediakan pengawasan seperti yang ditetapkan dalam Akta Perakaunan 1967.

Bagi tahun liputan, Majlis telah mula melaksanakan Agenda ESG untuk menyokong kesinambungan perniagaan, kesejahteraan dan kerelevanan masa depan profesion.



KEPELBAGAIAN PENGALAMAN	
	Audit dan Perakaunan
	Jaminan
	Khidmat Nasihat
	Ahli Akademik
	Kewangan Korporat
	Khidmat Nasihat Korporat dan Pemulihan
	Tadbir urus
	Teknologi Maklumat
	Kepimpinan
	Perakaunan Sektor Awam
	Pengawalseliaan
	Pengurusan Risiko
	Pencukaian

Rangka Kerja
Tadbir Urus dan
Fungsi-fungsi

**Ahli
Majlis**

Laporan
Majlis

Komposisi
Majlis

Lembaga/
Jawatankuasa

AHLI MAJLIS





4



5



6



10



11



15



16

AHLI MAJLIS

- 1 **Datuk Bazlan Osman**
Presiden
8(1)(d)/Dilantik
- 2 **Mohamad Faisal Abdul Malik**
Naib Presiden
8(1)(g)/Dipilih
- 3 **Tuan Haji Rozaimi Idris**
Timbalan Akauntan Negara
(Korporat) 8(1)(a)/Dilantik
- 4 **Ahmad Zahirudin Abdul Rahim**
Ahli
8(1)(f)/Dilantik
- 5 **Prof. Madya. Dr. Rosli Mohamad**
Ahli
8(1)(b)/Dilantik
- 6 **Prof. Madya. Dr. Mazlina Mustapha**
Ahli
8(1)(b)/Dilantik
- 7 **Prof. Madya. Dr. Zarina Zakaria**
Ahli
8(1)(b)/Dilantik
- 8 **Chan Kuan Chee, James**
Ahli
8(1)(f)/Dilantik
- 9 **Chong Dee Shiang, Teresa**
Ahli
8(1)(g)/Dipilih
- 10 **Dato' Gan Ah Tee**
Ahli
8(1)(c)/Dilantik
- 11 **Dr. Zubir Azhar**
Ahli
8(1)(g)/Dipilih
- 12 **Foo Siak Chung, Kevin**
Ahli
8(1)(d)/Dilantik
- 13 **Jeremy Nasrulhaq**
Ahli
8(1)(f)/Dilantik
- 14 **Lim Chee Mei, Gladys**
Ahli
8(1)(d)/Dilantik
- 15 **Lim Thiam Kee, Peter**
Ahli
8(1)(g)/Dipilih
- 16 **Norhafizah Md Shariff**
Ahli
8(1)(f)/Dilantik

AHLI
MAJLIS

Laporan Tahunan
Bersepadu
2022

Gambaran
Keseluruhan

Refleksi
Daripada
Pengurusan
Tertinggi

Fokus

Penciptaan
Nilai

Tadbir Urus

Rangka Kerja
Tadbir Urus dan
Fungsi-fungsi

**Ahli
Majlis**


Laporan
Majlis

Komposisi
Majlis

Lembaga/
Jawatankuasa

Kewangan

Lampiran





20



21



25



26



30



31

AHLI MAJLIS

17

Nurul A'in Abdul Latif
Ahli
8(1)(g)/Dipilih

18

Ong Chin Chuan
Ahli
8(1)(g)/Dipilih

19

Ooi Thiam Poh, Alex
Ahli
8(1)(f)/Dilantik

20

**Prof. Datin Dr. Suzana
Sulaiman**
Ahli
8(1)(b)/Dilantik

21

**Prof. Dato' Dr. Norman Mohd
Saleh**
Ahli
8(1)(b)/Dilantik

22

Soo Hoo Khoon Yean
Ahli
8(1)(e)/Dilantik

23

Tai Yoon Foo
Ahli
8(1)(g)/Dipilih

24

Tan Shium Jye, Terence
Ahli
8(1)(g)/Dilantik

25

Tang Seng Choon
Ahli
8(1)(g)/Dipilih

26

Tuan Haji Nasran Omar
Ahli
8(1)(f)/Dilantik

27

**Wan Ahmad Ikram Wan
Ahmad Lotfi**
Ahli
8(1)(f)/Dilantik

28

Wong Kay Yong
Ahli
8(1)(f)/Dilantik

29

Yee Wing Peng
Ahli
8(1)(g)/Dilantik

30

Zarinah Othman
Ahli
8(1)(f)/Dilantik

PENDAFTAR

31

Dato' Mohamad Azmi Ali

LAPORAN MAJLIS

MAJLIS

Menurut Seksyen 9 Akta Akauntan 1987, kuasa umum Majlis ialah untuk menguruskan Institut dan dananya. Secara khususnya, menurut Seksyen 10 Akta, Majlis mempunyai kuasa untuk:

- Menggubal undang-undang kecil
- Melantik kakitangan
- Mengambil maklum tentang apa-apa perkara yang mempengaruhi Institut atau tingkah laku profesional ahlinya
- Berkomunikasi dengan badan lain yang serupa dan dengan ahli profesion dari pelbagai tempat
- Menubuhkan cawangan
- Mewakikan menurut budi bicara mutlaknya, apa-apa kuasanya, keistimewaan dan budi bicaranya
- Melantik Jawatankuasa Institut
- Melaksanakan semua kuasa, keistimewaan dan budi bicara yang tidak perlu dilaksanakan oleh ahli pada mesyuarat tahunan
- Menggunakan meterai rasmi Institut

Presiden Institut merupakan Pengerusi Majlis. Pelantikan dan komposisi ahli Majlis adalah menurut Seksyen 8(1) Akta.

Jawatan ini merupakan jawatan tanpa ganjaran dan ahli Majlis berkhidmat demi kepentingan awam.

Majlis bertanggungjawab untuk penyeliaan dan tadbir urus Institut. Dalam tahun kewangan, Majlis mengadakan sepuluh (10) mesyuarat. Semasa mesyuarat ini, Majlis membincangkan perkara-perkara berikut:

- Pemohonan untuk Keahlian dan Pemohonan Lain Berkaitan dengan Keahlian.
- Kemas kini ke atas cadangan Akta Akauntan yang baharu
- Pelan Operasi & Belanjawan MIA bagi TK 2022/2023
- Kelulusan Penyata Kewangan MIA bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2021
- Pelulusan Kos Pembangunan bagi Rangka Kerja Kecekapan MIA
- Respons MIA ke atas Cadangan AG untuk Meningkatkan Tempoh Pasca Keahlian MIA kepada 3 Tahun bagi Tujuan Pemohonan Lesen Audit
- Memeta Peranan MIA ke atas Agenda Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG)
- Memperkuh Sektor Amalan Awam dan Amalan Kecil & Sederhana
- Kelulusan Laporan Bersepadu MIA 2021
- Usul daripada Lembaga/Jawatankuasa
- Penerbitan Keputusan oleh Jawatankuasa Tatatertib and Lembaga Rayuan Tatatertib
- Penerbitan Penyata Penelitian Kewangan & Laporan Tahunan Semakan Amalan 2020/2021
- Platform Pengesahan Bank Elektronik Seluruh Industri
- Semakan Dasar Pelaburan & Dasar Perbendaharaan
- Pengurusan Risiko Organisasi MIA
- Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif MIA

JAWATANKUASA PENYELIAAN (OC)

OC telah ditubuhkan oleh Majlis dan diberikan kuasa oleh Majlis untuk mengurus dan membincangkan dasar, strategi perniagaan dan sebarang isu operasi utama yang perlu diputuskan di peringkat Majlis.

Bidang tugas OC telah diluluskan oleh Majlis. OC terdiri daripada Presiden sebagai Pengerusi, Naib Presiden, wakil daripada Jabatan Akauntan Negara dan tiga (3) orang lagi ahli Majlis.


Dalam tahun kewangan, OC mengadakan sembilan (9) mesyuarat dan membincangkan perkara berikut:

Penilaian Prestasi Institut bagi TK2021/2022	Pelaburan Selain Deposit Tetap
Pelan Operasi dan Belanjawan MIA bagi 2021/2022	Kemas Kini Inisiatif Ekonomi Digital
Perbincangan mengenai Dasar Pelaburan & Pelaburan Selain Deposit Tetap	Pendekatan Migrasi Pelayan Amazon-Web (AWS)
Laporan Prestasi Operasi	Hal-hal Kakitangan
Laporan dan Pelan Aktiviti Pendidikan Profesional Berterusan (CPE)	Penyata Kewangan MIA bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2021
Pembentangan oleh Edlemen ke atas Kepercayaan dan Penemuan Tinjauan Jenama MIA.	Perubahan Penandatanganan Cek
Pelantikan Pembekal dan Penyedia Perkhidmatan	Pembaharuan Perjanjian Sewaan Pejabat Wilayah Johor

LAPORAN JAWATANKUASA PENCALONAN (NC)

NC telah ditubuhkan oleh Majlis dan objektif utama ialah untuk mewujudkan mekanisme bagi penilaian formal bagi setiap calon sebelum beliau disyorkan kepada Majlis untuk dilantik sebagai ahli Jawatankuasa dan Lembaga Institut atau apa-apa tanggungjawab lain seperti yang diarahkan oleh Majlis. Jawatankuasa memastikan ahli yang dilantik mempunyai ciri-ciri yang memenuhi gabungan keperluan tanggungjawab, kemahiran dan pengalaman.

NC terdiri daripada Presiden, Naib Presiden, empat (4) ahli Majlis dan wakil daripada Jabatan Akauntan Negara. Jawatankuasa akan mengadakan mesyuarat sekiranya dianggap perlu. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh ahli Majlis daripada kalangan ahli Jawatankuasa Pencalonan (kecuali Presiden, Naib Presiden dan wakil daripada Jabatan Akauntan Negara).



LAPORAN MAJLIS

Dalam tahun kewangan, Jawatankuasa mengadakan tujuh (7) mesyuarat yang mana Jawatankuasa membincangkan dan mengesyorkan kepada Majlis perkara-perkara berikut:

Pelantikan dan pelantikan semula Pengerusi & ahli-ahli Jawatankuasa dan Lembaga

Kajian semula ke atas Terma Rujukan Lembaga/Jawatankuasa

Penilaian Prestasi Ketua Pegawai Eksekutif MIA bagi TK2020/2021

Pengesahan Penarafan Prestasi Ketua Bahagian

Pelantikan Wakil MIA dalam Panel Temuduga Juruaudit Syarikat yang Diluluskan 2021/2022

Pelantikan Wakil Tetap MIA dalam Jawatankuasa Pengawas Juruaudit dan Penyelesai Syarikat Jabatan Akauntan Negara di bawah Akta Syarikat 2016

Panel Temuduga Juruaudit Syarikat yang Diluluskan: Dasar dan Proses Pencalonan, Pelantikan & Pelantikan Semula

JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO (ARMC)

Majlis bertanggungjawab untuk mengekalkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang kukuh untuk mencapai objektif perniagaan dan kecekapan operasinya. Majlis boleh mewakilkan, tetapi tidak melepaskan, tanggungjawabnya kepada ARMC.

BIDANG KUASA

Terma Rujukan ARMC boleh didapati di laman sesawang MIA di www.mia.org.my.

TANGGUNGJAWAB UTAMA

ARMC menyemak penyata kewangan dan proses pelaporannya, sistem kawalan dalaman, pengurusan risiko organisasi, proses audit dan pematuhan undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan.

MESYUARAT

Kuorum bagi mesyuarat ARMC adalah tiga (3) ahli.

ARMC mengadakan empat (4) mesyuarat sepanjang tahun kewangan, dan kehadiran ahli adalah dinyatakan di atas. Ketua Pegawai Eksekutif dan Jawatankuasa Pengurusan dijemput ke mesyuarat ARMC untuk memberi penjelasan dan pandangan mengenai topik-topik atau isu-isu tertentu yang membangkit susulan daripada laporan yang dibentangkan.

Pada 12 September 2022, ahli Jawatankuasa menghadiri mesyuarat penutup Jabatan Audit Negara berkaitan Penyata Kewangan MIA bagi TK2021/2022.

RINGKASAN AKTIVITI

Aktiviti ARMC bagi tahun kewangan yang berakhir pada 30 Jun 2022 dan sehingga ke tarikh Laporan ini merangkumi perkara berikut:

Pelaporan Kewangan

- Menyemak penyata kewangan separuh tahun dan tahunan Institut untuk memastikan bahawa penyata kewangan dan pernyataan akaun mematuhi piawaian perakaunan, dengan tumpuan diberikan kepada perubahan dalam dasar perakaunan, termasuk transaksi signifikan dan luar jangka.
- Untuk menjaga integriti maklumat, Mr Simon Tay Pit Eu (Pegawai Eksekutif Teknikal & Amalan Profesional) yang juga merupakan pegawai utama yang bertanggungjawab untuk pengurusan kewangan Institut, telah memberikan jaminan kepada ARMC bahawa:
 - Dasar perakaunan yang sesuai telah diterima pakai dan diguna pakai secara konsisten
 - Pertimbangan berhemat dan anggaran munasabah telah dibuat menurut keperluan yang terkandung dalam MFRS dan IFRS;
 - Proses dan kawalan yang memadai bagi membolehkan pelaporan kewangan dan pernyataan-pernyataan akaun berdasarkan keperluan MFRS dan IFRS dibuat dengan cekap dan berkesan.
 - Penyata Kewangan Tahunan tidak mengandungi ralat yang ketara dan memberikan 'true and fair view' tentang kedudukan kewangan serta keputusan operasi dan aliran tunai Institut.

Audit Luaran

- Menyemak Memorandum Perancangan Audit, yang memberi tumpuan kepada skop kerja bagi tahun berkenaan termasuk skop baharu audit seperti perubahan dalam undang-undang dan peraturan, perubahan sistem, dan jadual kerja audit; dan

- Menyemak keputusan audit, laporan audit yang berkaitan, dan Surat Pengurusan, bersama maklumbalas dan ulasan Pengurusan terhadap penemuan audit.
- Audit Negara untuk bertukar pandangan dan pendapat secara bebas dan jujur tanpa kehadiran Pengurusan.

Risiko dan Kawalan

Majlis dan Pengurusan mempunyai tanggungjawab menyeluruh untuk memastikan pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman yang teguh bagi mengukuhkan persekitaran kawalan Institut. Dalam tahun kewangan, Jawatankuasa telah menjalankan aktiviti berikut:

- Menilai keberkesanan dasar dan prosedur Institut berhubung sistem kawalan dalaman dengan menyemak kerja Jabatan Audit Dalaman dan juruaudit luar, (rujuk di atas) dan laporan berkala daripada Pengurusan berkenaan dengan pengurusan risiko. Hasil keputusan penilaian membolehkan Majlis menentukan sekiranya Institut telah mengguna pakai mekanisme kawalan yang sewajarnya untuk memantau dan memastikan pematuhan kepada Akta Akauntan 1967 dan keperluan kawalseliaan lain.
- Risiko utama, profil risiko dan tindakan pemulihan dilaporkan dan dibincangkan oleh ARMC setiap setengah tahun, yang mana ringkasannya dilaporkan untuk tindakan selanjutnya atau diambil maklum oleh pihak Majlis;
- Penglibatan aktif dengan Pengurusan mengenai proses penilaian risiko yang dilaksanakan, profil risiko yang disusun, terutamanya lima (5) risiko utama yang dihadapi oleh Institut;
- Maklum balas dan ulasan yang berkaitan untuk memastikan risiko perniagaan dikenal pasti dengan sewajarnya, dinilai dari segi penarafan risiko dan langkah-langkah pemulihan yang berkaitan telah digunakan oleh Pengurusan untuk mengurangkan risiko ke tahap yang boleh diterima; dan
- Kawalan dalaman dan perkara berkaitan risiko yang memerlukan pemerhatian Majlis dicadangkan oleh ARMC kepada Majlis untuk kelulusannya dan perkara atau keputusan yang dalam skop ARMC dikemas kini untuk diambil maklum atau diambil tindakan oleh pihak Majlis, mana yang berkenaan.

Laporan ARMC

- Menyemak dan meluluskan Laporan ARMC untuk dimasukkan ke dalam Laporan Bersepadu bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022.

Pengurusan Risiko Enterprise MIA (ERM)

MIA ERM menyediakan platform yang diperlukan oleh Pengurusan untuk membuat penilaian kesan situasi semasa, termasuklah situasi-situasi yang menjadi pencetus yang memerlukan penilaian semula terhadap risiko perniagaan dan keberkesanan kawalan yang berkaitan. Jawatankuasa menilai kesan perubahan dalam persekitaran kawalan dan memastikan bahawa isu ketara, sekiranya ada, dibawa kepada perhatian Majlis.

Fungsi Audit Dalaman

Misi Audit Dalaman (IA) adalah memberikan khidmat jaminan dan konsultasi bebas yang objektif yang direka bentuk untuk menambah nilai dan memperbaiki operasi Institut. IA membantu MIA untuk mencapai objektifnya dengan pendekatan yang sistematik dan berdisiplin bagi penilaian dan penambahbaikan keberkesanan proses pengurusan risiko, proses kawalan dan tadbir urus.

IA melaporkan fungsinya kepada ARMC dan dari segi pengurusan kepada Ketua Pegawai Eksekutif (KPE). Untuk memastikan tanggungjawab IA dijalankan sepenuhnya menurut Piagam jabatan dan Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa untuk Juruaudit Dalaman, ARMC menyemak skop audit dan sumber serta kecekapan dan pengalaman juruaudit dalaman. IA tidak terlibat dalam pembangunan atau pelaksanaan dasar, prosedur atau sistem, manakala kakitangan dalam jabatan IA adalah bebas daripada aktiviti yang diaudit oleh mereka. ARMC turut meluluskan—pindaan kepada Pelan Audit Dalaman (IAP) dua (2) tahun bagi TK2020/2021 dan TK2021/2022, laporan perkembangan kerja audit yang dilaporkan kepada ARMC bagi tujuan pemantauan.

Selain daripada menjalankan pengauditan secara bebas, berkala dan sistematik ke atas sistem kawalan dalaman MIA untuk memastikan sistem tersebut terus beroperasi dengan cekap dan berkesan, IA juga membuat audit susulan keatas laporan maklum balas Pengurusan terhadap isu yang dibangkitkan oleh Juruaudit Luar dalam Surat Pengurusannya sehingga isu-isu tersebut diselesaikan. Fungsi IA mengguna pakai pendekatan berasaskan risiko dalam bidang-bidang boleh diaudit dalam pelan audit dalaman tahunan untuk kelulusan Jawatankuasa sebelum kerja audit dalaman dimulakan.

Sebagai sebahagian daripada penilaian berterusan terhadap kualiti dan pematuhan proses audit dalaman berdasarkan Piawaian Antarabangsa bagi Amalan Profesional Pengauditan Dalaman yang diisytiharkan oleh Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (IIA Malaysia), Institut telah mengambil khidmat penilaian luar bebas yang diketuai oleh seorang Pengarah berkelulusan IIA Inc. dalam “Kursus Akreditasi Penilai/Pengesah Audit Dalaman” dan peperiksaan yang berkaitan, untuk menilai dan membuat cadangan penambahbaikan. Jabatan IA telah mengambil tindakan untuk menangani jurang dari penilaian tersebut dan melaporkan perkembangan gerak kerja kepada ARMC setiap suku tahun.

Jawatankuasa membincangkan laporan IA dan mengarahkan Pengurusan untuk merumuskan dan melaksanakan kawalan yang diperlukan untuk mengukuhkan pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman, termasuk keperluan untuk pencegahan berulangannya kelemahan yang sama. Jika perlu kelemahan kawalan, termasuk kesilapan dan pelan tindakan yang diusulkan, ianya akan dipanjangkan kepada Majlis untuk diperbincangkan. IA membuat audit susulan ke atas isu yang dilaporkan untuk memastikan tindakan yang telah dipersetujui dilaksanakan oleh Pengurusan.

KOMPOSISI MAJLIS

KOMPOSISI MAJLIS

Bilangan Mesyuarat

10

BIL.	AHLI MAJLIS	JAWATAN	SEKSYEN	STATUS	KEHADIRAN
1.	Datuk Bazlan Osman	Presiden/ Pengerusi	8(1)(d)	Dipilih sebagai Presiden pada 17 Jun 2022	8/10
2.	Mohamad Faisal Abdul Malik	Naib Presiden	8(1)(g)	Dipilih sebagai Naib Presiden pada 17 Jun 2022	10/10
3.	Ahmad Zahirudin Abdul Rahim	Ahli	8(1)(f)	-	10/10
4.	Andrew Heng	Ahli	8(1)(g)	Bersara pada 25 September 2021	3/3
5.	Prof. Madya Dr. Mazlina Mustapha	Ahli	8(1)(b)	Dilantik semula pada 1 Ogos 2021	10/10
6.	Prof. Madya Dr. Rosli Mohamad	Ahli	8(1)(b)	Dilantik pada 1 Disember 2021	5/5
7.	Prof. Madya Dr. Zarina Zakaria	Ahli	8(1)(b)	-	7/10
8.	Prof. Madya Dr. Zuraeda Ibrahim	Bekas Naib Presiden	8(1)(b)	Bersara pada 15 Julai 2021	0/0
9.	Chan Kuan Chee, James	Ahli	8(1)(f)	Dilantik semula pada 15 Mac 2022	10/10
10.	Chong Dee Shiang, Teresa	Ahli	8(1)(g)	-	9/10
11.	Dato' Gan Ah Tee	Ahli	8(1)(c)	Pelantikan berubah daripada Seksyen 8(1)(e) kepada 8(1)(c) pada 28 Mei 2022	10/10
12.	Dr. Azrie Tamjis	Ahli	8(1)(f)	Bersara pada 14 Januari 2022	5/5
13.	Dr. Veerinderjeet Singh	Bekas Presiden/ Pengerusi	8(1)(c)	Bersara pada 28 Mei 2022	9/9
14.	Dr. Zubir Azhar	Ahli	8(1)(g)	-	10/10
15.	Foo Siak Chung, Kevin	Ahli	8(1)(d)	-	9/10
16.	Jeremy Nasrulhaq	Ahli	8(1)(f)	Bersara pada 30 Jun 2022	7/10
17.	Leong Kah Mun	Ahli	8(1)(g)	Bersara pada 25 September 2021	2/3
18.	Lim Chee Mei, Gladys	Ahli	8(1)(d)	Dilantik semula pada 1 Januari 2022	10/10
19.	Lim Fen Nee	Ahli	8(1)(d)	Bersara pada 31 Ogos 2021	2/2
20.	Lim Thiam Kee, Peter	Ahli	8(1)(g)	-	10/10
21.	Mohd Redzuan Hasan	Ahli	8(1)(a)	Bersara pada 10 April 2022	5/8
22.	Norhafizah Md Shariff	Ahli	8(1)(f)	Dilantik pada 15 Mac 2022	2/2
23.	Nurul A'in Abdul Latif	Ahli	8(1)(g)	Dipilih pada 25 September 2021	5/7
24.	Ong Chee Wei	Ahli	8(1)(g)	Bersara pada 25 September 2021	3/3
25.	Ong Ching Chuan	Ahli	8(1)(g)	-	9/10
26.	Ooi Thiam Poh, Alex	Ahli	8(1)(f)	Dilantik semula pada 1 November 2021	10/10
27.	Prof. Datin Dr. Suzana Sulaiman	Ahli	8(1)(b)	Dilantik pada 1 Ogos 2021	6/7
28.	Prof. Dato' Dr. Norman Mohd Saleh	Ahli	8(1)(b)	Dilantik semula pada 1 Ogos 2021	10/10
29.	Prof. Dr. Nor Aziah Abd Manaf	Ahli	8(1)(b)	Bersara pada 30 November 2021	4/4
30.	Soo Hoo Khoon Yean	Ahli	8(1)(e)	Dilantik pada 15 Jun 2022	0/0
31.	Tai Yoon Foo	Ahli	8(1)(g)	-	8/10
32.	Tang Seng Choon	Ahli	8(1)(g)	Dipilih pada 25 September 2021	7/7
33.	Tan Shium Jye, Terence	Ahli	8(1)(g)	Dipilih pada 25 September 2021	7/7
34.	Tuan Haji Nasran Omar	Ahli	8(1)(f)	Dilantik semula pada 1 November 2021	10/10
35.	Tuan Haji Rozaimi Idris	Ahli	8(1)(a)	Dilantik pada 11 April 2022	1/2
36.	Wan Ahmad Ikram Wan Ahmad Lotfi	Ahli	8(1)(f)	Dilantik semula pada 1 November 2021	8/10
37.	Wong Kay Yong	Ahli	8(1)(f)	Dilantik pada 15 Mac 2022	1/2
38.	Yee Wing Peng	Ahli	8(1)(g)	-	8/10
39.	Zarinah Othman	Ahli	8(1)(f)	-	10/10

JAWATANKUASA PENCALONAN

Bilangan Mesyuarat 7

BIL.	AHLI MAJLIS	JAWATAN	STATUS	KEHADIRAN
1.	Ahmad Zahirudin Abdul Rahim	Pengerusi	-	7/7
2.	Datuk Bazlan Osman	Presiden	Dilantik sebagai Presiden pada 17 Jun 2022. Pernah berkhidmat dalam Jawatankuasa Pencalonan dalam kapasiti sebagai Naib Presiden (berkuat kuasa pada 30 Julai 2021)	5/6
3.	Mohamad Faisal Abdul Malik	Naib Presiden	Dilantik sebagai Naib Presiden pada 17 Jun 2022	0/0
4.	Prof. Madya Dr. Zuraeda Ibrahim	Ahli	Bersara pada 15 Julai 2021	0/0
5.	Dr. Veerinderjeet Singh	Ahli	Bersara pada 28 Mei 2022	7/7
6.	Lim Thiam Kee, Peter	Ahli	-	7/7
7.	Mohd Redzuan Hasan	Ahli	Bersara pada 10 April 2022	5/6
8.	Ooi Thiam Poh, Alex	Ahli	Dilantik pada 28 Oktober 2021	2/4
9.	Prof. Dato' Dr. Norman Mohd Saleh	Ahli	-	7/7
10.	Tuan Haji Rozaimi Idris	Ahli	Dilantik pada 27 Mei 2022	0/0

JAWATANKUASA PENYELIAAN

Bilangan Mesyuarat 9

BIL.	AHLI MAJLIS	JAWATAN	STATUS	KEHADIRAN
1.	Datuk Bazlan Osman	Presiden/ Pengerusi	Dilantik sebagai Presiden on 17 Jun 2022. Pernah berkhidmat dalam Jawatankuasa Penyeliaan dalam kapasiti sebagai Naib Presiden (berkuat kuasa pada 30 Julai 2021)	7/8
2.	Mohamad Faisal Abdul Malik	Naib Presiden	Dilantik sebagai Naib Presiden pada 17 Jun 2022	0/0
3.	Prof. Madya Dr. Zuraeda Ibrahim	Ahli	Bersara pada 15 Julai 2021	1/1
4.	Dato' Gan Ah Tee	Ahli	Dilantik semula pada 28 Oktober 2021	9/9
5.	Dr. Veerinderjeet Singh	Ahli	Bersara pada 28 Mei 2022	8/9
6.	Jeremy Nasrulhaq	Ahli	Bersara pada 30 Jun 2022	9/9
7.	Lim Fen Nee	Ahli	Bersara pada 31 Ogos 2021	3/3
8.	Mohd Redzuan Hasan	Ahli	Bersara pada 10 April 2022	7/8
9.	Tuan Haji Rozaimi Idris	Ahli	Dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Penyeliaan pada 11 April 2022 berdasarkan pelantikan sebagai penama Akauntan Negara dalam Majlis MIA	0/1

JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO

Bilangan Mesyuarat 4

BIL.	AHLI MAJLIS	JAWATAN	STATUS	KEHADIRAN
1.	Chong Dee Shiang, Teresa	Pengerusi	Dilantik semula sebagai Pengerusi pada 1 Disember 2021	4/4
2.	Lee Min On	Ahli	Dilantik semula sebagai Ahli pada 1 Disember 2021	4/4
3.	Dr. Zarina Zakaria	Ahli	Dilantik semula sebagai Ahli pada 1 Disember 2021	1/4
4.	Ong Ching Chuan	Ahli	Dilantik semula sebagai Ahli pada 1 Disember 2021	1/2
5.	Lim Chee Mei, Gladys	Ahli	Dilantik sebagai Ahli pada 15 Januari 2022	2/2
6.	Ong Chee Wai	Ahli	Bersara sebagai Ahli pada 26 September 2021	2/2
7.	Dr. Azrie Tamjis	Ahli	Bersara sebagai Ahli pada 14 Januari 2022	2/2

Rangka Kerja
Tadbir Urus dan
Fungsi-fungsiAhli
MajlisLaporan
MajlisKomposisi
MajlisJawatankuasa/
Pasukan Petugas

LEMBAGA/ JAWATANKUASA

STATUTORI

BIL.	JAWATANKUASA	PENGERUSI	JUMLAH AHLI (TERMASUK PEMERHATI)
1.	Lembaga Rayuan Tatatertib	Prof. Dato' Dr. Norman Mohd Saleh	3
2.	Jawatankuasa Tatatertib	Chan Kuan Chee, James	4
3.	Jawatankuasa Peperiksaan	Dr. Zubir Azhar	8
4.	Jawatankuasa Penyiasatan	Tang Seng Choon	4

BUKAN STATUTORI

BIL.	JAWATANKUASA	PENGERUSI	JUMLAH AHLI (TERMASUK PEMERHATI)
1.	Jawatankuasa Pemantauan ASEAN CPA	Datuk Bazlan Osman	4
2.	Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko	Chong Dee Shiang, Teresa	4
3.	Lembaga Piawaian Pengauditan dan Asurans	Teoh Soo Hock	16
4.	Jawatankuasa Penasihat Pasaran Modal	Teoh Soo Hock	18
5.	Jawatankuasa Pelaksanaan Teknologi Digital	Lim Fen Nee	16
6.	Lembaga Pendidikan	Tan Sri Abdul Samad Alias	15
7.	Lembaga Piawaian Etika	Dr. Mohd Nizam Mohd Ali	11
8.	Jawatankuasa Penelitian Penyata Kewangan	Irvin Menezes	15
9.	Jawatankuasa Amalan Insolvensi	Dato' Gan Ah Tee	13
10.	Jawatankuasa Pemandu Pelaporan Sepadu	Wan Ahmad Ikram Wan Ahmad Lotfi	17
11.	Jawatankuasa Kewangan Islam	Mohd Muazzam Mohamed	9
12.	Jawatankuasa Teknikal Bersama MIA-MQA	Jeremy Nasrulhaq	12
13.	Jawatankuasa Pencalonan	Ahmad Zahirudin Abdul Rahim	6
14.	Jawatankuasa Penyeliaan	Datuk Bazlan Osman	4
15.	Jawatankuasa Semakan Amalan	Lim Thiam Kee, Peter	8
16.	Jawatankuasa Akauntan Professional dalam Perniagaan	Wan Ahmad Ikram Wan Ahmad Lotfi	20
17.	Jawatankuasa Amalan Awam	Ong Ching Chuan	18
18.	Jawatankuasa Perakaunan Sektor Awam	Datuk Dr. Yacob Mustafa	12
19.	Jawatankuasa Amalan Kecil dan Sederhana	Tiada Lantikan	11
20.	Jawatankuasa Amalan Pencukaian	Yee Wing Peng	14
21.	Jawatankuasa Penilaian	Dato' Wong Wing Seong	12
22.	Jawatankuasa Wilayah Johor	Manohar Benjamin Johnson	8
23.	Jawatankuasa Wilayah Utara	Kim Chin Kuang	8
24.	Jawatankuasa Wilayah Sabah	Dionysia @ Audrey Aloysius Kibat	8
25.	Jawatankuasa Wilayah Sarawak	Jackson Lim Zune Shing	8



PENYATA KEWANGAN

- 66 Laporan Ketua Audit Negara
- 71 Penyata Majlis
- 71 Pengakuan Oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab
ke atas Pengurusan Kewangan Institut
- 72 Penyata Kedudukan Kewangan
- 73 Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain
- 73 Penyata Perubahan Dalam Dana Terkumpul
- 74 Penyata Aliran Tunai
- 75 Nota-Nota Penyata Kewangan

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 30 JUN 2022

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Institut Akauntan Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2022 Institut Akauntan Malaysia dan Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Dalam Dana Terkumpul serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 72 hingga 106.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Institut Akauntan Malaysia pada 30 Jun 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan berdasarkan keperluan Akta Akauntan 1967 [Akta 94].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Institut Akauntan Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Perkara Utama Audit

Perkara utama audit adalah perkara berdasarkan penilaian profesional saya yang mana ia merupakan perkara signifikan dalam pengauditan Penyata Kewangan Institut Akauntan Malaysia untuk tahun semasa. Perkara ini telah ditekankan dalam konteks pengauditan penyata kewangan secara keseluruhan, saya tidak memberikan pendapat yang berasingan mengenai perkara utama audit dalam menyatakan pendapat saya.

PERKARA UTAMA AUDIT	KAEDAH PERKARA UTAMA AUDIT DITANGANI
Ketepatan Pengiktirafan Pendapatan	
Merujuk kepada: Nota 2.4(j)(i) – Hasil; dan Nota 15 – Hasil daripada yuran keahlian dan pendapatan daripada acara dan persidangan. Sumber pendapatan utama Institut Akauntan Malaysia adalah yuran keahlian dan pendapatan daripada acara dan persidangan. Sumber pendapatan ini berjumlah RM30,098,193 bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022 (2021 : RM28,519,396). Memandangkan kedua-dua pendapatan ini adalah komponen signifikan dalam pendapatan Institut Akauntan Malaysia dan melibatkan jumlah transaksi yang besar, justeru saya menumpukan perhatian ke atas ketepatan pengiktirafannya.	Prosedur Audit, antara lain: a) Memperoleh pemahaman mengenai sistem, proses dan kawalan bagi menentukan ketepatan dan masa pengiktirafan pendapatan ini dalam penyata kewangan dan melaksanakan ujian ke atas kawalan utama; b) Menjangkakan yuran pendaftaran ahli bagi tahun semasa dengan mendapatkan bilangan ahli bagi tahun semasa, didarabkan dengan yuran tahunan keahlian, dan membandingkan jangkaan tersebut dengan jumlah yuran pendaftaran ahli sebenar yang diiktiraf bagi tahun kewangan semasa; c) Mengkaji penyesuaian yang dibuat terhadap jumlah pendapatan untuk acara dan persidangan di antara sistem perakaunan dan Sistem Maklumat Keahlian MIA yang disediakan oleh pengurusan; d) Menyemak bilangan peserta dan yuran acara yang dikenakan kepada laporan kehadiran peserta bagi sampel invoices yang terpilih; e) Melaksanakan ujian “cut-off” terhadap pendapatan tersebut; dan f) Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan untuk pengiktirafan pendapatan.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Majlis, Institut Akauntan Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Institut Akauntan Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Institut Akauntan Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan keperluan Akta Akauntan 1967 [Akta 94]. Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Institut Akauntan Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Institut Akauntan Malaysia, Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Institut Akauntan Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Institut Akauntan Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Institut Akauntan Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta

mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Institut Akauntan Malaysia;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Majlis;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Institut Akauntan Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Institut Akauntan Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Institut Akauntan Malaysia tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Institut Akauntan Malaysia, termasuk pendedahannya dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Majlis telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Saya juga telah memaklumkan Majlis bahawa saya telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan, dan telah memaklumkan semua hubungan dan hal-hal lain yang berkemungkinan menjejaskan kebebasan dan langkah pencegahan yang bersesuaian, sekiranya berkaitan.


Saya menentukan perkara paling signifikan dalam pengauditan Penyata Kewangan Institut Akauntan Malaysia tahun kewangan semasa sebagai perkara utama audit melalui komunikasi

LAPORAN KETUA
AUDIT NEGARA

dengan Majlis. Saya menerangkan perkara ini di dalam Sijil Juruaudit melainkan undang-undang atau peraturan menghalang pendedahan awam atau dalam keadaan yang sangat jarang berlaku, saya menentukan bahawa perkara ini tidak boleh dinyatakan dalam Sijil Juruaudit kerana kesan buruk pendedahan tersebut secara munasabah dijangka akan melebihi faedah kepentingan awam.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Majlis, Institut Akauntan Malaysia berdasarkan keperluan Akta Akauntan 1967 [Akta 94] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(NOR AZIAN BINTI NORDIN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
15 SEPTEMBER 2022




Kami, Datuk Bazlan bin Osman dan Chong Dee Shiang, yang masing-masing merupakan Presiden dan ahli Majlis, INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Majlis, penyata kewangan yang disertakan telah disediakan menurut peruntukan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa untuk memberikan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Institut pada 30 Jun 2022 dan tentang hasil kendalian serta aliran tunainya bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Majlis menerusi resolusi Majlis.



DATUK BAZLAN BIN OSMAN
PRESIDEN



CHONG DEE SHIANG
AHLI MAJLIS

29 Julai 2022
Kuala Lumpur

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN INSTITUT

Saya, Tay Pit Eu, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA, dengan sesungguhnya dan tulus ikhlas mengaku bahawa penyata kewangan yang disertakan adalah betul mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, dan saya membuat pengakuan ini dengan kepercayaan bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akaun Berkanun, 1960.



TAY PIT EU
C.A. (M) 14358

Ditandatangani dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas
Tay Pit Eu di Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan
pada 29 Julai 2022

Di hadapan saya,



No. 2-8, 2nd Floor Wisma Korwa
No 40 & 42, Jalan Tun Perak
(Lebu Ampang)
50050 Kuala Lumpur

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

pada 30 Jun 2022

	Nota	2022 RM	2021 RM
Aset			
Aset bukan semasa			
Hartanah, loji dan peralatan	3	23,713,080	24,981,665
Aset tak ketara	4	1,567,670	1,775,905
Pelaburan pada kos terlunas	5	6,500,000	2,000,000
Pelaburan dalam saham tidak disebut harga	6	7,458	7,458
		31,788,208	28,765,028
Aset semasa			
Inventori	7	59,824	52,405
Belum terima, deposit dan prabayar	8	2,181,334	2,809,218
Yuran tertunggak	9	-	24,050
Cukai semasa boleh pulih		-	120,000
Pelaburan pada kos terlunas	5	5,000,000	5,000,000
Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen	10	18,920,611	18,242,361
Tunai dan baki di bank		7,280,051	4,399,969
		33,441,820	30,648,003
Jumlah aset		65,230,028	59,413,031
Liabiliti bukan semasa			
Liabiliti pajakan	11	39,527	125,473
Liabiliti semasa			
Liabiliti pajakan	11	85,975	159,814
Belum bayar dan akruan	12	9,049,777	7,263,481
Liabiliti kontrak	13	3,831,872	2,013,156
Pendapatan tertunda – geran kerajaan	14	265,269	265,269
Cukai semasa belum bayar		161,000	-
		13,393,893	9,701,720
Jumlah liabiliti		13,433,420	9,827,193
Jumlah aset bersih		51,796,608	49,585,838
Dana terkumpul		51,796,608	49,585,838

PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022

73

INSTITUT
AKAUNTAN
MALAYSIA

Laporan
Bersepadu
2022

	Nota	2022 RM	2021 RM
Hasil daripada kontrak dengan pelanggan	15	35,033,773	32,928,150
Pendapatan lain	16	1,392,395	2,028,210
Jumlah pendapatan		36,426,168	34,956,360
Tolak:			
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	3	(1,651,476)	(1,613,290)
Pelunasan aset tak ketara	4	(390,237)	(239,977)
Perbelanjaan untuk acara dan persidangan (tidak termasuk manfaat kakitangan)	17	(5,234,435)	(4,914,276)
Manfaat kakitangan	18	(20,923,188)	(19,094,007)
Perkhidmatan keahlian		(881,382)	(1,156,418)
Kerugian bersih atas rosot nilai belum terima		(223,336)	(319,295)
Faedah liabiliti pajakan		(8,926)	(15,177)
Perbelanjaan operasi lain	19	(4,741,418)	(4,750,061)
Jumlah perbelanjaan		(34,054,398)	(32,102,501)
Lebihan sebelum cukai		2,371,770	2,853,859
Pencukaian	21	(161,000)	-
Lebihan bagi tahun kewangan, mewakili jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		2,210,770	2,853,859

PENYATA PERUBAHAN DALAM DANA TERKUMPUL

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022

	RM
Pada 1 Julai 2020	46,731,979
Lebihan bagi tahun kewangan, mewakili jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	2,853,859
Pada 30 Jun 2021/1 Julai 2021	49,585,838
Lebihan bagi tahun kewangan, mewakili jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	2,210,770
Pada 30 Jun 2022	51,796,608

PENYATA ALIRAN TUNAI

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022

	Note	2022 RM	2021 RM
Aliran tunai daripada aktiviti operasi			
Penerimaan daripada ahli dan bukan ahli		38,018,557	34,553,088
Pembayaran bagi perbelanjaan		(31,197,216)	(30,259,665)
Tunai dihasilkan daripada operasi		6,821,341	4,293,423
Geran Kerajaan diterima		1,140,750	-
Yuran pengurusan diterima		28,000	18,000
Pembayaran balik cukai		120,000	120,000
Aliran tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti operasi		8,110,091	4,431,423
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan			
(Penyimpanan)/pengeluaran simpanan tetap dengan institusi kewangan berlesen matang melebihi 3 bulan		(6,336,371)	6,165,881
Penyimpanan pelaburan pada kos terluas		(4,500,000)	(7,000,000)
Pembelian hartanah, loji dan peralatan dan perolehan aset tak ketara (Nota A)		(555,139)	(1,603,363)
Faedah diterima		672,091	653,227
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan		(10,719,419)	(1,784,255)
Aliran tunai daripada aktiviti kewangan			
Faedah liabiliti pajakan	11	(8,926)	(15,177)
Bayaran liabiliti pajakan	11	(159,785)	(190,167)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti kewangan		(168,711)	(205,344)
(Pengurangan)/pertambahan bersih dalam tunai dan setara tunai			
Tunai dan setara tunai pada awal tahun kewangan		10,058,090	7,616,266
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun kewangan		7,280,051	10,058,090
Analisis tunai dan setara tunai:			
Tunai di tangan		10,631	7,895
Baki di bank		7,269,420	4,392,074
Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen matang tidak lebih 3 bulan	10	-	5,658,121
		7,280,051	10,058,090
Nota A: Pembelian hartanah, loji dan peralatan dan perolehan aset tak ketara			
Pembelian hartanah, loji dan peralatan dalam tahun kewangan		382,976	625,704
Perolehan aset tak ketara dalam tahun kewangan		182,002	997,576
Tambah: Pembelian belum dibayar pada akhir tahun kewangan sebelumnya		89,217	69,300
		654,195	1,692,580
Tolak: Pembelian belum dibayar pada akhir tahun kewangan		(99,056)	(89,217)
		555,139	1,603,363

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022

75

INSTITUT
AKAUNTAN
MALAYSIA

Laporan
Bersepadu
2022

1. MAKLUMAT UMUM

Institut diperbadankan di bawah Akta Akauntan, 1967 ("Akta") dan bermastautin di Malaysia. Matlamat dan kegiatan utama Institut di bawah Akta adalah:

- untuk menentukan kelayakan seseorang yang akan diterima sebagai ahli;
- untuk menyediakan latihan dan pendidikan oleh Institut atau mana-mana badan lain, bagi orang yang mengamalkan atau berhasrat untuk mengamalkan kerjaya perakaunan;
- untuk meluluskan Peperiksaan Kelayakan Institut Akauntan Malaysia dan untuk mengawal selia dan memantau pengendalian Peperiksaan tersebut;
- untuk mengawal selia amalan kerjaya perakaunan di Malaysia
- untuk menggalakkan, dalam apa cara yang difikirkan sesuai, kepentingan kerjaya perakaunan di Malaysia;
- untuk memberi bantuan kewangan atau pertolongan lain kepada ahli atau tanggungan mereka, yang mana difikirkan sesuai, dengan tujuan untuk melindungi dan menjaga kebajikan ahli; dan
- secara umumnya untuk melaksanakan sebarang usaha yang difikirkan sesuai bagi tujuan mencapai matlamat-matlamat yang dinyatakan di atas.

Tiada perubahan yang ketara dalam bentuk matlamat dan kegiatan utama Institut sepanjang tahun kewangan ini.

Pejabat berdaftar Institut terletak di Dewan Akauntan, Unit 33-01, Level 33, Tower A, The Vertical, Avenue 3, Bangsar South City, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

Penyata Kewangan ini telah diluluskan untuk diterbitkan oleh Majlis menurut resolusi Majlis pada 29 Julai 2022.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

2.1 ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Institut telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS") dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS").

Penyata kewangan Institut telah disediakan berasaskan kos sejarah melainkan jika dinyatakan sebaliknya dalam dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan di bawah.

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang fungsi Institut.

2.2 PERNYATAAN BAHARU DAN DISEMAK SEMULA YANG DITERIMA PAKAI

Institut telah mengguna pakai piawaian dan interpretasi baharu dan disemak semula berikut untuk kali pertama bagi tempoh pelaporan tahunannya yang bermula pada 1 Julai 2021:

Berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021

- Pindaan kepada MFRS 9, MFRS 139, MFRS 7 dan MFRS 16 Pajakan (Pembaharuan Ukur Rujuk Kadar Faedah Fasa 2)

Berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 April 2021

- Pindaan kepada MFRS 16 Pajakan (Konsesi Sewa Berkaitan Covid-19 selepas 30 Jun 2021)

Penggunaan pakai awal pindaan kepada MFRS tidak mempunyai apa-apa kesan ketara ke atas penyata kewangan Institut bagi tempoh semasa dan mana-mana tempoh sebelum dan pindaan tersebut tidak memberi kesan material kepada tempoh masa hadapan.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.3 PERNYATAAN BAHARU DAN DISEMAK SEMULA BELUM BERKUAT KUASA

Piawaian perakaunan, pindaan dan interpretasi yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") yang dijangka berkaitan dan yang belum diterima pakai oleh Institut adalah seperti berikut:

Berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2022

- MFRS 1 Penerimaan Pakai Pertama Kali Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia - Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS 2018–2020
- MFRS 9 - Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS 2018–2020
- Pindaan kepada MFRS 116 Hartanah, Loji dan Peralatan (Hartanah, Loji dan Peralatan – Penerimaan sebelum Kegunaan Sepatutnya)
- Pindaan kepada MFRS 137 Peruntukan, Liabiliti Bersyarat dan Aset Bersyarat (Kontrak Membebaskan – Kos Memenuhi Kontrak)

Berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2023

- Pindaan kepada MFRS 101 Pembentangan Penyata Kewangan (Klasifikasi Liabiliti sebagai Semasa atau Bukan Semasa)
- Pindaan kepada MFRS 101 Pembentangan Penyata Kewangan dan Penyata Amalan MFRS 2 (Pendedahan Dasar Perakaunan)
- Pindaan kepada MFRS 108 Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan (Definisi Anggaran Perakaunan)
- Pindaan kepada MFRS 112 Cukai Tertunda berkaitan dengan Aset dan Liabiliti terhasil daripada Urus Niaga Tunggal

Institut tidak menjangkakan bahawa penggunaan pakai pernyataan baharu dan disemak semula di atas akan memberi apa-apa kesan material ke atas penyata kewangan Institut.

2.4 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan dibentangkan di bawah telah diguna pakai secara konsisten kepada tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini.

(a) Hartanah, loji dan peralatan dan susut nilai

Semua butiran hartanah, loji dan peralatan pada awalnya dinyatakan pada kos. Kos sesuatu butiran hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika, terdapat kemungkinan bahawa Institut akan meraih manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan butiran tersebut dan kos butiran tersebut boleh diukur dengan sah.

Kos merangkumi perbelanjaan yang berkait langsung dengan perolehan aset dan apa-apa kos lain yang berkait langsung untuk membolehkan aset dibawa kepada keadaan bekerja bagi tujuan yang diingini, dan kos pembongkaran serta pemindahan butiran hartanah, loji dan peralatan dan membaik pulih kawasan di mana aset itu diletakkan. Bagi aset yang layak, kos pinjaman dipermodalkan menurut dasar perakaunan ke atas kos pinjaman.

Apabila bahagian penting loji dan peralatan perlu diganti secara berselang, Institut menyusut nilai bahagian tersebut secara berasingan berdasarkan jangka hayat berguna khususnya. Amaun dibawa bersih bahagian yang diganti akan dinyahiktiraf apabila penggantian berlaku. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf dalam untung atau rugi bilamana kos ditanggung.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.4 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(a) Hartanah, loji dan peralatan dan susut nilai (samb.)

Berikutan pengiktirafan, hartanah, loji dan peralatan diukur pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul, sekiranya ada.

Modal kerja dalam pelaksanaan tidak disusut nilai sehingga aset sedia untuk digunakan mengikut tujuannya. Susut nilai hartanah, loji dan peralatan lain dikira berasaskan kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos setiap aset ke atas anggaran hayat bergunanya, seperti berikut:

Peralatan pejabat	10 tahun
Perabot dan kelengkapan	10 tahun
Peralatan komputer	3 tahun
Pengubahsuaian	10 tahun

Hak kegunaan aset kemudiannya disusut nilai menggunakan kaedah garis lurus dari tarikh permulaan kepada yang terawal daripada penghujung hayat berguna untuk hak kegunaan aset atau penghujung tempoh pajakan.

Hayat berguna yang dianggarkan untuk hak kegunaan aset atau penghujung tempoh pajakan bagi tempoh semasa dan perbandingan adalah seperti berikut:

Hartanah pegangan pajak	50 tahun
Hartanah disewa	2 hingga 5 tahun
Peralatan pejabat	5 tahun

Nilai dibawa hartanah, loji dan peralatan disemak semula untuk rosot nilai apabila berlaku peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menunjukkan bahawa nilai dibawa mungkin tidak boleh pulih semula. Tambahan lagi, hak kegunaan aset dikurangkan secara berkala disebabkan oleh rosot nilai, sekiranya ada, dan diselaraskan untuk pengukuran semula liabiliti pajakan.

Nilai sisa, hayat berguna dan kaedah susut nilai disemak semula pada setiap akhir tahun kewangan dan dilaraskan secara prospektif, sekiranya sesuai.

Butiran hartanah, loji dan peralatan dinyahiktiraf pada masa ia dilupuskan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangkakan daripada kegunaan atau pelupusannya. Sebarang keuntungan atau kerugian atas penyahiktirafan aset ini dimasukkan dalam untung atau rugi pada tahun aset tersebut dinyahiktiraf.

(b) Aset tak ketara

(i) Perisian komputer

Perisian komputer pada mulanya dinyatakan pada kos. Berikutan perolehan awal, perisian komputer diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul, sekiranya ada.

Perisian komputer ditaksir sebagai mempunyai hayat berguna yang terhad. Perisian komputer dilunaskan sepanjang anggaran hayat bergunanya selama 3 hingga 7 tahun dan ditaksir untuk rosot nilai bila mana terdapat tanda-tanda yang ia mungkin mengalami rosot nilai. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan disemak semula pada setiap akhir tahun kewangan. Perbelanjaan pelunasan ke atas perisian komputer diiktiraf dalam untung atau rugi.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.4 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(b) Aset tak ketara (samb.)

(i) Perisian komputer (samb.)

Keuntungan atau kerugian terhasil daripada penyahiktirafan perisian komputer dikira sebagai perbezaan antara penerimaan pelupusan bersih dan amaun dibawa aset dan diiktiraf dalam untung atau rugi apabila perisian komputer ini dinyahiktiraf.

(ii) Perbelanjaan pembangunan

Kos yang ditanggung untuk pembangunan diiktiraf sebagai aset tak ketara apabila kriteria berikut dipenuhi:

- (i) terdapat kebolehlaksanaan teknikal untuk menyiapkan aset tak ketara agar ia sedia untuk digunakan atau dijual;
- (ii) pengurusan berhasrat untuk menyiapkan aset tak ketara dan menggunakan atau menjualnya;
- (iii) terdapat keupayaan untuk menggunakan atau menjual aset tak ketara;
- (iv) ia boleh ditunjukkan bahawa aset tak ketara akan menghasilkan kemungkinan manfaat ekonomi pada masa hadapan;
- (v) sumber teknikal, kewangan dan sumber lain yang mencukupi untuk menyiapkan pembangunan dan untuk menggunakan atau menjual aset tak ketara tersebut wujud; dan
- (vi) perbelanjaan berkait dengan aset tak ketara dalam tempoh pembangunannya boleh diukur dengan sahih.

Perbelanjaan pembangunan lain yang tidak memenuhi kriteria ini diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila berlaku. Kos pembangunan yang sebelum ini diiktiraf sebagai perbelanjaan tidak diiktiraf sebagai aset tak ketara dalam tempoh berikutnya.

Perbelanjaan pembangunan mewakili pembangunan Institut untuk Rangka Kerja Kompetensi MIA dan dipermodalkan berdasarkan penerimaan prestasi yang dipentingkan oleh Institut.

Perbelanjaan pembangunan yang mempunyai hayat berguna yang terhad, pada mulanya diiktiraf pada kos dan berikutnya dibawa pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul, sekiranya ada.

Kos pembangunan dipermodalkan yang diiktiraf sebagai aset tak ketara akan dilunaskan daripada titik di mana aset tersebut sedia untuk digunakan, menggunakan kaedah garis lurus ke atas hayat bergunanya. Kos pembangunan bagi Rangka Kerja Kompetensi MIA dilunaskan sepanjang 10 tahun.

Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan disemak semula pada setiap akhir tempoh pelaporan. Kesan daripada sebarang semakan diiktiraf dalam untung atau rugi apabila perubahan berlaku. Apabila terdapat tanda-tanda rosot nilai, amaun dibawa perbelanjaan pembangunan ditaksir dan diturun nilai serta-merta kepada amaun boleh pulihnya.

(iii) Modal kerja dalam pelaksanaan

Modal kerja dalam pelaksanaan tidak disusut nilai sehingga aset sedia untuk digunakan mengikut tujuannya.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.4 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(c) Inventori

Inventori seperti penerbitan dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dan nilai boleh realis bersih. Kos ditentukan mengikut asas masuk-dahulu, keluar-dahulu. Kos pembelian inventori ditentukan selepas menolak rebat dan diskaun. Nilai boleh realis bersih ialah anggaran harga jualan dalam urusan biasa perniagaan, ditolak kos untuk menyiapkan dan anggaran kos- kos yang perlu untuk membuat jualan.

(d) Belum terima

Sila rujuk Nota 2.4(f) tentang instrumen kewangan dan 2.4(g) tentang rosot nilai belum terima.

(e) Tunai dan setara tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai merangkumi tunai di tangan, baki di bank, simpanan tetap di institusi kewangan berlesen dengan kematangan asal tidak lebih daripada 3 bulan dan pelaburan mudah cair jangka pendek lain yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan yang tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

Penyata aliran tunai disediakan menggunakan kaedah langsung.

(f) Instrumen kewangan

(i) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Institut mengiktiraf semua aset kewangan dan liabiliti kewangan dalam penyata kedudukan kewangannya apabila, dan hanya apabila, Institut menjadi pihak kepada peruntukan berkontrak instrumen kewangan tersebut.

Aset kewangan (kecuali ia adalah perdagangan belum terima tanpa komponen kewangan penting) atau liabiliti kewangan pada awalnya diukur pada nilai saksama, lebih atau kurang, untuk item tidak pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos urus niaga yang berkaitan langsung dengan perolehan atau penerbitannya. Perdagangan belum terima tanpa komponen pembiayaan penting pada awalnya diukur pada harga urus niaga.

(ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya

Aset kewangan

Kategori aset kewangan ditentukan pada pengiktirafan awal dan tidak diklasifikasikan semula berikutan pengiktirafan awal tersebut kecuali Institut mengubah model perniagaannya untuk menguruskan aset kewangan. Dalam hal ini semua aset kewangan yang terlibat akan diklasifikasikan semula pada hari pertama tempoh pelaporan pertama selepas perubahan dalam model perniagaan tersebut.

- **Kos terlunas**

Kategori kos terlunas merangkumi aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan yang bertujuan untuk memegang aset untuk mengumpulkan aliran tunai berkontrak dan terma kontraknya menimbulkan aliran tunai pada tarikh tertentu yang semata-mata pembayaran prinsipal dan faedah ke atas amaun prinsipal yang belum dijelaskan. Aset kewangan ini tidak ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Berikutan pengiktirafan awal, aset kewangan ini diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif. Sebarang keuntungan atau kerugian atas penyahiktirafan diiktiraf dalam untung atau rugi.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.4 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(f) Instrumen kewangan (samb.)

(ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya (samb.)

Aset kewangan (samb.)

- **Nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain**

Ini berkaitan dengan pelaburan dalam ekuiti yang tidak dipegang untuk dagangan di mana Institut tidak boleh mengubah apabila memilih untuk mengukur pada nilai saksama dan perubahan susulan dalam nilai saksama pelaburan melalui pendapatan komprehensif lain.

Pemilihan ini dibuat ke atas setiap pelaburan. Dividen diiktiraf sebagai pendapatan dalam untung atau rugi kecuali dividen tersebut jelas mewakili pemulihan sebahagian daripada kos pelaburan. Untung atau rugi bersih yang lain diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain. Pada penyahiktirafan, untung dan rugi terkumpul dalam pendapatan komprehensif lain tidak diklasifikasikan semula kepada untung atau rugi.

Liabiliti kewangan

Kategori liabiliti kewangan adalah seperti berikut:

- **Nilai saksama melalui untung atau rugi**

Institut tidak memegang sebarang liabiliti kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

- **Kos terlunas**

Liabiliti kewangan lain berikutnya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif.

Perbelanjaan faedah dan untung dan rugi pertukaran asing diiktiraf dalam untung atau rugi. Sebarang untung dan rugi atas penyahiktirafan turut diiktiraf dalam untung atau rugi.

(iii) Penyahiktirafan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila risiko dan manfaat berkaitan dengan aset kewangan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan sepenuhnya atau dipindahkan sebahagiannya dan tiada kawalan terhadapnya lagi. Apabila aset kewangan dinyahiktiraf, perbezaan antara amaun dibawa aset kewangan dan jumlah pertimbangan diterima diiktiraf dalam untung atau rugi.

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang diperincikan dalam kontrak luput atau sama ada dilepaskan atau dibatalkan. Liabiliti kewangan juga dinyahiktiraf sekiranya terma-termanya diubahsuai dan aliran tunai liabiliti yang diubahsuai adalah sangat berbeza, yang mana dalam hal ini, liabiliti kewangan baharu berdasarkan terma yang diubahsuai diiktiraf pada nilai saksama. Pada penyahiktirafan liabiliti kewangan, perbezaan antara amaun dibawa liabiliti kewangan yang dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan ganjaran dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai dipindahkan atau liabiliti diambil alih, diiktiraf dalam untung atau rugi.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.4 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(f) Instrumen kewangan (samb.)

(iv) Mengoffset

Aset kewangan dan liabiliti kewangan akan dioffset dan jumlah bersih dibentangkan dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Institut mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan secara undang-undang untuk menolak selesai jumlah tersebut dan ia berhasrat untuk menyelesaikannya secara bersih atau merealisasikan aset dan liabiliti secara serentak.

(g) Rosot nilai belum terima

Amaun terhutang daripada peserta-peserta acara dan persidangan

Institut mengguna pakai pendekatan yang dipermudah untuk mengukur kerugian kredit yang dijangkakan sepanjang hayat atas amaun belum terima menggunakan matriks peruntukan dengan merujuk kepada pengalaman kerugian kredit lampau dan melaraskan kadar kerugian lampau untuk mencerminkan maklumat tentang keadaan semasa, dan ramalan yang munasabah dan disokong mengenai keadaan ekonomi masa hadapan.

Kerugian rosot nilai berkaitan dengan belum terima diiktiraf dalam untung atau rugi dan amaun dibawa aset dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun.

Yuran tertunggak

Yuran tertunggak selama 6 bulan dan ke atas yang belum dijelaskan oleh ahli-ahli yang telah dibatalkan keahliannya daripada Daftar Ahli dan yang mana pada pendapat Majlis, hutang-hutang tersebut tidak lagi boleh dipungut, dihapus kira dalam untung atau rugi. Hutang yang kemudiannya dikutip semula, diambil kira apabila diterima secara tunai.

Ahli-ahli yang sedang dalam siasatan dan terlibat dalam prosiding tatatertib yang dikenakan ke atas mereka dan yang mempunyai yuran tertunggak melebihi 6 bulan, keahlian mereka daripada Daftar Ahli tidak akan dibatalkan. Rosot nilai bagi belum terima dijalankan berdasarkan semakan ke atas semua yuran tertunggak pada tarikh pelaporan. Hutang yang kemudiannya dikutip semula, diambil kira apabila diterima secara tunai.

(h) Liabiliti kontrak

Liabiliti kontrak dinyatakan pada kos dan mewakili obligasi untuk memindahkan barangan atau perkhidmatan kepada pelanggan di mana pertimbangan telah diterima (atau amaun terhutang) daripada pelanggan.

(i) Geran kerajaan

Geran kerajaan pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama dalam penyata kedudukan kewangan sebagai pendapatan tertunda di mana terdapat jaminan munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan semua syarat yang berkaitan akan dipatuhi.

Geran yang memberi pampasan kepada Institut bagi perbelanjaan yang ditanggung diiktiraf sebagai pendapatan sepanjang tempoh itu untuk memadamkan kos yang sepatutnya diberi pampasan.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.4 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(j) Hasil dan pendapatan lain

(i) Hasil

Hasil diukur berdasarkan pertimbangan khusus dalam kontrak dengan pelanggan sebagai pertukaran untuk memindahkan barangan atau perkhidmatan kepada pelanggan, tidak termasuk jumlah yang dikutip bagi pihak pelanggan. Institut mengiktiraf hasil apabila (atau sebagai) ia memindahkan kawalan ke atas barangan atau perkhidmatan kepada pelanggan. Aset dipindahkan apabila (atau sebagai) pelanggan memperoleh kawalan aset tersebut.

Institut memindahkan kawalan ke atas sesuatu barangan atau perkhidmatan pada sesuatu masa kecuali ia menepati satu daripada kriteria dari masa ke masa berikut:

- Pelanggan secara serentak menerima dan menggunakan manfaat yang disediakan oleh Institut;
- Pelaksanaan oleh Institut mewujudkan atau meningkatkan aset yang dikawal pelanggan sewaktu aset diwujudkan dan dipertingkatkan; atau
- Pelaksanaan oleh Institut tidak mewujudkan aset dengan penggunaan alternatif dan Institut mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan kepada pembayaran bagi pelaksanaan yang telah disempurnakan setakat ini.

Yuran keahlian dan yuran sijil amalan merupakan belum terima kepada Institut setiap tahun pada permulaan tahun kewangan. Memandangkan ahli secara serentak menerima dan menggunakan manfaat daripada barangan dan perkhidmatan yang disediakan sepanjang dua belas bulan, hasil sedemikian dilunaskan dari masa ke masa. Yuran yang berkaitan dengan tempoh selepas tahun kewangan semasa diiktiraf sebagai liabiliti kontrak dalam penyata kedudukan kewangan.

Kemasukan keahlian diiktiraf selepas kelulusan oleh Majlis. Yuran keahlian dan yuran kemasukan yang telah diterima dalam tahun kewangan tetapi diluluskan untuk kemasukan bermula pada tahun kewangan akan datang pada tarikh pelaporan dikira sebagai liabiliti kontrak dalam penyata kedudukan kewangan.

Pendapatan daripada acara dan persidangan diiktiraf dalam tempoh perkhidmatan diberikan. Pembayaran pendahuluan diterima daripada acara dan persidangan diiktiraf sebagai liabiliti kontrak dalam penyata kedudukan kewangan.

Yuran pemprosesan pendaftaran sebagai calon untuk Peperiksaan Kelayakan diiktiraf selepas penerimaan tetapi yuran calon hanya diiktiraf selepas kelulusan daripada Jawatankuasa Peperiksaan. Yuran peperiksaan diiktiraf apabila peperiksaan diadakan. Yuran tuisyen diiktiraf sepanjang tempoh tuisyen.

Pendapatan daripada iklan yang dimasukkan dalam penerbitan Institut diiktiraf sepanjang tempoh pengiklanan. Pendapatan daripada penajaan diiktiraf mengikut tempoh masa obligasi pelaksanaannya. Tunai yang diterima daripada iklan dan penajaan yang berlaku sebelum obligasi pelaksanaan dan yang diterima sebelum tempoh tersebut diambil kira sebagai liabiliti kontrak.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.4 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(j) Hasil dan pendapatan lain (samb.)

(ii) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf berdasarkan asas hasil efektif.

(k) Pencukaian

(i) Cukai semasa

Cukai pendapatan ke atas untung atau rugi bagi tahun kewangan merangkumi cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah amaun cukai pendapatan yang dijangka perlu dibayar ke atas untung boleh cukai bagi tahun kewangan dan diukur menggunakan kadar cukai yang telah diwartakan pada tarikh pelaporan.

(ii) Cukai tertunda

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh pelaporan antara asas cukai aset dan liabiliti dengan amaun dibawahnya bagi tujuan pelaporan kewangan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh cukai, kecuali bagi liabiliti cukai tertunda yang terhasil daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukannya gabungan perniagaan dan, pada masa urus niaga tersebut, tidak memberi kesan kepada keuntungan perakaunan mahupun keuntungan atau kerugian boleh cukai.

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak cukai, kredit cukai belum guna dibawa ke hadapan dan kerugian cukai belum guna dibawa ke hadapan, setakat mana untung boleh cukai boleh digunakan ke atas perbezaan sementara boleh ditolak cukai, dan kredit cukai belum guna dibawa ke hadapan dan kerugian cukai belum guna dibawa ke hadapan, kecuali bagi aset cukai tertunda yang timbul daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukannya gabungan perniagaan dan, pada masa urus niaga itu, tidak memberi kesan kepada keuntungan perakaunan mahupun keuntungan atau kerugian boleh cukai.

Amaun dibawa aset cukai tertunda disemak semula pada setiap tarikh pelaporan dan dikurangkan setakat yang mana tidak lagi berkemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai yang mencukupi akan tersedia untuk membolehkan semua atau sebahagian daripada aset cukai tertunda itu direalisasikan.

Aset cukai tertunda tidak diiktiraf akan ditaksir semula pada setiap tarikh pelaporan dan diiktiraf hingga ke tahap yang mana berkemungkinan keuntungan boleh cukai masa depan akan membolehkan aset cukai tertunda itu direalisasikan.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.4 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(k) Pencukaian (samb.)

(ii) Cukai tertunda (samb.)

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan dikenakan dalam tempoh apabila aset direalisasi atau liabiliti dilangsaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah diwartakan atau diwartakan secara substantif pada tarikh pelaporan. Cukai tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dan dimasukkan dalam untung atau rugi bagi tempoh tersebut, kecuali jika ia terhasil daripada urus niaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, di mana dalam hal ini cukai tertunda juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti.

Aset dan liabiliti cukai tertunda dioffset sekiranya hak yang boleh dikuatkuasakan secara undang-undang wujud untuk menolak selesai aset cukai semasa ke atas liabiliti cukai semasa dan cukai tertunda berkait dengan entiti boleh cukai dan pihak berkuasa cukai yang sama.

(l) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat kakitangan jangka pendek

Upah, gaji, bonus, caruman keselamatan sosial dan lain-lain manfaat diiktiraf sebagai belanja dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Institut. Ketidakhadiran terpampas terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka bagi ketidakhadiran terpampas masa hadapan. Ketidakhadiran terpampas jangka pendek tidak terkumpul seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(ii) Pelan caruman ditentukan

Pelan caruman ditentukan ialah pelan manfaat selepas penggajian di mana Institut membayar caruman tetap kepada entiti atau dana berasingan dan tidak akan mempunyai obligasi dari segi undang-undang atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya jika mana-aman dana itu tidak memegang aset yang mencukupi, untuk membayar semua manfaat kakitangan berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan dalam tahun kewangan semasa dan sebelumnya. Caruman itu diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi dalam tempoh bilamana perkhidmatan berkaitan dilaksanakan. Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang di Malaysia, caruman tersebut dibayar kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP").

(m) Transaksi mata wang asing dan baki

Transaksi dalam mata wang asing ditukarkan kepada Ringgit Malaysia, yang juga merupakan mata wang fungsi pada kadar pertukaran pada tarikh transaksi atau, di mana pembayaran belum dibuat pada akhir tahun kewangan, pada anggaran kadar pertukaran pada tarikh tersebut. Semua keuntungan dan kerugian pertukaran mata wang asing diambil kira dalam untung atau rugi.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.4 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(n) Pajakan

(i) Definisi pajakan

Pada permulaan kontrak, Institut membuat pentaksiran sama ada kontrak adalah pajakan, atau mengandungi pajakan. Suatu kontrak adalah, atau mengandungi, suatu pajakan jika kontrak tersebut menyatakan hak untuk mengawal penggunaan aset yang dikenal pasti untuk suatu tempoh masa sebagai pertukaran untuk pembayaran.

Untuk menilai sama ada suatu kontrak menyatakan hak untuk mengawal penggunaan aset yang telah dikenal pasti, Institut menilai sama ada:

- (a) kontrak melibatkan penggunaan aset yang telah dikenal pasti – ini boleh dinyatakan dengan khusus sama ada secara jelas atau tidak, dan hendaklah berbeza secara fizikal atau mewakili sebahagian besar keupayaan aset yang berbeza secara fizikal. Jika pembekal mempunyai hak penggantian yang substantif, maka aset tersebut tidak akan dikenal pasti;
- (b) Institut mempunyai hak untuk memperoleh sebahagian besar manfaat ekonomi melalui penggunaan aset tersebut sepanjang tempoh penggunaan; dan
- (c) Institut berhak menentukan penggunaan aset tersebut. Institut mempunyai hak ini apabila ia mempunyai hak untuk membuat keputusan yang paling wajar untuk mengubah kaedah dan tujuan aset tersebut digunakan. Dalam kes yang jarang berlaku di mana semua keputusan tentang kaedah dan tujuan aset tersebut digunakan telah pun ditentukan lebih awal, Institut mempunyai hak untuk mengawal kegunaan aset sekiranya:
 - Institut mempunyai hak untuk mengendalikan aset; atau
 - Institut telah merekacipta aset dengan cara yang menentukan lebih awal kaedah dan tujuan ia akan digunakan.

Pada permulaan atau ketika pentaksiran semula kontrak yang mengandungi komponen pajakan, Institut memperuntukkan pembayaran dalam kontrak kepada setiap komponen pajakan berdasarkan harga berasingan masing-masing.

(ii) Pengiktirafan, pengukuran awal dan pengukuran berikutnya

Sebagai penerima pajak

Institut mengiktiraf hak kegunaan aset dan liabiliti pajakan pada tarikh permulaan pajakan. Hak kegunaan aset pada mulanya diukur pada kos, yang terdiri daripada amaun awal liabiliti pajakan diselaraskan untuk sebarang bayaran pajakan yang dibuat pada atau sebelum tarikh permulaan, termasuk sebarang kos langsung awal dan anggaran kos untuk pembongkaran dan mengalihkan aset sandaran atau untuk memulihkan semula aset sandaran atau tapak di mana ia terletak, tolak sebarang insentif pajakan yang diterima.

Hak kegunaan aset dibentangkan dalam hartanah, loji dan peralatan dalam penyata kedudukan kewangan.

Liabiliti pajakan mulanya diukur pada nilai semasa bayaran pajakan yang masih belum dibayar pada tarikh permulaan, terdiskaun menggunakan kadar faedah tersirat dalam pajakan atau, jika kadar tersebut tidak dapat ditentukan dengan mudah, kadar pinjaman tambahan Institut. Secara amnya, Institut menggunakan kadar kenaikan pinjaman sebagai kadar diskaun.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.4 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(n) Pajakan (samb.)

(ii) Pengiktirafan, pengukuran awal dan pengukuran berikutnya (samb.)

Sebagai penerima pajak (samb.)

Bayaran pajakan termasuk dalam pengukuran liabiliti pajakan terdiri daripada:

- (a) bayaran tetap, termasuk bayaran tetap dasar;
- (b) bayaran pajakan boleh ubah yang bergantung pada indeks atau kadar, yang mana pada mulanya diukur menggunakan indeks atau kadar pada tarikh permulaan;
- (c) amaun dijangka perlu dibayar menurut nilai sisa terjamin; dan
- (d) harga pelaksanaan menurut pilihan pembelian yang Institut amat pasti laksanakan, bayaran pajakan dalam tempoh pembaharuan pilihan menurut pilihan pelanjutan yang Institut amat pasti laksanakan, dan penalti untuk penamatan awal kecuali Institut amat pasti tidak akan menamatkannya lebih awal.

Liabiliti pajakan diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif. Ia diukur semula apabila terdapat perubahan dalam bayaran pajakan masa depan terhasil daripada perubahan dalam indeks atau kadar, jika terdapat perubahan dalam anggaran Institut untuk amaun dijangka perlu dibayar menurut nilai sisa terjamin atau jika Institut mengubah pentaksirannya sama ada ia akan membuat pilihan pembelian, lanjutan atau penamatan.

Apabila liabiliti pajakan diukur semula menurut cara ini, pelarasan yang sepadan dibuat kepada amaun dibawa hak kegunaan aset, atau dicatatkan dalam untung atau rugi jika amaun dibawa hak kegunaan aset telah dikurangkan kepada sifar.

Pajakan jangka pendek dan pajakan aset bernilai rendah

Institut telah memilih untuk tidak mengiktiraf hak kegunaan aset dan liabiliti pajakan bagi pajakan jangka pendek yang mempunyai tempoh pajakan selama 12 bulan atau kurang dan pajakan aset bernilai rendah di bawah RM20,000. Institut mengiktiraf bayaran pajakan berkaitan dengan pajakan ini sebagai belanja berasaskan garis lurus ke atas tempoh pajakan.

(o) Kos peminjaman

Kos peminjaman terdiri daripada faedah berkaitan dengan liabiliti pajakan yang diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh ia ditanggung.

(p) Segmen operasi

Segmen operasi ialah komponen Institut yang terlibat dalam aktiviti perniagaan yang boleh membuahkan hasil dan menanggung perbelanjaan, termasuklah hasil dan perbelanjaan yang berkait dengan urus niaga dengan mana-mana komponen lain Institut. Keputusan operasi bagi segmen operasi disemak secara berkala oleh ketua pembuat keputusan operasi yang dalam kes ini ialah Ketua Pegawai Eksekutif Institut, untuk membuat keputusan tentang sumber yang akan diperuntukkan kepada segmen dan menilai prestasinya, dan yang mana maklumat kewangan yang berasingan boleh diperoleh.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.5 ANGGARAN DAN ANDAIAN PENTING PERAKAUNAN

(a) Sumber utama ketidaktentuan anggaran

Pihak pengurusan membuat andaian penting berhubung masa depan dan sumber utama lain tentang ketidaktentuan anggaran pada tarikh pelaporan yang mempunyai risiko ketara untuk menyebabkan pelarasan material kepada amaun dibawa aset dan liabiliti pada tahun kewangan akan datang.

Ringkasan sumber utama ketidaktentuan anggaran adalah seperti berikut:

(i) Hayat berguna hartanah, loji dan peralatan serta aset tak ketara

Hartanah, loji dan peralatan disusut nilai pada asas garis lurus sepanjang anggaran hayat bergunanya. Majlis menganggarkan bahawa hayat berguna hartanah, loji dan peralatan adalah dalam lingkungan 3 tahun hingga 50 tahun. Perubahan dalam jangkaan tahap penggunaan dan perkembangan teknologi boleh memberi kesan kepada hayat berguna dari segi ekonomi dan nilai sisa hartanah, loji dan peralatan. Oleh itu, caj susut nilai masa hadapan boleh disemak semula.

Amaun dibawa hartanah, loji dan peralatan Institut pada tarikh pelaporan dinyatakan dalam Nota 3.

Bagi aset tak ketara, perubahan dalam jangkaan hayat berguna atau jangkaan corak penggunaan manfaat ekonomi aset pada masa hadapan diambil kira dengan mengubah tempoh dan kaedah pelunasan, sebagaimana sesuai dan dikira sebagai perubahan dalam anggaran perakaunan. Amaun dibawa aset tak ketara pada tarikh pelaporan dinyatakan dalam Nota 4.

(ii) Cukai pendapatan dan cukai tertunda

Anggaran diperlukan untuk menentukan peruntukan bagi cukai pendapatan. Terdapat urusan niaga dan pengiraan yang mana penetapan cukai muktamad adalah tidak pasti dalam keadaan biasa perniagaan. Institut mengiktiraf liabiliti cukai berdasarkan anggaran pentaksiran liabiliti cukai yang kena dibayar. Di mana keputusan cukai muktamad itu berbeza daripada jumlah yang pada awalnya dicatatkan, perbezaan tersebut akan memberi kesan ke atas peruntukan cukai pendapatan dan cukai tertunda, di mana bersesuaian, dalam tempoh yang mana penentuan itu dibuat.

Walaupun anggaran Institut tentang realisasi dan penyelesaian perbezaan sementara dan realisasi kerugian cukai yang tidak digunakan adalah berdasarkan maklumat yang sedia ada pada tarikh pelaporan, prestasi operasi masa depan dan faktor lain boleh memberi kesan ke atas masa sebenar dan amaun perbezaan sementara direalisasi dan diselesaikan. Sebarang perbezaan antara amaun sebenar dan amaun anggaran diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh di mana realisasi dan penyelesaian sebenar berlaku.

NOTA-NOTA
PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Hak kegunaan aset RM	Peralatan komputer RM	Pengubah- suaian RM	Perabot dan kelengkapan RM	Peralatan pejabat RM	Jumlah RM
Kos						
Pada 1 Julai 2021	23,638,498	1,931,341	3,208,687	1,889,180	2,910,110	33,577,816
Tambahan	-	382,976	-	-	-	382,976
Hapus kira	-	(927,495)	-	-	(300)	(927,795)
Pada 30 Jun 2022	23,638,498	1,386,822	3,208,687	1,889,180	2,909,810	33,032,997
Susut nilai terkumpul						
Pada 1 Julai 2021	3,424,757	1,318,000	1,539,537	898,947	1,414,910	8,596,151
Caj untuk tahun kewangan	613,338	263,430	307,150	184,371	283,187	1,651,476
Hapus kira	-	(927,411)	-	-	(299)	(927,710)
Pada 30 Jun 2022	4,038,095	654,019	1,846,687	1,083,318	1,697,798	9,319,917
Amaun dibawa bersih pada 30 Jun 2022	19,600,403	732,803	1,362,000	805,862	1,212,012	23,713,080
Kos						
Pada 1 Julai 2020	23,544,324	1,528,629	3,173,687	1,886,350	2,888,303	33,021,293
Tambahan	94,174	551,067	35,000	2,830	36,807	719,878
Hapus kira	-	(148,355)	-	-	(15,000)	(163,355)
Pada 30 Jun 2021	23,638,498	1,931,341	3,208,687	1,889,180	2,910,110	33,577,816
Susut nilai terkumpul						
Pada 1 Julai 2020	2,777,219	1,318,095	1,234,429	714,371	1,142,191	7,186,305
Pelarasan	-	(45,342)	-	-	-	(45,342)
Caj untuk tahun kewangan	647,538	193,551	305,108	184,576	282,517	1,613,290
Hapus kira	-	(148,304)	-	-	(9,798)	(158,102)
Pada 30 Jun 2021	3,424,757	1,318,000	1,539,537	898,947	1,414,910	8,596,151
Amaun dibawa bersih pada 30 Jun 2021	20,213,741	613,341	1,669,150	990,233	1,495,200	24,981,665

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022

89

INSTITUT
AKAUNTAN
MALAYSIA

Laporan
Bersepadu
2022

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

Hak kegunaan aset

	Hartanah pegangan pajak RM	Hartanah disewa RM	Peralatan pejabat RM	Jumlah RM
Kos				
Pada 1 Julai 2021 / 30 Jun 2022	22,797,454	625,949	215,095	23,638,498
Susut nilai terkumpul				
Pada 1 Julai 2021	2,860,033	386,082	178,642	3,424,757
Caj untuk tahun kewangan	455,948	132,043	25,347	613,338
Pada 30 Jun 2022	3,315,981	518,125	203,989	4,038,095
Amaun dibawa bersih pada 30 Jun 2022	19,481,473	107,824	11,106	19,600,403

Kos

Pada 1 Julai 2020	22,797,454	531,775	215,095	23,544,324
Tambahan	-	94,174	-	94,174
Pada 30 Jun 2021	22,797,454	625,949	215,095	23,638,498

Susut nilai terkumpul

Pada 1 Julai 2020	2,404,085	254,040	119,094	2,777,219
Caj untuk tahun kewangan	455,948	132,042	59,548	647,538
Pada 30 Jun 2021	2,860,033	386,082	178,642	3,424,757

Amaun dibawa bersih pada 30 Jun 2021

	19,937,421	239,867	36,453	20,213,741
--	------------	---------	--------	------------

Pada akhir tahun kewangan, Institut belum menerima hak milik strata bagi hartanah pegangan pajak. Pejabat pegangan pajak di Kuala Lumpur disusut nilai selama 50 tahun berdasarkan anggaran hayat berguna ekonomi pejabat tersebut walaupun tempoh pajakan adalah 90 tahun pada tarikh pengosongan pemilikan.

Termasuk dalam hartanah, loji dan peralatan ialah aset yang telah disusut nilai sepenuhnya dan masih digunakan dengan kos berjumlah RM612,897 (2021: RM1,300,031).

NOTA-NOTA
PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022

4. ASET TAK KETARA

	2022 RM	2021 RM
Perisian komputer		
Kos		
Pada awal tahun kewangan	2,358,848	1,361,272
Tambahan dalam tahun kewangan	-	997,576
Pada akhir tahun kewangan	2,358,848	2,358,848
Pelunasan terkumpul		
Pada awal tahun kewangan	979,351	783,419
Pelunasan dalam tahun kewangan	346,192	195,932
Pada akhir tahun kewangan	1,325,543	979,351
Amaun dibawa bersih pada akhir tahun kewangan	1,033,305	1,379,497
Perbelanjaan pembangunan		
Kos		
Pada awal/akhir tahun kewangan	440,453	440,453
Pelunasan terkumpul		
Pada awal tahun kewangan	44,045	-
Pelunasan untuk tahun kewangan	44,045	44,045
Pada akhir tahun kewangan	88,090	44,045
Amaun dibawa bersih pada akhir tahun kewangan	352,363	396,408
Modal kerja dalam pelaksanaan		
Kos		
Pada awal tahun kewangan	-	-
Tambahan dalam tahun kewangan	182,002	-
Pada akhir tahun kewangan	182,002	-
Amaun dibawa bersih pada akhir tahun kewangan	182,002	-
Jumlah	1,567,670	1,775,905

Perisian komputer mewakili kos perisian yang diperoleh, termasuk semua kos langsung yang berkaitan dalam menyediakan aset untuk kegunaannya. Kos-kos ini dilunaskan pada asas garis lurus ke atas anggaran hayat berguna selama 3 hingga 7 tahun.

Perbelanjaan pembangunan mewakili pembangunan Institut untuk Rangka Kerja Kompetensi MIA. Kos pembangunan dipermodal dilunaskan pada asas garis lurus sepanjang 10 tahun berdasarkan anggaran hayat berguna aset. Pelunasan bermula dalam tahun kewangan sebelum ini apabila Rangka Kerja Kompetensi MIA diterbitkan.

Modal kerja dalam pelaksanaan adalah berkaitan projek pembangunan laman web dan analitik data.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022

91

INSTITUT
AKAUNTAN
MALAYSIA

Laporan
Bersepadu
2022

5. PELABURAN PADA KOS TERLUNAS

	2022 RM	2021 RM
Penyimpanan dana dalam akaun amanah institusi		
Semasa	5,000,000	5,000,000
Bukan semasa	6,500,000	2,000,000
	11,500,000	7,000,000

Institut menyimpan dana dalam akaun amanah institusi dengan syarikat pemegang amanah Malaysia yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia. Pemegang amanah bertindak sebagai agen fidusiari bagi pihak Institut untuk tujuan pentadbiran dan pengurusan aset khususnya tunai yang akan dilaburkan bagi manfaat pihak yang dipegang amanah sebagaimana ditetapkan dalam Surat Ikatan Amanah. Penyimpanan tersebut adalah dengan modal terjamin. Penyimpanan telah dibuat bagi tempoh antara 12 dan 36 bulan (2021: 12 dan 36 bulan) dan kadar faedah bersih selepas yuran pengurusan adalah dalam lingkungan 2.60% hingga 2.75% (2021: 2.60% hingga 2.75%) setahun. Yuran pengeluaran pramatang ke atas amaun prinsipal akan dikenakan jika terdapat pengeluaran pramatang.

6. PELABURAN DALAM SAHAM TIDAK DISEBUT HARGA

	2022 RM	2021 RM
Pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain		
Pelaburan, tidak disebut harga	7,458	7,458

Institut memperoleh 9.09% daripada kepentingan ekuiti biasa dalam Ultimate Professional Centre (Sarawak) Sdn. Bhd. ("UPC") dalam tahun kewangan berakhir 30 Jun 1996.

7. INVENTORI

	2022 RM	2021 RM
Pada kos		
Penerbitan	59,824	52,405

Dalam tahun kewangan, inventori diiktiraf sebagai perbelanjaan adalah RM38,744 (2021: RM32,041).

NOTA-NOTA
PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022

8. BELUM TERIMA, DEPOSIT DAN PRABAYAR

	2022 RM	2021 RM
Jumlah belum diterima daripada peserta acara dan persidangan	646,566	576,970
Belum terima lain	796,682	1,589,099
	1,443,248	2,166,069
Tolak: Peruntukan bagi kerugian kredit yang dijangkakan	(113,603)	(133,522)
	1,329,645	2,032,547
Prabayar	725,004	649,699
Deposit	126,685	126,972
	851,689	776,671
	2,181,334	2,809,218

Tempoh kredit yang diberikan oleh Institut adalah 30 hari (2021: 30 hari).

Pergerakan peruntukan untuk kerugian kredit yang dijangkakan dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2022 RM	2021 RM
Pada awal tahun kewangan	133,522	145,627
Kerugian kredit yang dijangkakan diiktiraf dalam tahun kewangan	51,151	25,420
Pembalikan kerugian rosot nilai	(51,065)	(37,525)
Hapus kira	(20,005)	-
Pada akhir tahun kewangan	113,603	133,522

9. YURAN TERTUNGGAK

	2022 RM	2021 RM
Yuran tertunggak	2,100	25,450
Tolak: Peruntukan bagi kerugian rosot nilai	(2,100)	(1,400)
	-	24,050

Menurut Kaedah-kaedah Institut Akauntan Malaysia (Keanggotaan dan Majlis) 2001, Bahagian II, perenggan 7(1), Majlis boleh mengarahkan Pendaftar untuk mengeluarkan nama mana-mana ahli yang mempunyai sebarang yuran tertunggak selama 6 bulan atau lebih daripada Daftar Keahlian. Ahli-ahli yang sedang dalam siasatan dan terlibat dalam prosiding tatatertib yang dikenakan ke atas mereka dan yang mempunyai yuran tertunggak lebih daripada 6 bulan tidak akan dikeluarkan daripada Daftar Keahlian. Anggaran dibuat bagi peruntukan kerugian rosot nilai berdasarkan semakan semua yuran tertunggak pada tarikh pelaporan.

Belum terima ini telah ditentukan secara individu sebagai rosot nilai apabila hutang tertunggak dan menjadi lapuk.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022

93

INSTITUT
AKAUNTAN
MALAYSIA

Laporan
Bersepadu
2022

9. YURAN TERTUNGGAK (SAMB.)

Pergerakan peruntukan bagi kerugian rosot nilai dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2022 RM	2021 RM
Pada awal tahun kewangan	1,400	4,550
Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam tahun kewangan	224,650	332,450
Pembalikan kerugian rosot nilai	(1,400)	(1,050)
Dihapus kira	(222,550)	(334,550)
Pada akhir tahun kewangan	2,100	1,400

10. SIMPANAN TETAP DI INSTITUSI KEWANGAN BERLESEN

Profil kematangan simpanan tetap dibentangkan seperti berikut:

	2022 RM	2021 RM
Tidak melebihi 3 bulan	-	5,658,121
Melebihi 3 bulan	18,920,611	12,584,240
	18,920,611	18,242,361

Kadar faedah bagi simpanan tetap di institusi kewangan berlesen adalah dari 1.62% hingga 2.60% (2021: 1.62% hingga 2.20%) setahun.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022

11. LIABILITI PAJAKAN

	2022 RM	2021 RM
Liabiliti pajakan termasuk dalam penyata kedudukan kewangan		
Pada awal tahun kewangan	285,287	381,280
Tambahan dalam tahun kewangan	-	94,174
	285,287	475,454
Tolak:		
Bayaran pajakan liabiliti	(159,785)	(190,167)
Pada akhir tahun kewangan	125,502	285,287
 Semasa	85,975	159,814
Bukan semasa	39,527	125,473
	125,502	285,287
 Analisis kematangan – aliran tunai berkontrak tidak terdiskaun		
Kurang daripada satu tahun	88,985	168,702
Antara satu dan lima tahun	40,800	129,785
Jumlah pajakan liabiliti tidak terdiskaun pada 30 Jun	129,785	298,487
 Amaun diiktiraf dalam untung atau rugi		
Perbelanjaan berkait dengan pajakan aset nilai rendah, tidak termasuk pajakan jangka pendek untuk aset nilai rendah	-	1,908
 Amaun didedahkan dalam penyata aliran tunai		
Faedah atas liabiliti pajakan	8,926	15,177
Pembayaran liabiliti pajakan	159,785	190,167

12. BELUM BAYAR DAN AKRUAN

	2022 RM	2021 RM
Belum bayar	2,390,491	1,848,793
Akruan – perbelanjaan acara dan persidangan	627,826	986,513
Akruan – kos manfaat kakitangan	5,050,136	3,455,159
Akruan – perbelanjaan pendidikan	192,718	203,625
Akruan – lain-lain	700,306	671,091
Deposit	88,300	98,300
	9,049,777	7,263,481

Tempoh kredit kepada Institut bagi belum bayar adalah dari 14 hingga 30 hari (2021: 14 hingga 30 hari).

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022

95

INSTITUT
AKAUNTAN
MALAYSIA

Laporan
Bersepadu
2022

13. LIABILITI KONTRAK

	2022 RM	2021 RM
Yuran pendahuluan	1,630,110	446,400
Yuran permohonan keahlian	691,650	690,450
Yuran permohonan sijil amalan	57,600	50,400
Permohonan kemasukan semula	130,300	20,100
Acara dan persidangan	366,102	355,596
Peperiksaan kelayakan (QE) dan bengkel kerja QE	433,110	352,960
Aktiviti akreditasi	463,000	50,000
Lain-lain	60,000	47,250
	3,831,872	2,013,156

Liabiliti kontrak kebanyakannya berkait dengan pertimbangan yang diterima terlebih dahulu daripada ahli atau pelanggan yang mana hasil diiktiraf apabila obligasi pelaksanaan telah dipenuhi.

Kecuali bagi yuran pendahuluan, semua liabiliti kontrak lain pada awal tahun kewangan berjumlah RM1,566,756 (2021: RM841,143) telah direalisasikan sebagai hasil dalam tahun kewangan yang sama. Jumlah yuran pendahuluan pada awal tahun kewangan sebanyak RM446,400 (2021: RM601,270) yang diiktiraf sebagai hasil dalam tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022 berjumlah RM411,700 (2021: RM552,700).

14. PENDAPATAN TERTUNDA – GERAN KERAJAAN

	2022 RM	2021 RM
Pada awal tahun kewangan	265,269	458,464
Tambahan dalam tahun kewangan	143,600	710,050
Pendapatan tertunda direalisasi ke untung atau rugi (Nota 16)	(143,600)	(903,245)
Pada akhir tahun kewangan	265,269	265,269

Pada tahun kewangan berakhir 30 Jun 2015, Dana Pembangunan Pasaran Modal ("CMDP") telah meluluskan geran kepada Institut untuk pelaksanaan dan pentadbiran projek Jawatankuasa Pelaksanaan Piawaian Pelaporan Kewangan ("FRSIC") dan Jawatankuasa Penasihat Pasaran Modal ("CMAC"). Geran tersebut diterima setiap tahun dalam tempoh 4 tahun bermula Mei 2015 sehingga 31 Disember 2018 yang berjumlah RM4.52 juta untuk menjalankan inisiatif-inisiatif dalam pembangunan keupayaan akauntan profesional menerusi peruntukan kursus-kursus pengetahuan dan peningkatan kemahiran serta untuk mencapai penggunaan yang sejajar berkenaan undang-undang sekuriti dan peraturan-peraturan bursa saham dan piawaian perakaunan menerusi pengeluaran nota-nota panduan, penjelasan dan konsensus. Memandangkan perjanjian geran telah tamat pada bulan Mei 2019, perjanjian tambahan telah ditandatangani pada 16 Julai 2019 yang mana CMDP telah melanjutkan lagi tempoh geran sehingga 31 Disember 2020 dengan jumlah geran yang disemak semula kepada RM3.95 juta. Perjanjian tambahan kedua telah ditandatangani pada 24 November 2020 untuk melanjutkan tempoh geran kepada 30 Jun 2021 dan perjanjian tambahan ketiga telah ditandatangani pada 16 November 2021 untuk melanjutkan tempoh geran kepada 31 Disember 2021. Jumlah geran diterima setakat 30 Jun 2022 berjumlah RM3.87 juta (2021: RM2.73 juta). Institut adalah dalam proses permohonan geran baharu CMDP.

NOTA-NOTA
PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022

15. HASIL DARIPADA KONTRAK DENGAN PELANGGAN

	2022 RM	2021 RM
(i) Pengagihan hasil daripada kontrak dengan pelanggan:		
Yuran keahlian	13,378,667	13,228,309
Yuran kemasukan keahlian	801,000	691,750
Yuran sijil amalan	2,718,000	2,625,600
Pendapatan daripada acara dan persidangan (Nota 17)	16,719,526	15,291,087
Pendapatan pendidikan	1,059,650	749,513
Pendapatan daripada aktiviti bersama dengan badan profesional lain	99,808	71,456
Jualan bahan/penerbitan teknikal	63,706	55,027
Yuran program teknikal	18,800	70,622
Pelbagai pendapatan	174,616	144,786
	35,033,773	32,928,150
(ii) Penetapan pengiktirafan hasil:		
- ada sesuatu masa	17,709,605	16,053,464
- dari masa ke masa	17,324,168	16,874,686
	35,033,773	32,928,150

16. PENDAPATAN LAIN

	2022 RM	2021 RM
Penalti penguatkuasaan	287,000	183,500
Bayaran balik kos penguatkuasaan	245,320	340,253
Geran kerajaan diiktiraf (Nota 14)	143,600	903,245
Faedah atas simpanan tetap dan akaun semasa	402,120	522,511
Faedah daripada pelaburan pada kos terlunas	305,526	66,542
Lain-lain	8,829	12,159
	1,392,395	2,028,210

17. PENDAPATAN DARIPADA/(PERBELANJAAN BAGI) ACARA DAN PERSIDANGAN

	2022 RM	2021 RM
Pendapatan (Nota 15)	16,719,526	15,291,087
Perbelanjaan langsung (tidak termasuk manfaat kakitangan)	(5,234,435)	(4,914,276)
	11,485,091	10,376,811

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022

97

INSTITUT
AKAUNTAN
MALAYSIA

Laporan
Bersepadu
2022

18. MANFAAT KAKITANGAN

	2022 RM	2021 RM
Gaji, kerja lebih masa dan bonus	17,184,416	15,765,376
Caruman kepada KWSP	2,612,294	2,364,786
Caruman keselamatan sosial	104,087	116,440
Latihan kakitangan	279,722	277,332
Kebajikan kakitangan	115,755	75,094
Manfaat kakitangan yang lain	626,914	494,979
	20,923,188	19,094,007

Termasuk dalam manfaat kakitangan ialah imbuhan kakitangan pengurusan utama ditunjukkan dalam Nota 22(c).

19. PERBELANJAAN OPERASI LAIN

	2022 RM	2021 RM
Aset yang dihapus kira	85	5,253
Imbuhan juruaudit	35,266	27,295
Caj bank	258,977	260,007
Perbelanjaan pendidikan	329,480	423,547
Perbelanjaan penguatkuasaan	569,081	499,182
Perbelanjaan insurans	89,730	36,219
Yuran keahlian IFAC dan AFA*	487,016	474,783
Perbelanjaan pelesenan IT	117,654	153,034
Langganan IT	436,610	402,208
Perbelanjaan sokongan dan penyelenggaraan IT	626,265	578,522
Yuran perundangan undang-undang dan litigasi	212,377	381,320
Perbelanjaan perjalanan dalam negeri	51,301	60,718
Yuran perundangan lain	201,422	156,912
Kos percetakan, pos dan alat tulis	131,072	161,905
Kos promosi dan pengiklanan	209,271	271,757
Perbelanjaan program teknikal	122,490	115,331
Perbelanjaan penyelenggaraan pejabat	442,966	423,327
Perbelanjaan penyelenggaraan peralatan pejabat	29,476	31,249
Kos utiliti	207,405	206,542
Perbelanjaan lain	183,474	80,950
	4,741,418	4,750,061

* IFAC merujuk kepada Persekutuan Akauntan Antarabangsa dan AFA merujuk kepada Persekutuan Akauntan ASEAN.

NOTA-NOTA
PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022

20. PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN MENGIKUT SEGMENT OPERASI

2022	Keahlian & Pendidikan RM	Pembangunan Profesional RM	Teknikal & Amalan Profesional RM	Pengawasan & Penguat- kuasaan RM	Jumlah RM
Hasil	16,897,667	16,719,526	-	-	33,617,193
Pendapatan lain	1,212,619	71,400	170,504	622,806	2,077,329
Jumlah pendapatan	18,110,286	16,790,926	170,504	622,806	35,694,522
Tolak:					
Perbelanjaan langsung	(329,480)	(5,234,435)	(122,490)	(569,081)	(6,255,486)
Manfaat kakitangan	(1,969,076)	(2,743,386)	(1,562,085)	(3,080,526)	(9,355,073)
Overhed	(1,326,347)	(1,067,090)	(298,747)	(91,123)	(2,783,307)
	(3,624,903)	(9,044,911)	(1,983,322)	(3,740,730)	(18,393,866)
Lebihan/(defisit) sebelum peruntukan perbelanjaan*	14,485,383	7,746,015	(1,812,818)	(3,117,924)	17,300,656
Tolak:					
Manfaat kakitangan – diperuntukkan	(3,467,930)	(4,474,941)	(1,611,220)	(2,014,024)	(11,568,115)
Overhed - diperuntukkan	(1,303,145)	(1,586,412)	(556,462)	(646,398)	(4,092,417)
	(4,771,075)	(6,061,353)	(2,167,682)	(2,660,422)	(15,660,532)
Lebihan/(kurangan) pada peringkat segmen	9,714,308	1,684,662	(3,980,500)	(5,778,346)	1,640,124
Pendapatan faedah					707,646
Pendapatan pengurusan					24,000
Lebihan sebelum cukai pada peringkat Institut					2,371,770

* Peruntukan manfaat kakitangan dan overhed pejabat wilayah adalah berdasarkan perkadaran tempoh yang diambil antara aktiviti keahlian dan Pembangunan Profesional, manakala peruntukan perbelanjaan sama yang lain adalah berdasarkan bilangan pekerja.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022

99

INSTITUT
AKAUNTAN
MALAYSIA

Laporan
Bersepadu
2022

20. PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN MENGIKUT SEGMENT OPERASI (SAMB.)

2021	Keahlian & Pendidikan RM	Pembangunan Profesional RM	Teknikal & Amalan Profesional RM	Pengawasan & Penguatkuasaan RM	Jumlah RM
Hasil	16,545,659	15,291,087	-	-	31,836,746
Pendapatan lain	897,809	692,650	344,203	571,899	2,506,561
Jumlah pendapatan	17,443,468	15,983,737	344,203	571,899	34,343,307
Tolak:					
Perbelanjaan					
langsung	(431,021)	(4,914,276)	(115,230)	(503,212)	(5,963,739)
Manfaat kakitangan	(1,961,876)	(2,554,672)	(1,560,369)	(3,173,774)	(9,250,691)
Overhead	(1,720,290)	(144,238)	(164,042)	(161,431)	(2,190,001)
	(4,113,187)	(7,613,186)	(1,839,641)	(3,838,417)	(17,404,431)
Lebihan/(kurangan) sebelum peruntukan perbelanjaan *	13,330,281	8,370,551	(1,495,438)	(3,266,518)	16,938,876
Tolak:					
Manfaat kakitangan – diperuntukkan Seperti dinyatakan sebelum ini	(2,841,369)	(3,450,234)	(1,623,640)	(1,928,073)	(9,843,316)
Pengklasifikasian semula	(244,056)	(620,486)	638,344	226,198	-
Seperti dinyatakan semula	(3,085,425)	(4,070,720)	(985,296)	(1,701,875)	(9,843,316)
Overhead – diperuntukkan Seperti dinyatakan sebelum ini	(1,401,373)	(1,701,667)	(800,784)	(950,930)	(4,854,754)
Pengklasifikasian semula	(80,969)	(287,768)	293,692	75,045	-
Seperti dinyatakan semula	(1,482,342)	(1,989,435)	(507,092)	(875,885)	(4,854,754)
	(4,567,767)	(6,060,155)	(1,492,388)	(2,577,760)	(14,698,070)
Lebihan/(kurangan) pada peringkat segmen	8,762,514	2,310,396	(2,987,826)	(5,844,278)	2,240,806
Pendapatan faedah					589,053
Pendapatan pengurusan					24,000
Lebihan sebelum cukai pada peringkat Institut					2,853,859

Nota:

- Aktiviti Keahlian & Pendidikan termasuklah memberi sokongan kepada Lembaga Pendidikan, Jawatankuasa Peperiksaan, Jawatankuasa Teknikal Bersama MIA-MQA, Jawatankuasa Pemantauan ASEAN CPA dan Kumpulan Kerja Jawatankuasa Profesional Muda.
- Aktiviti Teknikal & Amalan Profesional termasuklah memberi sokongan kepada Lembaga Piawaian Pengauditan dan Asurans, Lembaga Piawaian Etika, Jawatankuasa Penasihat Pasaran Modal, Jawatankuasa Pemandu Pelaporan Bersepadu, Jawatankuasa Kewangan Islam, Jawatankuasa Akauntan Profesional dalam Perniagaan, Jawatankuasa Perakaunan Sektor Awam, Jawatankuasa SMP, Jawatankuasa Amalan Insolvensi, Jawatankuasa Penilaian, Jawatankuasa Amalan Awam, Jawatankuasa Amalan Percukaian dan Jawatankuasa Pelaksanaan Teknologi Digital.
- Aktiviti Pengawasan & Penguatkuasaan termasuklah memberi sokongan kepada Jawatankuasa Penelitian Penyata Kewangan, Jawatankuasa Semakan Amalan, Jawatankuasa Penyiasatan, Jawatankuasa Tatatertib dan Lembaga Rayuan Tatatertib.
- Perbelanjaan pejabat wilayah, yang sebelum ini diperuntukkan kepada segmen berdasarkan bilangan pekerja, telah diperuntukkan berdasarkan perkadaran tempoh yang diambil antara aktiviti keahlian dan Pembangunan Profesional dalam tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022. Oleh itu, angka perbandingan manfaat kakitangan yang diperuntukkan dan overhead yang diperuntukkan telah diklasifikasikan semula untuk mematuhi perubahan dalam asas peruntukan.

NOTA-NOTA
PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022

20. PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN MENGIKUT SEGMENT OPERASI (SAMB.)

	2022 RM	2021 RM
Penyesuaian hasil dan pendapatan lain dengan Nota 15 dan 16:		
Hasil segmen	33,617,193	31,836,746
Pendapatan lain segmen	2,077,329	2,506,561
Pendapatan faedah	707,646	589,053
Pendapatan pengurusan	24,000	24,000
Jumlah pendapatan	36,426,168	34,956,360
Terdiri daripada:		
Hasil daripada kontrak dengan pelanggan (Nota 15)	35,033,773	32,928,150
Pendapatan lain (Nota 16)	1,392,395	2,028,210
Jumlah pendapatan	36,426,168	34,956,360

21. PENCUKAIAN

	2022 RM	2021 RM
Cukai pendapatan:		
- bagi tahun semasa	161,000	-
	161,000	-

Perbelanjaan cukai pendapatan bagi tahun kewangan semasa timbul berkaitan dengan pendapatan faedah.

Bagi tujuan cukai, Institut dikategorikan sebagai "Persatuan Perdagangan" di bawah Seksyen 53(3) Akta Cukai Pendapatan, 1967 yang mana pendapatan bercukai dikenakan cukai pada kadar skala.

Penyesuaian perbelanjaan cukai pendapatan yang boleh digunakan untuk lebih sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun kepada perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar cukai pendapatan efektif Institut adalah seperti berikut:

	2022 RM	2021 RM
Lebih sebelum cukai	2,371,770	2,853,859
Cukai dikira pada kadar cukai efektif sebanyak 23% (2021: 24%)	545,507	684,926
Kesan cukai daripada:		
- perbelanjaan tidak boleh ditolak bagi tujuan cukai	186,177	235,740
- pendapatan keahlian tidak tertakluk pada cukai	(775,424)	(1,396,671)
- pendapatan lain tidak tertakluk pada cukai	(33,028)	(216,779)
- aset cukai tertunda tidak diiktiraf	143,627	692,784
- lain-lain	94,141	-
	161,000	-

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022

101

INSTITUT
AKAUNTAN
MALAYSIA

Laporan
Bersepadu
2022

21. PENCUKAIAN (SAMB.)

Aset cukai tertunda tidak diiktiraf

Berkuat kuasa dari tahun taksiran 2009, berdasarkan Tambahan kepada Ketetapan Umum No 6/2005 yang dikeluarkan pada 1 Julai 2009, elaun modal dan kerugian daripada aktiviti keahlian jika tidak digunakan, tidak boleh dibawa ke hadapan ke tahun taksiran akan datang. Pada tarikh pelaporan, Institut mempunyai baki elaun modal tidak diserap dan kerugian belum guna berjumlah RM542,137 (2021: RM542,137) dari tahun-tahun taksiran sebelum tambahan itu berkuat kuasa.

Aset cukai tertunda terhasil daripada elaun modal tidak diserap, kerugian cukai belum guna dan lain-lain perbezaan sementara dibawa ke hadapan untuk aktiviti-aktiviti keahlian sebelum tahun taksiran 2009 dan untuk aktiviti-aktiviti bukan keahlian dan lain-lain perbezaan sementara tidak diiktiraf pada tarikh pelaporan kerana penggunaan manfaat cukai tersebut tidak dapat dijangka pada masa depan:

	2022 RM	2021 RM
Elaun modal tidak diserap	2,504,647	2,015,773
Kerugian cukai belum guna	6,743,865	6,743,865
Lain-lain perbezaan sementara	1,199,399	654,501
	10,447,911	9,414,139
Aset cukai tertunda berpotensi tidak diiktiraf pada 23% (2021: 24%)	2,403,020	2,259,393

Kerugian cukai belum guna bagi setiap tahun taksiran akan luput dalam masa 10 tahun berturutan menurut Seksyen 44(5F) Akta Cukai Pendapatan 1967 yang dipinda adalah seperti berikut:

	2022 RM	2021 RM
Tahun taksiran		
2028	1,898,588	1,898,588
2029	1,637,843	1,637,843
2030	1,682,599	1,682,599
2031	1,524,835	1,524,835
	6,743,865	6,743,865

22. TRANSAKSI PIHAK BERKAITAN

Berikut dianggap sebagai pihak berkaitan kepada Institut:

- Seseorang atau kenalan rapat kepada keluarga seseorang yang mempunyai kawalan, kawalan bersama atau mempunyai pengaruh penting atau seorang kakitangan pengurusan utama Institut.
- Satu entiti dikawal atau dikawal bersama oleh seseorang yang dikenal pasti dalam (i) atau seseorang yang dikenal pasti dalam (i) mempunyai pengaruh penting ke atas entiti atau merupakan seorang kakitangan pengurusan utama entiti tersebut.

NOTA-NOTA
PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022

22. TRANSAKSI PIHAK BERKAITAN (SAMB.)

Transaksi dijalankan dengan pihak berkaitan dalam tahun kewangan ini adalah seperti berikut:

	2022 RM	2021 RM
(a) Yuran dan pendapatan penajaan diterima daripada ahli-ahli Majlis dan pihak-pihak berkaitan dengan mereka		
Yuran keahlian tahunan dan yuran sijil amalan	199,600	199,300
Yuran acara dan persidangan	54,680	78,103
Penajaan dan pendapatan lain	171,484	177,468
(b) Yuran dibayar kepada ahli-ahli Majlis dan pihak-pihak berkaitan dengan mereka		
Yuran penceramah, yuran peperiksaan dan fasilitator	242,486	39,488
Peperiksaan Kelayakan dan yuran kontrak		

Transaksi ini dijalankan secara urusan perniagaan normal dengan terma komersial yang normal.

(c) Imbuhan kakitangan pengurusan utama

Kakitangan pengurusan utama ialah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti-aktiviti Institut secara langsung atau tidak langsung.

Kakitangan pengurusan utama Institut yang menerima imbuhan adalah Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah-pengarah Eksekutif Keahlian, Teknologi & Operasi, Teknikal & Amalan Profesional, Strategi & Pembangunan, Pengawasan & Penguatkuasaan dan Ekonomi Digital, Pelaporan & Risiko. Imbuhan kakitangan pengurusan utama bagi tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2022 RM	2021 RM
Gaji, bonus dan yuran kontrak	2,762,394	2,509,969
Caruman kepada KWSP	395,306	366,641
Lain-lain	5,083	5,210
	3,162,783	2,881,820

Jumlah imbuhan kakitangan pengurusan utama mengikut julat adalah seperti berikut:

Julat jumlah imbuhan (RM)	2022 Number of persons	2021 Number of persons
600,001 hingga 800,000	1	1
400,001 hingga 600,000	4	4
200,001 hingga 400,000	1	1
100,001 hingga 200,000	1	-

Jumlah baki imbuhan pada akhir tahun sebanyak RM668,373 (2021: RM405,944) yang perlu dibayar kepada kakitangan pengurusan utama dimasukkan dalam belum bayar dan akruan.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022

103

INSTITUT
AKAUNTAN
MALAYSIA

Laporan
Bersepadu
2022

23. INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan ialah sebarang kontrak yang mewujudkan aset kewangan bagi satu pihak dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti bagi pihak yang lain.

(a) Kategori instrumen kewangan

	Aset kewangan pada nilai saksama menerusi OCI RM	Aset kewangan pada kos terlunas RM	Liabiliti kewangan pada kos terlunas RM	Amaun dibawa RM
Pada 30 Jun 2022				
Aset kewangan:				
- Pelaburan dalam saham tidak disebut harga	7,458	-	-	7,458
- Pelaburan pada kos terlunas	-	11,500,000	-	11,500,000
- Belum terima dan deposit	-	1,456,330	-	1,456,330
- Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen	-	18,920,611	-	18,920,611
- Tunai dan baki di bank	-	7,280,051	-	7,280,051
Jumlah aset kewangan	7,458	39,156,992	-	39,164,450
Liabiliti kewangan:				
- Belum bayar	-	-	2,478,791	2,478,791
- Akruan	-	-	6,570,986	6,570,986
Jumlah liabiliti kewangan	-	-	9,049,777	9,049,777
Pada 30 Jun 2021				
Aset kewangan:				
- Pelaburan dalam saham tidak disebut harga	7,458	-	-	7,458
- Pelaburan pada kos terlunas	-	7,000,000	-	7,000,000
- Belum terima dan deposit	-	2,159,519	-	2,159,519
- Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen	-	18,242,361	-	18,242,361
- Tunai dan baki di bank	-	4,399,969	-	4,399,969
Jumlah aset kewangan	7,458	31,801,849	-	31,809,307
Liabiliti kewangan:				
- Belum bayar	-	-	1,947,093	1,947,093
- Akruan	-	-	5,316,388	5,316,388
Jumlah liabiliti kewangan	-	-	7,263,481	7,263,481

NOTA-NOTA
PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022

23. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMB.)

(b) Keuntungan bersih daripada instrumen kewangan

	2022 RM	2021 RM
Pendapatan atas simpanan tetap dan akaun semasa	402,120	522,511
Pendapatan daripada pelaburan pada kos terlunas	305,526	66,542
Yuran tertunggak dirosot nilai (bersih)	(223,250)	(331,400)
Belum terima (dirosot nilai)/pulihan (bersih)	(86)	12,105
	484,310	269,758

(c) Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan

Objektif pengurusan risiko kewangan Institut adalah untuk memastikan Institut mencipta nilai dan memaksimumkan pulangan pada Institut. Dasar pengurusan risiko kewangan Institut berusaha memastikan bahawa sumber kewangan dan bukan kewangan yang mencukupi tersedia bagi pelaksanaan operasi yang lancar. Institut mempunyai pendedahan terhadap risiko kredit, risiko kecairan dan risiko kadar faedah. Institut tidak melabur dalam saham disebut harga dan oleh itu, tidak terdedah kepada risiko pasaran akibat risiko turun naik instrumen kewangan berikutan perubahan dalam harga pasaran.

(i) Risiko kredit

Belum terima dan urus niaga dengan institusi kewangan dan lain-lain institusi mungkin mendatangkan risiko kredit yang memerlukan kerugian diiktiraf sekiranya pihak balas gagal menjalankan urusan sebagaimana ditetapkan dalam kontrak. Pihak balas ialah institusi kewangan berlesen dan lain-lain organisasi. Dasar Institut adalah untuk memantau kedudukan kewangan pihak-pihak ini secara berterusan bagi memastikan bahawa Institut terdedah kepada risiko kredit yang minimum.

Institut melaksanakan kawalan yang ketat dengan mengeluarkan ahli-ahli yang mempunyai baki tertunggak melebihi 6 bulan seperti yang diperuntukkan di bawah Kaedah-kaedah Institut Akauntan Malaysia (Keanggotaan dan Majlis) 2001. Walau bagaimanapun, disebabkan keadaan COVID-19 yang telah memberi impak ke atas ahli-ahli dalam tahun kewangan, Institut menggunakan budi bicaranya untuk memberikan lebih banyak masa kepada ahli-ahli untuk membayar yuran yang tertunggak.

Selain daripada yang dinyatakan, Institut tidak mempunyai tumpuan risiko kredit yang ketara. Pendedahan maksimum kepada risiko kredit diwakili oleh amaun dibawa aset kewangan dalam penyata kedudukan kewangan.

(ii) Risiko kecairan

Risiko kecairan atau pembiayaan ialah risiko ketidakupayaan memenuhi komitmen yang berkaitan dengan instrumen kewangan.

Institut mengamalkan pengurusan risiko kecairan yang berhemat untuk mengekalkan tahap tunai dan setara tunai yang mencukupi untuk memenuhi keperluan modal kerjanya.

23. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMB.)

(c) Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan (samb.)

(ii) Risiko kecairan (samb.)

Analisis kematangan

Profil kematangan liabiliti kewangan Institut pada akhir tempoh pelaporan berdasarkan kepada bayaran berkontrak tidak didiskaun adalah seperti berikut:

	Amaun dibawa RM	Aliran tunai kasar berkontrak RM	Tidak lebih daripada 1 tahun RM	1-5 tahun RM
2022				
Belum bayar dan akruan	9,049,777	9,049,777	9,049,777	-
Liabiliti pajakan	125,502	129,785	88,985	40,800
2021				
Belum bayar dan akruan	7,263,481	7,263,481	7,263,481	-
Liabiliti pajakan	285,287	298,487	168,702	129,785

(iii) Risiko kadar faedah

Institut terdedah kepada risiko kadar faedah bagi simpanan tetapnya dengan institusi kewangan berlesen dan bank dan penyimpanan dana dalam akaun amanah institusi. Institut menempatkan simpanan tetap dan penyimpanan pada kadar faedah yang kompetitif di bawah terma dan syarat yang paling baik. Oleh sebab simpanan dan penyimpanan ini tertakluk kepada kadar tetap dan tidak diambil kira pada nilai saksama melalui untung atau rugi, sebarang perubahan dalam kadar faedah pasaran tidak akan mempengaruhi keputusan kewangan untuk tahun kewangan ini dan dana Institut.

(d) Nilai saksama

Amaun dibawa aset kewangan dan liabiliti kewangan jangka pendek Institut pada akhir tahun kewangan menghampiri nilai saksamanya disebabkan oleh bentuk jangka pendek instrumen kewangan tersebut.

Amaun dibawa pelaburan jangka panjang pada kos terlunas menghampiri nilai saksamanya.

24. PENGURUSAN MODAL

Objektif Institut dalam menguruskan modal adalah:

- (a) untuk melindungi fungsi Institut, iaitu mengawal selia dan membangunkan kerjaya perakaunan di Malaysia selaras dengan kewajipan berkanunnya di bawah Akta Akauntan, 1967;
- (b) untuk membangun dan meningkatkan kecekapan para ahli menerusi pendidikan dan latihan berterusan bagi menghadapi cabaran ekonomi sejagat; dan

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022

24. PENGURUSAN MODAL (SAMB.)

Objektif Institut dalam menguruskan modal adalah: (samb.)

(c) untuk menyediakan modal bagi tujuan memperkukuhkan kecekapan operasi Institut.

Institut menyemak setiap masa dan menguruskan modalnya untuk memastikan kecukupan bagi keperluan operasi dan modal. Semua lebihan dipindahkan ke dana terkumpul untuk keperluan operasi masa depan.

Bagi tujuan pendedahan modal, Majlis menganggap dana terkumpul sebagai modal Institut.

25. KOMITMEN

	2022 RM	2021 RM
Perbelanjaan modal dibenarkan tidak diperuntukkan dalam penyata kewangan:		
(a) Pembangunan laman web	21,730	170,000
(b) Alatan analisis data	108,438	-
(c) Peralatan komputer	33,496	47,760
	163,664	217,760
Termasuk amaun dikontrak tetapi tidak diperuntukkan	163,664	47,760

26. KESAN COVID-19 KE ATAS INSTITUT

Pada Jun 2021, Kerajaan mengumumkan 4 fasa Pelan Pemulihan Negara dan seterusnya, negara telah beralih ke fasa endemik COVID-19 pada 1 April 2022.

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022, Institut terus berupaya mengadakan penglibatan bersama para ahli dan pihak berkepentingannya yang lain secara maya, hasil daripada transformasi operasi yang mana telah memperkukuhkan daya tahan Institut dalam mengharungi normal baharu. Ini termasuk aktiviti penglibatan, capaian serta pendidikan bersama Lembaga Pengarah/Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan kumpulan kerja berkaitan amalan teknikal dan profesional. Berhubung program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD), Institut telah memanfaatkan platform dalam talian untuk menjalankan aktiviti-aktiviti Pembangunan Profesional bagi menyokong keperluan CPD para ahli. Ini membolehkan Institut mengekalkan penjanaan pendapatan bagi menyokong pelbagai operasi Institut.

Institut telah menjalankan penilaian serta mempertimbangkan dengan teliti berkenaan kesan COVID-19 terhadap operasi dan kedudukan kewangan Institut. Bagi tahun kewangan seterusnya yang akan berakhir pada 30 Jun 2023, pendapatan yang dijana daripada aktiviti latihan secara fizikal serta latihan dan persidangan yang dijalankan menerusi platform dalam talian dijangka meningkat, manakala pendapatan keahlian dijangka meningkat secara marginal. Institut akan mengambil langkah-langkah rasionalisasi kos bagi mengoptimumkan kos operasi disamping memastikan objektif strategik dapat dicapai.

Pada masa pelaporan ini, Institut mempunyai simpanan tunai mencukupi untuk menampung keperluan modal kerja dan perbelanjaan modal bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2023 pada masa terdekat. Institut akan terus memantau perkembangan kesan COVID-19 dan bertindak sewajarnya.

1MDB	1Malaysia Development Berhad
AEC	Komuniti Ekonomi ASEAN
AFA	Persekutuan Akauntan ASEAN
AMLA	Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram
AOB	Lembaga Pemantauan Audit
ARMC	Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko
ASEAN	Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara
BNM	Bank Negara Malaysia
CARE	Pengalaman Relevan Akauntan Bertauliah
CEO	Ketua Pegawai Eksekutif
CFM	Rangka Kerja Kompetensi MIA
CFO	Ketua Pegawai Kewangan
CFT	Membanteras Pembiayaan Keganasan
CPE	Continuing Professional Education
CSAP	Jawatankuasa untuk Mengukuhkan Profesion Perakaunan
CSR	Corporate Social Responsibility
DAB	Lembaga Rayuan Tatatertib
DC	Jawatankuasa Tatatertib
DTIC	Jawatankuasa Pelaksanaan Teknologi Digital
E-AT	Accountants Today Elektronik
EBC	Pengesahan Bank Elektronik
ERM	Pengurusan Risiko Perusahaan
ESB	Lembaga Piawaian Etika
ESG	Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus
FRAP	Profesion Perakaunan yang Relevan pada Masa Depan
FSR	Penelitian Kewangan
FSRC	Jawatankuasa Penelitian Penyata Kewangan
GDP	Keluaran Dalam Negara Kasar
IA	Audit Dalaman
IAD	Jabatan Audit Dalaman
IAASB	Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan Antarabangsa
IC	Jabatan Penyiasatan
IESBA	Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan
IFAC	Persekutuan Akauntan Antarabangsa
IFRS	Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa
IIRC	Majlis Pelaporan Bersepadu Antarabangsa
IPSASB	Lembaga Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa
IR	Pelaporan Bersepadu
IR4.0	Revolusi Industri 4.0
IRB	Lembaga Hasil Dalam Negeri

ISAs	Piawaian Pengauditan Antarabangsa
KPI	Petunjuk Prestasi Utama
MACC	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
MAREF	Yayasan Penyelidikan Perakaunan dan Pendidikan Malaysia
MATRADE	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
MCCG	Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia
MCO	Perintah Kawalan Pergerakan
MDEC	Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia
MIA QE	Peperiksaan Kelayakan MIA
MITI	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
MFRS	Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia
MICPA	Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia
MMIS	Sistem Maklumat Keahlian MIA
MOF	Kementerian Kewangan
MOSTI	Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi dan Inovasi
MOU	Memorandum Persefahaman
MPERS	Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia
MPSAS	Malaysian Public Sector Accounting Standards
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia
MRMC	Jawatankuasa Pengurusan Risiko Pengurusan
NACRA	Anugerah laporan Korporat Tahunan Kebangsaan
NC	Jawatankuasa Pencalonan
NOC	Notis Aduan
OC	Jawatankuasa Penyeliaan
PAIB	Akauntan Profesional dalam Perniagaan
PAO	Organisasi Perakaunan Profesional
PC	Sijil Amalan
PIEs	Entiti Kepentingan Awam
PPP	Program Amalan Awam
PR	Semakan Amalan
QAP	Program Penilaian Kualiti
SC	Suruhanjaya Sekuriti
SMEs	Perusahaan Kecil dan Sederhana
SMPs	Amalan Kecil dan Sederhana
SOPs	Prosedur Operasi Standard
TCFD	Pasukan Petugas ke atas Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim
TOR	Bidang Tugas
UN SDGs	Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
WFH	Bekerja dari Rumah

Mengurangkan Kesan Alam Sekitar daripada Laporan ini

Kami berusaha gigih untuk menguruskan dan meminimumkan kesan alam sekitar yang timbul daripada penghasilan laporan bersepadu kami dan proses yang berkaitan dengannya.

Walau bagaimanapun, anda boleh membuat perubahan yang besar.

Tahukah anda bahawa hutan seluas satu padang bola ditebang setiap saat? Mainkan peranan anda, jika anda boleh memuat turun salinan elektronik Laporan Bersepadu MIA 2021 dan bukannya meminta salinan bercetak.



Dicetak dengan

dakwat dengan ciri eko

diperbuat daripada peratusan minyak sayuran yang lebih tinggi untuk mengurangkan pelepasan sebatian organik meruap (VOCa). Mengandungi tahap bahan kimia yang lebih rendah, dengan itu mengurangkan pencemaran kepada alam sekitar melalui proses pencetakan.



Jumlah jejak karbon untuk satu salinan Laporan Bersepadu MIA 2022 adalah

5.97kgCO₂e

Kami komited untuk mengurangkan kesan alam sekitar daripada laporan bersepadu kami dan akan terus berikhtiar untuk mengurangkan jumlah gas rumah hijau (GHG) yang dilepaskan sepanjang proses mereka bentuk dan mencetak.



Sisa kertas dan pencetakan

dikendalikan dengan bertanggungjawab

melalui kitar semula bagi mengurangkan beban ke atas tanah.



Dicetak dengan

mesin cetak neutral karbon,

bahan dengan ciri eko, diuruskan dan diperakui di bawah sistem pengurusan alam sekitar

ISO 14001:2015

untuk mengurangkan kesan alam sekitar.



Reka bentuk eko merupakan kedua-duanya prinsip dan pendekatan. Ia terdiri daripada sistem pengurusan alam sekitar dengan

kriteria perlindungan alam sekitar yang bersepadu

untuk mengurangkan kesan alam sekitar.



Sumber kertas daripada

hutan dengan pengurusan yang bertanggungjawab

yang memberikan manfaat alam sekitar. Halaman kulit dicetak di atas Kertas FSC Mix Credit Rives Sensational Gloss 100% Dikitar Semula Shetland Bright White 270gsm Halaman dalaman dicetak di atas Kertas Pencetakan FSC Mix Credit UPM Fine Woodfree 120gsm.



Halaman kulit: Dicitak di atas Kertas FSC Mix Credit Rives Sensational Gloss
100% Dikitar Semula Shetland Bright White 270gsm
Halaman Dalam: Dicitak di atas Kertas Pencetakan FSC Mix Credit UPM
Fine Woodfree 120gsm



www.mia.org.my

IBU PEJABAT
Malaysian Institute of Accountants
Dewan Akauntan
Unit 33-01, Level 33
Tower A, The Vertical
Avenue 3, Bangsar South City
No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur, Malaysia
T +603 2722 9000 | F +603 2722 9100

PEJABAT SERANTAU MIA

Johor

T +607 227 0369
F +607 222 0391
E miajbu@mia.org.my

Northern

T +604 261 3320
F +604 261 3321
E miapng@mia.org.my

Sabah

T +6088 261 291
F +6088 261 290
E miakku@mia.org.my

Sarawak

T +6082 418 427
F +6082 417 427
E miakch@mia.org.my